

**Bil. 23**

**Khamis  
20 April 2006**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**



## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL:</b>	
Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)	(Halaman 18)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. " Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. " Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
15. " Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

#### **SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

12. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

#### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO

20. Yang Berhormat Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC

58. Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. " Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. " Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. " Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. " Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. " Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO

95. Yang Berhormat Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**DEWAN RAKYAT**

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)**

Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS**

**PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli



**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Khamis, 20 April 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat** ]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, di dalam akhbar-akhbar ada melaporkan bahawa ada sindiket-sindiket membuat *MyKad* dan dokumen palsu. Setakat ini apakah tindakan kementerian dan berapa ramaikah yang sudah dibawa ke muka pengadilan dan apakah hukuman yang dikenakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa memantau dari semasa ke semasa perkembangan mengenai *MyKad* dan dokumen palsu di negara ini. Sehingga kini, hanya *MyKad* yang *ditempered*, yang dapat dirampas manakala dokumen lain yang dipalsukan hanya melibatkan Sijil Kelahiran dan dokumen pengenalan sementara sahaja. Proses *tempered* ini dilakukan melalui pindaan butiran dan gambar di lapisan plastik di permukaan *MyKad* asal dan kebiasaannya cip yang terdapat pada *MyKad* berkenaan dengan sengaja dirosakkan agar maklumat sebenar di dalam *chip* itu tidak dapat dibaca. Sumber *MyKad* asal itu diperolehi daripada *MyKad* yang dihilangkan oleh pemilik-pemilik asalnya.

Pihak kementerian sentiasa memandang serius tentang kegiatan sindiket-sindiket membuat *MyKad* dan dokumen palsu yang dilakukan di negara ini. Oleh yang demikian, pihak kementerian di Jabatan Pendaftaran Negara, Imigresen dan dengan kerjasama pihak polis sentiasa mengambil tindakan bagi mengesan pemalsuan dokumen pengenalan yang melibatkan sindiket berkenaan.

Pada tahun 2005 sahaja, seramai 260 orang telah diambil tindakan undang-undang di bawah peraturan-peraturan Pendaftaran Negara oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara. Hukuman yang boleh dikenakan ke atas pesalah-pesalah terbabit dengan kegiatan pemalsuan kad pengenalan ialah hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan denda tidak melebihi RM50,000 atau keduanya sekali. Selain daripada itu, orang-orang yang terlibat dengan sindiket ini juga boleh ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di dalam sesuatu tempoh tertentu. Terima kasih.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan tindakan yang diambil oleh pihak kementerian tetapi, apa yang mendukacitakan, jawapan yang diberi mengatakan kerajaan boleh menahan sebelum kita dapat nampak tindakan-tindakan yang berkesan. *MyKad* Tuan Yang di-Pertua, *MyKad* ini satu dokumen yang saya anggap bermutu rendah kerana boleh ditukar gambar.

Dan apabila polis mengadakan *roadblock*, dia tidak boleh tahu, ini *MyKad* palsu atau *MyKad* tidak palsu kerana dia tidak ada mesin untuk kaji membaca sama ada ini palsu atau tidak. Jadi, persoalan saya bilakah kementerian bercadang untuk menukar semua *MyKad* ini dengan satu *MyKad* yang dianggap nombor wahid. Tidak boleh lagi dipalsukan, nombor wahid. Kemudian ada mesin-mesin untuk mengesan kepada setiap polis, setiap penguat kuasa boleh dapat tahu sama ada *MyKad* itu *genuine* atau tidak? Bila masa dan berapa lama yang kita tunggu-tunggu ini, sejak dahulu hingga sekarang. Berapa lama kita mahu tahu?

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kalabakan, sebenarnya pihak polis telah dibekalkan mesin pembaca atau *reader* bagi membolehkan mereka mengesan sama ada sesuatu *MyKad* itu tulen ataupun palsu. Buat masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk menukar *MyKad* yang telah diperkenalkan kerana daripada sejumlah 18 juta *MyKad* yang telah dikeluarkan, hanya beberapa kes yang kecil yang dapat dikesan. Dengan itu, kita berpendapat bahawa *MyKad* yang ada sudah cukup baik dan walau bagaimanapun kerajaan akan sentiasa meneliti dan mengkaji mutu *MyKad* ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Alor Star.

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, pada suatu ketikanya, diperkatakan *MyKad* yang dikeluarkan oleh kerajaan tidak boleh dipalsukan kecuali dengan mengguna dokumen yang palsu untuk mendapat *MyKad* sahaja tetapi, hari ini, kita dapat melihat begitu banyak kad kredit bank yang begitu canggih pun boleh dipalsukan. Maka saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sama ada keadaan masih begini juga? Maksudnya, *MyKad* tidak boleh dipalsukan, dan apakah, macam mana Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dapat mengetahui sama ada *MyKad* itu yang palsu atau *MyKad* yang dipalsukan ataupun *MyKad* yang menggunakan dokumen yang palsu untuk mendapat *MyKad*.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat daripada Alor Star, *MyKad* seperti mana yang telah saya jelaskan tadi, memang tidak boleh dipalsukan. Saya telah menjelaskan tadi bahawa *MyKad* yang didapati dikatakan palsu hanya ditukar di permukaan, iaitu butir-butir di permukaan dan gambar sedangkan cipnya tidak dapat ditukar. Terima kasih.

**2. Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]** minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada kerajaan akan meminda Akta Profesion Undang-undang, 1976 untuk mengurangkan kehendak kuorum Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Peguam Malaysia berikutan dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan baru-baru ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, pada 13 September 2005, Mahkamah Rayuan dalam kes Badan Peguam Malaysia melawan Louis Edward Van Buerle iaitu Rayuan Sivil Nombor W0256805 telah memutuskan bahawa kuorum untuk sesuatu mesyuarat agung tahunan bagi Majlis Peguam Malaysia adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 67, Akta Profesion Undang-undang 1976, iaitu Akta 166.

Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Peguam Malaysia yang baru diadakan pada 18 Mac 2006, telah berjaya dilangsungkan kerana kuorum di bawah seksyen 67, Akta 166 telah dapat dicapai.

Namun begitu, kerajaan peka tentang masalah yang dihadapi oleh Majlis Peguam Malaysia dan bagi mengelakkan masalah kuorum daripada berbangkit lagi di masa hadapan, kerajaan sedang mengkaji Akta Profesion Undang-undang 1976, untuk membuat pindaan ke atasnya bagi mengatasi masalah kuorum ini.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Profesion Undang-undang, saya difahamkan wujud juga satu peruntukan yang sebenarnya melarang Ahli Parlimen daripada menjadi Ahli Jawatankuasa Majlis Peguam Malaysia dan saya difahamkan juga bahawa Majlis Peguam Malaysia telah pun pernah berbincang dengan pihak kerajaan, inginkan pihak kerajaan juga memansuhkan peruntukan ini supaya Ahli Parlimen boleh juga menjadi ahli jawatankuasa bagi Majlis Peguam Malaysia. Soalan tambahan saya, setakat manakah perbincangan itu telahpun berlangsung, dan apakah perkembangan yang terbaru? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Memang betul, iaitu Majlis Peguam Malaysia ada pernah sebelum saya menjadi Menteri yang dipertanggungjawabkan ke atas undang-undang, ada berjumpa dengan pihak kerajaan. Setelah saya menjawat jawatan ini juga, mereka membuat kunjung hormat kepada saya dan telah berbincang dengan saya berkenaan dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Namun, oleh sebab soal ini memerlukan kepada satu syif iaitu dari segi dasar dan ia tidak seperti kuorum tadi, maka dia terlebih dahulu terpaksa dibawa ke pihak jemaah menteri untuk dibincang kerana ia melibatkan dasar. Jadi setakat ini saya tidak boleh menyatakan iaitu bahawa sama ada kerajaan telah bersetuju ataupun tidak sehinggalah perkara ini dibangkit dan dibincang dalam Jemaah Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh Barat, mengenai kuorum.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dahulu, tahun dahulu saya telah membangkitkan mengenai perkara kuorum. Sebenarnya, Menteri telah mengadakan beberapa mesyuarat dengan kami dan juga Majlis Peguam. Di mesyuarat tersebut, Menteri telah memberitahu yang dia berpendapat bahawa pemindaan ini perlu dibuat. Sudah lebih satu tahun, Menteri telah berjanji akan membuat dan mengimplementasikan perkara itu. Apakah sebab kelewatan-kelewatan ini? Kita perlu *walk the talk*. Bukankah perkara ini patut disegerakan dengan seberapa yang boleh dan baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri, Majlis Peguam telah mengadakan satu kontroversi yang terlampau di mana *no discount rule* kepada *conveyance practice*, dengan izin. Ini telah bercanggah dengan idea globalisasi dalam negara ini dan adakah ini *no discount rule* kepada pemindahan milik dibenarkan atau dipersetujui oleh kerajaan? Adakah kerajaan akan mengadakan satu pendirian yang lain dan memberi syor kepada Majlis Peguam supaya jangan membelakangkan sistem globalisasi dan sistem yang kita ada sekarang? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita meminda satu-satu akta, maka kita meminda akta itu secara keseluruhannya. Kalau Yang Berhormat sebut tentang kuorum, itu hanya satu daripada seksyen yang sedang dilihat oleh pihak kerajaan untuk dipinda. Baru sahaja kita bercakap tentang kuorum, hari ini juga Yang Berhormat Kota Melaka bangkitkan berkenaan dengan seksyen 46 yang harus kita lihat juga.

Sebelum saya habis kata kita buat keputusan, Yang Berhormat Ipoh Barat pula bangkit soal bagaimana Majlis Peguam membelakangkan soal diskaun ini. Jadi in bermakna bahawa banyak masalah sebenarnya berkenaan dengan Akta Profesion Undang-undang 1976.

Kita tidak boleh bila kita hendak pinda satu seksyen, kita pinda, bawa ke Dewan Rakyat. Jadi kita kena pinda keseluruhannya. Jadi mungkin isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan kuorum itu telah pun mendapat persetujuan tetapi ada perkara lain lagi dalam akta 1976 ini yang perlu kita lihat secara keseluruhan dan apabila kita buat pindaan, kita buat pindaan sekali gus dan tidak *piecemeal* seperti yang mungkin dikehendaki oleh Yang Berhormat. Oleh sebab itu kalau Yang Berhormat bertanya mengapa kita lambat, kerana kita melihat secara keseluruhan Akta Profesion Undang-undang 1976...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Satu tahun tidak cukup?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Satu tahun tidak cukup sebab dalam negara kita ini kita ada banyak undang-undang. Kita ada banyak akta...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Undertaking* telah diberi oleh Menteri, bukan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Soalnya macam hari ini, soal Yang Berhormat bangkit berkenaan dengan diskaun yang...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *No discount rule.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ..Ini tidak dibangkit dahulu. Perlu kita lihat kepada undang-undang sekarang bagaimana hendak mengatasi masalah yang baru sahaja dibangkit oleh Yang Berhormat Ipoh Barat pada hari ini. Sebab itu tidak boleh pindalah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *No*, Yang Berhormat Menteri mesti peka kepada perkara macam ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Memanglah kita peka.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *You should know the hands on.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebab itu berbangkit sekarang, dia tidak bangkit setahun dulu. Setahun dulu tidak cakap macam ini. Dia cakap hari ini tentang perkara itu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan, ini satu perkara yang semua orang tahu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi saya tidak tahulah Parlimen DAP, saya tidak tahu tetapi Parlimen kita ada prosedur, kita ikut prosedur.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Elak, elak jawapan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih.

**3. Chong Hon Min [Sandakan]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, apakah dan kesannya operasi membanteras kecurian bekalan elektrik dan air di sekitar Sandakan. Nyatakan kawasan lain yang mempunyai banyak kes sebegini dan jelaskan punca sebabnya serta langkah untuk mengurangkannya. Apakah masalah yang dihadapi pihak Kementerian dalam melaksanakan operasi tersebut

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab soalan nombor 3. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, masalah kecurian bekalan elektrik dan air di kawasan Sandakan adalah merupakan masalah yang sememangnya diketahui umum dan sentiasa diberi perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab seperti Suruhanjaya Tenaga, Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), pihak berkuasa bekalan air negeri, Majlis Perbandaran Sandakan dan Polis Diraja Malaysia.

Pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan bagi membendung masalah ini. Mengenai masalah kecurian bekalan elektrik, kebanyakan masalah berpunca daripada pendatang tanpa izin (PTI) di mana lokasi kecurian elektrik adalah tertumpu kepada penempatan-penempatan PTI di sekitar kawasan Sandakan. Dalam usaha menangani masalah ini, pihak Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) telah menjalankan operasi memotong sambungan-sambungan haram yang dibuat oleh PTI secara berulang kali. Walau bagaimanapun, tindakan ini tidak dapat membendung masalah kecurian elektrik kerana penyambungan semula sering dibuat oleh penduduk-penduduk di penempatan tersebut sebaik sahaja SESB beredar dari kawasan tersebut.

Tambahan pula operasi memotong sambungan elektrik haram turut menjejaskan keselamatan anggota kerja SESB di mana terdapat anggota kerja yang pernah diserang dan diugut. Operasi pemotongan sambungan haram juga memerlukan tenaga pekerja yang ramai iaitu kira-kira 40 orang setiap operasi bagi menangani isu keselamatan anggota kerja. Pendekatan lain yang turut diambil oleh SESB ialah membekalkan elektrik secara sah di sisi undang-undang kepada beberapa kawasan kecil seperti di Kampung Bangau-Bangau, Semporna.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah kecurian air pula di sekitar Sandakan, operasi membanteras kecurian air telah dijalankan secara berterusan melalui penguatkuasaan undang-undang di bawah Enakmen Bekalan Air Sabah 2003. Pada masa ini kesan daripada operasi tersebut amat ketara dengan pengurangan jumlah kes-kes kecurian air dan kadar air tidak terhasil, *non revenue water* yang semakin menurun.

Kawasan-kawasan lain di negeri Sabah juga mempunyai kes yang sama dan tindakan yang sama juga diambil oleh pihak berkuasa air negeri termasuklah mengenakan kompaun kepada mereka yang didapati mencuri air. Antara punca kecurian air sering dikesan oleh pihak berkuasa air negeri adalah ketidakmampuan untuk membayar penyambungan bekalan air dan pembayaran caj air, kurang kesedaran terhadap kesalahan mencuri air, vandalisme dan sebagainya.

Dalam menangani masalah kecurian air, pihak berkuasa air negeri telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini seperti melancarkan kempen kesedaran penggunaan air, menguatkuasakan undang-undang dengan lebih ketat, mengadakan rondaan tidak berjadual, mengejut dan mengadakan pengawasan ke atas sistem agihan secara berterusan.

Di samping itu pihak berkuasa air negeri juga menawarkan pembayaran caj air secara ansuran kepada mereka yang tidak berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga kes kecurian bekalan elektrik, Pihak Berkuasa Air Negeri Sabah turut menghadapi masalah dari segi keselamatan anggota kerja dalam melaksanakan operasi membanteras kecurian air, terutamanya di kawasan-kawasan setinggan. Masalah ini perlu ditangani secara bersepadu dan memerlukan kerjasama daripada semua pihak.

Sehubungan dengan itu, pihak berkuasa air negeri dan SESB sentiasa turut serta dalam melaksanakan operasi bersepadu bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pendaftaran, RELA dan pihak berkuasa tempatan bagi membanteras kegiatan-kegiatan yang melanggar undang-undang termasuklah kegiatan mencuri bekalan air dan elektrik. Operasi-operasi ini didapati adalah lebih berkesan dan selamat. Terima kasih.

**Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberi. Nampaknya tindakan-tindakan yang diambil berkesan tetapi sebenarnya aktiviti kecurian masih berlaku.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Masuk Barisan Nasional boleh selesaikan.

**Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:** Sehingga awal bulan Mac tahun ini, tindakan membuka sambungan haram dijalankan tetapi selepas kabel-kabel haram yang dibuka pada waktu pagi, disambung balik di sebelah petang pada hari yang sama itu. Nampaknya penghuni-penghuni rumah setinggan ini langsung tidak hormat kepada kedaulatan undang-undang negara kita. Mungkin ada di antara mereka ketawa kerana unit-unit penguat kuasa kita tidak berguna.

Jadi saya diminta oleh rakyat di Sandakan supaya bertanya di Dewan yang mulia ini mengapakah golongan orang yang tidak bertanggungjawab ini diberikan keistimewaan seperti ini dan tindakan undang-undang yang keras tidak diambil terhadap mereka? Minta penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, kerana ramai pendatang asing datang ke negara kita kerana negara kita ini mewah dan makmur. Itu sebab utama. Bagaimana kita halang mereka ini, kita tidak bagi sambungan, mereka tetap datang. Tidak ada elektrik, tidak ada bekalan air, mereka tetap datang kerana di sini mereka dapat cari makan.

Jadi kita mintalah kerjasama Yang Berhormat supaya bersama-sama dengan kerajaan apabila kita turun ke padang untuk memastikan mereka ini tidak curi bekalan elektrik dan air, supaya memberi penerangan kepada mereka, bila datang ke negara orang, ikut undang-undang di negara ini. Ini yang dapat saya maklumkan kepada Yang Berhormat.

Dari segi pihak kementerian, kita sentiasa menggalakkan orang ramai tampil memberi maklumat kegiatan mencuri elektrik yang berlaku dan dalam masa yang sama, SESB dan pihak berkuasa air negeri mengadakan serbuan ke atas pengguna-pengguna yang selalu disyaki melakukan kecurian. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang dijawab terlebih dahulu, ia tidak boleh dilakukan hanya dengan satu pihak kerana keselamatan anggota-anggota SESB dan juga pihak berkuasa bekalan air perlu diambil kira ketika melakukan serbuan-serbuan ini. Terima kasih.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada isu besar dalam soalan ini dan jawapan daripada Timbalan Menteri. Isu sebenarnya adalah disebabkan oleh undang-undang, Tuan Yang di-Pertua. Pihak PBT tidak mengizinkan penyambungan yang dibuat oleh pembekal elektrik ini disebabkan oleh status mereka sebagai setinggan. Ini mengajak mereka untuk mendapatkan sambungan elektrik dengan cara yang salah.

Adakah Timbalan Menteri ataupun kementerian ini melihat ini sebagai satu isu yang harus ditangani bersama dengan pihak PBT untuk menangani masalah kecurian ini secara tidak sengaja disebabkan oleh peraturan dan undang-undang yang ada dalam negara kita. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Pada masa ini juga telah terdapat beberapa kawasan yang mana didiami setinggan telah mendapat bekalan elektrik setelah SESB berhubung dan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan yang mana akhirnya mereka melakukan kontrak sambungan sementara. Ini secara tidak langsungnya berjaya menangani kekurangan kecurian bekalan elektrik di negeri Sabah Tetapi di masa yang sama, Kerajaan Negeri Sabah juga tidak menggalakkan ataupun membenarkan dengan mudah pendatang asing untuk datang ke negeri Sabah dan tinggal di situ secara tidak sah. Terima kasih.

**4. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah status dan perkembangan terkini berhubung dengan pelaksanaan *Labuan International Ship Registry* yang diberikan kepada Wilayah Persekutuan Labuan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, Sistem Pendaftaran Kapal Antarabangsa Labuan atau *Labuan International Ship Registry* sedang di dalam tindakan penubuhan. Sistem pendaftaran ini diperuntukkan di bawah Bahagian 2C Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Bagi maksud penubuhan pendaftaran juga, pemindahan pelabuhan pendaftaran kapal Malaysia sedia ada di bawah Bahagian 2A Sistem Pendaftaran Internasional dari Labuan ke Kota Kinabalu sedang dilakukan. Proses pemindahan ini sedang berjalan.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Kementerian Pengangkutan ini tidak serius buat kerjalah, Tuan Yang di-Pertua... *[Disampuk]* Kalau macam ini macam mana Perdana Menteri yakin Rancangan Malaysia Kesembilan boleh berjaya di bawah Kementerian Pengangkutan, saya pun tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran kapal ini ataupun *International Ship Registry* ini diumumkan oleh matan Perdana Menteri pada tahun 2003 serentak dengan Langkawi. Langkawi sudah beroperasi pendaftaran kapal-kapal layar di Langkawi sudah mula beroperasi. Saya tidak faham kenapa yang ini masih tidak selesai walaupun telah mengambil masa tiga tahun. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah yang pandai atau tidak pandai di Kementerian Pengangkutan ini buat kerja ini? Kalau tidak pandai, buat *outsourcing*. Jangan lambat-lambatkan benda macam ini. Ini diumumkan oleh Perdana Menteri, bukan diumumkan oleh Menteri Pengangkutan. Tidak boleh buat kerja, berhenti!

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Labuan. Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Labuan memahami segala masalah dan isu-isu yang berkaitan dengan penubuhan *Labuan International Ship Registry* ini. Untuk makluman Dewan ini, keputusan kerajaan untuk memilih Labuan sebagai satu tempat di negara Malaysia ini untuk *International Ship Registry* ini adalah satu keputusan yang mengiktiraf kedudukan Labuan sebagai satu tempat yang baik. Jadi ada beberapa langkah yang perlu diambil dan langkah-langkah ini adalah peringkat terakhirnya. Oleh yang demikian saya akan memberi jaminan kepada Yang Berhormat, perkara ini kita akan selesaikan tidak lama lagi.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, hari ini negara kita telah menjadi negara *trading* yang penting di dunia iaitu nombor 17 dalam dunia kita uar-uarkan ini tetapi soalnya benda yang sekecil ini, pendaftaran kapal dagang, pendaftaran kapal layar pun kita tak bisa untuk mengatasi, bagaimana pak? Sudah tiga tahun ini bukan tiga bulan? Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita mempunyai wawasan yang lebih besar. Kalau ini benda yang kecil kita tidak boleh buat, arahan PM lagi...

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Suruh Menteri, Timbalan Menteri semua berhenti.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya tidak cakap Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kurangkan bercakap Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Kita mohon supaya kementerian serius berkenaan benda-benda ini... [*Disorak*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu lebih baik perkataannya, gunakan perkataan serius.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kita Kementerian Pengangkutan memang serius untuk mengatasi apa-apa masalah yang di hadapan kita.

Yang kedua, perkara *Labuan International Ship Registry* ini bukan perkara yang kecil. Ini suatu perkara yang besar kerana apabila kita mengadakan suatu tempat untuk mendaftar suatu kapal, ini bukan sama dengan kita mendaftar kereta kerana kapal-kapal yang didaftar ini mungkin tidak singgah ataupun tidak ditempatkan di Labuan tetapi di merata-rata dunia. Maka banyak peraturan-peraturan, banyak protokol-protokol, banyak perkara yang perlu dihalusi supaya apabila *registry* ini dimulakan nanti, masalah-masalah yang kita hadapi dapat dikurangkan. Kita serius dan ini bukan perkara kecil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam mempersoalkan menteri atas tanggungjawab mereka, saya harap kata-kata untuk supaya menteri berhenti dan sebagainya dapat dikurangkan kalau tidak ada. Tidak pun tidak ada langsung. Atas satu atau dua kelewatan tanpa mengkaji dengan sepenuhnya apakah sebab-sebab dan sebagainya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sokong tetapi, Menteri juga harus berbudi bahasa.

Apa salah mengaku kesilapan umpamanya minta maaf, terlewat dan kami akan terus..., begitulah apa salahnya Tuan Yang di-Pertua. Menteri pun harus juga berbudi bahasa dan kalau minta maaf bukanlah suatu kerugian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat Parit Sulung.

**5. Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah perubahan dari sudut penambahbaikan bidang kuasa, struktur, undang-undang dan perkembangan Biro Pengaduan Awam yang pada ketika ini tidak bermaya dari sudut penguatkuasaan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan asal penubuhan BPA adalah sebagai penghubung di antara rakyat dan kerajaan iaitu untuk merangkumi aduan-aduan orang ramai terhadap agensi-agensi kerajaan termasuk agensi yang diswastakan.

Pada masa ini BPA menjalankan tugas dan peranan berdasarkan pekeliling-pekeliling dan Arahan-arahan Pentadbiran yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, tindakan sedang diambil dalam usaha memantapkan organisasi BPA agar ia dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan. Antaranya termasuk pelantikan Bahagian Penasihat BPA dan mengkaji keperluan perjawatan dan kuasa-kuasa yang diperlukan. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan-cadangan untuk memantapkan BPA akan dimajukan kepada pihak kerajaan untuk pertimbangan selanjutnya.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya rasa Biro Pengaduan Awam ini memang pandai buat kerja tetapi dianya tidak lebih sebagai orang tengah sahaja. Kita beri dia aduan, dia ambil surat aduan kita, dia hantar kepada jabatan. Lepas itu jabatan jawab, ambil keratan itu hantar kepada kita. Baik tidak payah buatlah... [*Disorak*] [*Dewan riuh*]

Sebab apa, semasa dia hantar surat terus pergi ke jabatan, jabatan sempat buat apa sahaja dalam apa sahaja dokumen itu. Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri, sampaikanlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya mencadangkan supaya satu unit khas dibuat dalam Biro Pengaduan Awam untuk..., "*dealing*", apa dalam Bahasa Melayu?

**Seorang Ahli:** Berurusan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berurusan, berurusan....

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Berurusan, minta maaf saya, untuk berurusan dengan aduan-aduan khusus daripada Wakil Rakyat. Kita Wakil Rakyat ini Tuan Yang di-Pertua, kita mengadu macam-macam. Semalam Yang Berhormat Mambong bercakap di tempat beliau. Di tempat saya, berbuih-buih saya cakap. Projek ini kalau kita hendak bercakap, projek ini akan tidak berjaya, akan tidak berjaya, 513 kali saya sudah bercakap akan tidak berjaya tetapi, memang akhirnya gagal. Maafkan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Saya ingin memberi cadangan, ini bukan soalan tetapi hendak tanya sama ada setuju atau tidak cadangan ini dahulu... [*Dewan riuh*] Cadangan saya, Menteri buat satu *paper, direct to the point* kepada Perdana Menteri, masuk mesyuarat kabinet, unit khas dalam Biro Pengaduan Awam untuk berurusan dengan aduan-aduan dengan Wakil-wakil Rakyat dan jangan ambil aduan itu dan hantar ke jabatan minta maklum balas.

Ambil aduan itu, bergerak start kereta, jalan pergi tengok fail-fail semua, proaktif dan segala aduan itu mestilah diberi maklum balas dalam suatu jangka masa yang tepat. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, semua aduan itu mestilah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, sila jawab Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Saya mengakui bahawa ada tempatnya untuk kita memberi cadangan-cadangan untuk menambah baik apa yang sekarang ini dikhidmatkan oleh Biro Pengaduan Awam.

Sebentar tadi saya telah maklumkan bahawa satu kajian atau satu cadangan akan disampaikan kepada pihak kerajaan untuk dapat menambah baik perkhidmatan ini mungkin memberi kuasa yang sesuai supaya dia dapat menyasat perkara-perkara yang dibawa ke hadapannya. Saya akui bahawa masalah BPA sekarang ini ialah BPA ini tidak mempunyai kuasa seperti BPR dan sebagainya. Satu cadangan akan dikemukakan kepada kerajaan semua apa yang dicadangkan ini akan dimuatkan. Saya berterima kasih kalau ada daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mendapat undangan yang boleh dimuatkan dalam kajian-kajian yang dijalankan oleh BPA sekarang ini...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, bukankan suatu petunjuk kegagalan BPA ialah dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan di mana ramai Ahli-ahli Parlimen ada kompelin mengenai keberkesanan perkhidmatan awam di mana Yang Berhormat Johor Bahru pun berkata buang kakitangan awam yang malas, "*carrots and the stick*" masa untuk bukan untuk "*carrots*", untuk "*stick*" dan semua Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional kata halangan yang terbesar untuk kejayaan ketiga-tiga rancangan Malaysia ialah kakitangan-kakitangan awam.

Bukankah ini menunjukkan bahawa kegagalan BPA oleh kerana kalau BPA berkesan, kompelin ini tidak timbul dan sehingga kita sekarang perlu melantik pakar-pakar daripada *Harvard University* untuk merombak perkhidmatan awam. Bukan ini itu malau? Tidakkah kita ada pakar-pakar tempatan untuk menjalankan tugas ini.

Akhirnya, adakah Yang Berhormat bersetuju masa sudah sampai untuk membubarkan BPA dan melantik suatu *external mechanism* semacam *ombudsmen* atau *parliamentary commissioner*, *parliamentary ombudsmen* supaya berkesan dan *kompelin* semua ini termasuk daripada Ahli-ahli Parlimen mengenai perkhidmatan *public service* boleh diselesaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, sila.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, saya senang hatilah pada hari ini mendengar sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai suatu usaha untuk memperbaiki lagi perkhidmatan Biro Pengaduan Awam ini. Semua yang telah disarankan pada pagi ini akan diambil kira oleh BPA dan sebentar tadi saya telah mengatakan bahawa BPA telah menubuhkan suatu badan penasihat dan mereka akan juga mendapat peluang untuk mengkaji apa yang telah disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Baru-baru ini, kerajaan telah meluluskan penambahan bilangan kakitangan dari 80 kepada 200. Kita akan menubuhkan pejabat-pejabat di empat buah negeri lagi termasuk Sabah dan Sarawak. Saya ingat ini akan dapat kita memperluaskan perkhidmatan BPA di seluruh negara.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jawapan ikhlas.

**6. Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, apakah usaha kerajaan di dalam menyelesaikan 50 ribu pelancong China yang didapati lesap dalam negara ini, apakah jaminan kerajaan ia tidak akan berulang di masa akan datang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, pelawat asing yang memasuki ke negara ini adalah dengan pelbagai tujuan. Selain dari tujuan untuk melancong ramai juga yang memasuki negara ini untuk tujuan-tujuan lain umpamanya untuk belajar, bekerja, menjalani rawatan perubatan dan sebagainya.

Pelawat-pelawat yang masuk ke negara ini dengan Pas Lawatan Sosial jangka pendek, kadang-kadang memohon untuk melanjutkan tempoh untuk tinggal di negara ini dengan memohon pas lawatan jangka panjang. Apabila mereka telah menukar ke pas-pas lawatan jangka panjang, maka mereka akan tinggal di dalam negara ini untuk tempoh jangka masa pas lawatan jangka panjang yang mereka pegang.

Oleh yang demikian, golongan ini akan keluar dari Malaysia apabila pas lawatan jangka panjang mereka tamat. Apa yang berlaku, pelancong-pelancong dari China telah memasuki negara ini sebenarnya dengan sah menggunakan pas lawatan sosial jangka pendek dan kemudian sebahagiannya menukar kepada pas lawatan sosial jangka panjang. Ini bersesuaian dengan akta dan peraturan Imigresen Malaysia.

Walau bagaimanapun, memang tidak dapat dinafikan ada di kalangan pelancong-pelancong dari China yang telah tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan atau dengan izin, *overstay* di negara ini. Tindakan-tindakan penguatkuasaan akan terus diadakan untuk menangani masalah ini. Agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan RELA selalu mengadakan operasi untuk mencari dan menangkap pendatang asing yang telah tinggal lebih masa atau menggunakan pas lawatan mereka. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di atas jawapan yang telah diberikan. Kita tahu daripada laporan akbar, 348 *Mykad* hilang sehari, tadi telah diberitahu melalui soalan nombor satu tadi dan pada tahun 2004 sebanyak 136,000 *Mykad* hilang dan pada tahun 2005, 125,000 *Mykad* hilang.

Persoalan yang ingin saya timbulkan berapakah jumlah daripada mereka daripada 50,000 orang ini dapat dicari semula dan dilepaskan mereka balik ke tempat asal mereka dan yang kedua bagaimanakah kerajaan dapat memastikan bahawasannya kehilangan *Mykad* ini tidak digunakan oleh sindiket untuk memberikan *Mykad* yang hilang ini kepada kerana yang 50,000 orang ini untuk dijadikan mungkin sebagai dokumen mereka mungkin di dalam pilihan raya seperti mana yang berlaku di Dewan Undangan Negeri Likas beberapa tahun yang lepas. Pastikan minta jawapan daripada Setiausaha Parlimen. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab jawapan ini memerlukan butir-butir yang spesifik, saya akan memberikan jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah Tuan Yang di-Pertua yang paling memahami keadaan... [*Disorak*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan soalan ya?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin tahu selain daripada kehilangan 50,000 pelancong China yang masuk ke Malaysia, ada juga pelancong-pelancong daripada negara-negara lain seperti daripada Pakistan, *Philippine* dan juga daripada Nepal yang hilang. Apakah cadangan ini boleh diambil kira.

Sekarang ini kita tangkap dia orang, masukkan jail, kita bagi makan dia orang, kemudian kita hantar balik. Apa salahnya untuk menjimatkan kos kerajaan supaya Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita guna untuk lain, kita tangkap dia orang kemudian kita hantar balik. Tidak payah lagi kita bubuh dalam jel kita, bubuh dalam kandang kita, bagi makan sehari berapa ratus ringgit. Adakah cadangan ini boleh diambil kira sebagai suatu cadangan yang menjimatkan perbelanjaan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pendedahan-pendedahan asing datang ke negara ini dan pelawat-pelawat yang tinggal melebihi masa dianggap pendedahan asing. Memangnya kita tidak berhasrat untuk menyimpan mereka di negara ini kerana seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kita terpaksa menanggung segala perbelanjaan. Namun begitu oleh sebab mereka melakukan berbagai-bagai kesalahan yang perlu disiasat dan diambil tindakan maka kerana itu mereka terpaksa ditahan buat sementara waktu di 16 depot yang ada di negara ini bagi membolehkan penyiasatan dijalankan dan tindakan diambil dan seterusnya dihantar pulang. Terima kasih.

**7. Tan Sri Law Hieng Ding [Sarikei]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, tanah lembap atau *wetland* merupakan khazanah pelbagai kehidupan semula jadi yang sukar dinilai dari segi wang ringgit dan ia akan lenyap satu persatu sekiranya tidak dilindungi sepenuhnya. Apakah keadaan tanah-tanah lembap di seluruh negara dan adakah kerajaan bercadang untuk terus meningkatkan usaha melindungi kawasan-kawasan yang telah diwartakan dan mewartakan kawasan-kawasan yang belum.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedar bahawa eko-sistem tanah lembap memainkan peranan penting dari segi ekologi ekonomi dan sosial seperti bekalan air, kolam banjir dan hakisan serta sebagai sumber makanan laut. Atas kesedaran ini kementerian telah mengambil tindakan-tindakan baik dari peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa bagi memelihara tanah lembap di negara ini.

Dalam hal ini sebanyak 56 kawasan di Semenanjung Malaysia, 20 kawasan di Sabah dan 18 kawasan di Sarawak telah dikenal pasti sebagai tanah lembap dan boleh diwartakan.

Bagi memberi tunjuk arah yang jelas kepada pihak kerajaan negeri dan juga agensi yang berkaitan dengan pemuliharaan tanah lembap kerajaan telah menggubal Dasar Tanah Lembap Kebangsaan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2003. Sehubungan dengan itu kementerian ini juga melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah membentuk pasukan petugas khas jawatankuasa operasi menanam pokok-pokok bakau dan spesies yang bersesuaian di persisiran pantai negara bertujuan untuk melaksanakan aktiviti penanaman semula pokok bakau dari spesies yang sesuai di persisiran pantai. Sehingga penghujung tahun 2005, seluas 156.4 hektar kawasan persisiran pantai di Semenanjung Malaysia telah ditanam dengan lebih daripada 500 ribu anak pokok bakau minyak, bakau kurap dan spesies lain seperti ru pantai, gelam, kelat, jambu laut dan lain-lain.

Malaysia juga telah menjadi peserta kepada konvensyen mengenai tanah lembap atau Konvensyen Ramsa sejak tahun 1994 dan sehingga kini sebanyak 5 kawasan telah disenaraikan sebagai tapak Ramsa iaitu di Tasek Bera, Pahang; Tanjung Piai, Sungai Pulai dan Pulau Kukup di Johor dan Taman Negara Kuching di Sarawak. Kementerian juga akan terus menggalakkan kerajaan Negeri untuk mewartakan kawasan tanah lembap di dalam setiap negeri termasuk menyenaraikannya sebagai tapak Ramsa supaya tanah lembap di semua negeri dapat dipelihara dan digunakan dengan bijak dan lestari. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah menanam pokok bakau, membuat undang-undang apa sahajalah ia tidak memberi kesan apa-apa selagi kumbahan, selagi racun, selagi apa sahaja yang digunakan khususnya untuk membuat kolam ikan kini masih mengalir ke laut dan ke sungai akhirnya laut dan sungai itu dengan bakaunya tetapi dengan racunnya akhirnya semua sumber ikan di sungai, di laut dan di tepian pantai akan pupus juga. Jadi, apakah tindakan pemantauan, penguatkuasaan dan garis panduan, EIA diikuti, perundangan yang telah dibuat oleh kementerian supaya perkara ini tidak berlaku, jangan cakap sahaja. Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya kita ketahui bahawasanya undang-undang yang sedia ada haruslah dikemaskinikan dari masa ke semasa. Oleh sebab itu kita pun di peringkat kementerian bercadang untuk menggubal akta baru alam sekitar supaya penguatkuasaan dan juga undang-undang yang ada sekarang ini di mana terdapat *loopholes*, dengan izin, dapat diatasi dan kementerian ini sedar bahawasanya kita masih lagi jauh di dalam perjalanan untuk menjaga alam sekitar kita tetapi komitmen kita terhadap penjagaan alam sekitar termasuk penjagaan tanah lembap ini amat tinggi sekali. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah saya gembiralah dengar langkah-langkah yang diambil termasuk mengenal pasti kawasan-kawasan tanah lembap. Bolehkah Yang Berhormat terangkan di Dewan yang mulia ini bilangan tapak tanah lembap yang telah dimusnahkan sama sekali di seluruh negara pada tempoh sejak kemerdekaan Malaysia. Memang ini penting sekali. Ini memang spesifik. Kalau tidak mampu untuk memberi angka silalah bagi secara bertulis dan kemudian...

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang ada soalan. Tuan Yang di-Pertua, siapa yang pengerusi di sini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan hiraukan merekalah. Teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Begitu banyak pengerusi di sini. Apakah peruntukan sekarang untuk memulihkan tapak-tapak yang telah pun dikenal pasti dan apakah tempoh yang diberi untuk melaksanakan projek-projek yang diadakan.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagi bahagian pertama tu saya terpaksa beri jawapan secara bertulis sebab tiada rekod pada saya sekarang ini. Untuk bahagian yang kedua tu seperti yang saya cakapkan tadi kita telah mengenal pasti kawasan-kawasan yang boleh ditanam semula pokok-pokok bakau dan sebagainya. Setakat ini lebih 500 ribu pokok bakau telah pun kita tanam dan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan kita memperuntukkan lebih RM15 juta untuk pemulihan semula persisiran pantai dan kawasan tanah lembap. Terima kasih.

**8. Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, bila projek pembesaran hospital umum di Kuching ada disiapkan dan butiran perbelanjaan untuk membiayai projek pembesaran itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choong]:** Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja pembesaran hospital umum di Kuching dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2010 yang akan datang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pembesaran hospital umum di Kuching ini dilaksanakan mengikut fasa. Fasa pertama melibatkan kos sebanyak RM85.27 juta yang melibatkan kerja-kerja seperti berikut:

- (i) menaik taraf;
- (ii) pembinaan tangga kecemasan dan kerja-kerja infrastruktur dimulakan pada tahun 1994 dan telah siap sepenuhnya pada tahun 1996; dan
- (iii) pembinaan Wad Bersalin baru, bangunan pentadbiran, Jabatan Makanan dan Dapur. Bangunan Wad Pesakit setinggi 5 tingkat, bangunan blok klinikal baru untuk Jabatan Kecemasan, Jabatan Suci Hama, Unit Penjagaan Rapi, Unit Penjagaan Koronari, Dewan Bedah, Makmal Cardiac, Pusat Kemasukan Wad dan Pusat Kutipan Hasil.

Kerja-kerja projek ini telah bermula pada tahun 1999 dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2003.

Dalam fasa kedua pula, kerja-kerja yang terlibat ialah menaik taraf dan mengubah suai bangunan utama setinggi 10 tingkat hospital umum Kuching yang telah dimulakan pada awal tahun 2005 dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2008 yang akan datang dengan jumlah kos sebanyak RM85 juta. Sekian.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Projek ini telah dimulakan beberapa tahun lalu tetapi tiba-tiba sekarang sebahagian daripada pagar konkrit yang telah didirikan pun diruntuhkan oleh kontraktornya kerana untuk mendirikan satu papan iklan yang menunjukkan satu lagi projek Barisan Nasional dengan lambang daging di atas.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu betullah. Apa mahu marah?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Apakah itu mengikut prinsip Islam Hadhari, prinsip *fairness*, bolehkah lambang parti “Roket” diletakkan di atas...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tak boleh, fasal hospital itu Barisan Nasional yang buat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Apa yang amat menghairankan adalah di atas papan iklan itu terdapat masa permulaan projek tetapi tiada masa penyiapan. Adakah ini menunjukkan bahawa kerajaan berkeyakinan projek ini akan lewat. Oleh itu tidak berani menunjukkan kepada orang ramai bahawa bilakah projek ini disiapkan. Kenapa tidak ada *completion date*?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Dia sedang binalah. Apalah Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bukan, bukan. Bina dua bulan sudah kerana pilihan raya Sarawak akan datang. Oleh itu .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Undilah Barisan Nasional.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Soalan saya adalah, sekarang banyak katil-katil pesakit diletakkan di koridor hospital umum di Kuching. Adakah masalah ini akan diselesaikan sekiranya projek ini akan disiapkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan projek akan disiapkan pada tahun 2008 dan kita harap apabila projek ini diselesaikan maka masalah-masalah yang dibangkitkan tadi akan diselesaikan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini ada kaitan dengan Kementerian Kesihatan tetapi tidak ada kaitan dengan Hospital Kuching. Boleh saya soal Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini mengenai Hospital Kuching.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ada kaitan. Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Timbalan Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan kerana mengekalkan Dr. Kumar dekat kita punya klinik ni. Dr. Kumar ini seorang doktor Klinik Parlimen yang sangat baik peranannya... *[Tepuk]* Akan tetapi ditukar oleh Pengarah Hospital Kuala Lumpur, orang yang baik seperti ini ditukarkan. Kita pun tak fahamlah. Sekarang ini ditukarkan balik atas permintaan ramai Ahli Parlimen termasuk Ahli-ahli Parlimen dari Parti Pembangkang. Doktor ini mempunyai budi bahasa dan layanan yang memang *world class*... *[Ketawa]* Akan tetapi saya dengar, sebulan sahaja.

Kita berkehendakkan supaya Dr. Kumar ini dikekalkan di klinik ini kerana antara yang terbaik. Kalau anggota Parlimen..., ini penting Tuan Yang di-Pertua kerana kerajaan mengambil berat tentang kesihatan Ahli Parlimen. Kalau ada kes lanjutan di Hospital Kuala Lumpur, dia akan tunggu di hospital sana. Ini tidak dibuat..., doktor lain pun baik. Jadi saya minta dengan permohonan di Dewan yang mulia ini dengan sokongan Tuan Yang di-Pertua kekalkanlah Dr. Kumar ini di Klinik Parlimen ini kerana perkhidmatannya sangat baik.

Dan apabila saya bangkitkan..., Dr. Kumar tidak suruh saya bela dia, tidak Tuan Yang di-Pertua. Jangan aniaya dia. Jadi Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen tolong jaga kebajikan Dr. Kumar. Jangan pula dia dibuli oleh Pengarah, "kenapa awak punya kes dibawa ke Parlimen?"...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya harap jangan dianiaya dia. Orang yang baik jangan kita zalimi, kita akan dapat pahala Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]:** Saya menyokong!

**Beberapa Ahli:** Kita menyokong, kita menyokong!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak ada benda yang kekal dan untuk menjaga kebajikan beliau, beliau juga perlu menuntut ke tempat-tempat lain untuk pengalaman dan untuk pengajaran beliau. Perlu juga keluar. Baik. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan tidak perlu jawab.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Maknanya kekallah dia.

**9. Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) setakat manakah kemajuan Projek Pembinaan Jabatan Batang Rajang; dan
- (b) bilakah projek ini akan disiapkan.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kemajuan fizikal bagi projek pembinaan Jambatan Batang Rajang di Sibu, Sarawak sehingga 28 hari bulan Februari 2006 telah pun mencapai 92.59%. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, baki kerja projek ini telah diambil alih oleh subkontraktor baru yang dinamakan oleh kerajaan iaitu *Brooke Dockyard and Engineering Work Corporation* sejak 15 hari bulan Mei 2004 untuk menyiapkan baki kerja pembinaan jambatan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya,

- (b) Kerja-kerja menyiapkan baki pembinaan jambatan tersebut yang berbaki 7% tersebut akan disiapkan selewat-lewatnya akhir bulan Ogos tahun ini.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menanya kepada Menteri kenapa kebanyakan kerja-kerja yang dijalankan banyak terbengkalai atau banyak telah dilewat-lewatkan. Adakah ini antara sebab ialah kerana:

- (i) kontraktor yang pilih kasih dan bukan kontraktor yang betul-betul dibuka tender secara terbuka; dan
- (ii) bukannya segala-segala projek-projek yang akan di tender mereka ini ada *qualification*.

Sekiranya ada, mengapa boleh berlakunya kelakuan mereka ini.

**Dato' Seri Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kerja ini telah dilewatkan oleh sebab kontraktor menghadapi banyak masalah kejuruteraan. Oleh kerana pembinaan jambatan di Sungai Rajang itu bukanlah satu kerja yang mudah. Oleh sebab mereka menghadapi banyak masalah. Mula-mulanya mereka telah membinakan satu asas dan selepas itu tiang, tiang itu pada masa hujan yang lebat dan juga sungai telah mengambil semua kerja yang telah disiapkan, sudah hilang. Jadi, sekali lagi mereka telah membuat reka bentuk baru untuk membina semula asas dan juga cerucuk kerja-kerja cerucuk yang telah disiapkan.

Jadi, mereka menghadapi masalah kewangan dan juga masalah membeli barang-barang, bahan-bahan pembinaan semuanya, oleh kerana penjual-jual bahan pembinaan di sana tidak memberi hutang kepada mereka, mereka mesti kena bayar *cash* sebelum mereka membeli apa-apa bahan untuk membina. Jadi, itulah masalah yang mereka hadapi. Selepas itu kerajaan telah menilai apakah masalah-masalah yang mereka hadapi dan juga telah memberi lanjut masa beberapa kali oleh kerana lanjut masa ini ada juga berkaitan dengan kerja-kerja teknikal dan juga beberapa masalah yang mereka hadapi.

Walau bagaimanapun, kerja-kerja ini sudah sampai ke tahap penghabisan kerja. Saya percaya, saya telah melawat ke tapak bulan yang lalu dan sudah ada beberapa perbincangan dengan kontraktor, konsultan dan lain-lain. Pada 15 hari bulan ini akan kita adakan *the last touching*. Jadi, dua-dua jambatan akan disambung. Saya akan berada di Sibu pada 15 hari bulan untuk menyaksikan dan selepas itu kita bagi tempoh satu bulan kepada kontraktor, di mana 1 September kita akan membuka jambatan ini. Itulah satu keputusan yang telah dibuat dalam perjumpaan di antara kontraktor, konsultan dan lain-lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja urusan soal jawab lisan kita pada pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

11.00 pg.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 41.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Masa mesyuarat bersidang ini. "41(f). Ahli-ahli lelaki hendaklah memakai sama ada memakai kebangsaan atau lounge suit; ahli-ahli wanita hendaklah memakai sama ada pakaian kebangsaan, sarung dan blaus....", dan seterusnya dan akhir sekali ayatnya disebut, "...atau apa-apa pakaian lain sebagaimana dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua."...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Pagi ini saya tengok Yang Berhormat Rantau Panjang, dia pakai *lounge suit*, tetapi dia pakai ketayap. Jadi, saya tidak tahu sama ada Tuan Yang di-Pertua, telah bagi kebenaran atau tidak. Saya pohon penjelasan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh dipakai. Boleh, boleh dipakai.

## USUL

### **RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

**merestui** usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD 1, Tahun 2006;

**bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” [20 April 2006]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang sampailah untuk Menteri-menteri dari kementerian-kementerian untuk menjawab perbahasan kita, perkara-perkara yang dibangkitkan dalam perbahasan kita mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita ada 28 kementerian dan kemungkinan ada 30 menteri yang akan menjawab. Jadi, ini adalah semua dalam ruang masa lima hari. Oleh itu, bagi jawapan yang pertama saya jemput Menteri Kewangan untuk memberikan jawapan beliau. Sila.

**11.08 pagi.**

**Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]:** *Bismillahir Rahamnir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan yang mulia ini yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tersebut. Beberapa isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan meliputi ekonomi, percukaian, perolehan kerajaan, syarikat-syarikat GLC, peruntukan belanja mengurus telah dibangkitkan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberikan pandangan dan cadangan tersebut. Saya ingin menegaskan bahawa semua pandangan bagi perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan telah diambil maklum dan akan diberi pertimbangan sewajarnya.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang ditimbulkan. Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur, berpendapat bahawa sasaran-sasaran utama dasar perlu merupakan satu kombinasi pendekatan yang dapat menjurus kepada pengurangan defisit fizikal, satu kadar pertukaran mata wang asing untuk membebaskan ringgit dan satu dasar kewangan yang mengambil kira keterbukaan ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara *basic* dan satu perkara pokok dan saya ingin memberi sedikit penjelasan tentang perkara ini. Isu keterbukaan, kadang-kadang disebut juga sebagai *Washington consensus*. *Washington consensus* ini merupakan satu sasaran oleh negara-negara Barat supaya negara-negara membangun seperti Malaysia mengamalkan satu sikap, satu falsafah keterbukaan

- di mana tidak timbul strategik *asset*, strategik *interest*;
- di mana pelabur-pelabur asing boleh memasuki negara kita tanpa had;
- di mana kerajaan tidak mengawal kadar faedah, kadar pertukaran wang asing; dan juga
- kerajaan tidak mengamalkan satu sistem defisit *financing*.

Sungguh pun falsafah ini disebut sebagai *Washington consensus*, tetapi *Washington* sendiri tidak ikut. Tiap-tiap hari kerja, tiap-tiap *working day*, dengan izin, kerajaan Amerika Syarikat meminjam USD3 bilion. Tiap-tiap hari dan defisit kita pun tidak sampai situ, kecil sahaja, satu, satu.

Dan, sungguhpun kita disuruh jangan mengehendkan pelaburan, sungguhpun kita disasarkan supaya jangan mengadakan konsep *strategic asset* tetapi di Amerika sendiri, di negara-negara lain sendiri konsep *strategic asset* adalah satu yang begitu penting. Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat ingat, bila Shino, satu syarikat China yang begitu besar hendak beli *Unicall* dengan harga yang begitu besar USD18.5 bilion, Amerika tidak bagi sebab ia *strategic asset*.

Bila *Dubai Port* hendak beli pelabuhan-pelabuhan di Amerika, Amerika tidak bagi sebab strategik aset. Jadi sungguhpun ada banyak teori-teori tentang keterbukaan apa yang penting Tuan Yang di-Pertua ialah kita membentuk satu dasar, satu falsafah yang pragmatik, yang memberi kelebihan kepada Malaysia. Dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dalam...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Tan Sri Menteri. Saya amat bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Tan Sri Menteri sebentar tadi berkaitan dengan pentingnya tiap-tiap negara mengawal, menjaga aset-aset strategik kita daripada dibeli oleh negara lain tetapi, saya ingat dalam perbahasan yang lalu apabila Yang Berhormat Rantau Panjang menanya Tan Sri tentang pembelian hospital kita, sistem farmasi kita Yang Berhormat enggan menjawabnya. Jadi adakah ini bererti bahawa sebenarnya Yang Berhormat pun tidak setuju bahawa Pantai Hospital kita dan aset-aset seperti itu dijual kepada negara-negara termasuklah kepada negara Singapura. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak dapat menjawab soalan pada pagi itu sebab persoalan itu adalah satu dalam bidang yang bukan di bawah bidang Kementerian Kewangan tetapi percayalah kerajaan pada setiap masa akan memberi perhatian kepada *strategic interest*. Dalam hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga kerajaan ada cadangan, ada strategi untuk mengatasi masalahnya tetapi saya tidak dapat memberi jawapan yang *direct* yang langsung sebab bukan di bawah bidang saya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sebenarnya saya tidak cadang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...*Washington the consensus* tetapi mengenai *strategic asset* memanglah kalau kita ada perlu melindungi strategik aset tetapi nampaknya kerajaan tidak buat begitu khasnya dalam perbincangan dengan US mengenai *free trade agreement* yang akan mula bulan depan akan membuka negara kepada risiko-risiko yang tinggi di mana kepentingan kita khasnya termasuk dalam strategik aset mungkin akan di kompromi. Apakah jaminan boleh diberi supaya dalam perkara ini bahawa Parlimen akan dapat dibincang dan *civil society* pun dapat rundingan bahawa dalam FTA dengan US khasnya oleh kerana *economic power* yang terbesar supaya kepentingan negara termasuk strategik-strategik aset tidak akan digadaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua itu adalah satu isu yang begitu penting. Kabinet telah memberi kelulusan untuk memulakan perbincangan dengan US tetapi kelulusan yang diberi oleh Kabinet hanya dengan tujuan itu iaitu hanya untuk memulakan rundingan. Dan hasil rundingan memang akan dibentangkan dalam Kabinet dan Kabinet akan menghalusi cadangan-cadangan dan persetujuan-persetujuan dalam FTA yang dicadangkan. Dan sekiranya FTA yang dicadangkan oleh kementerian yang berkenaan iaitu MITI tidak menguntungkan Malaysia memang kita kerajaan Kabinet tidak akan memberi kelulusan. Sebab kalau kita bersetuju memberi persetujuan atau memberi kelulusan kepada sesuatu yang akan merugikan kita pada dari segi jangka panjang akan menjejaskan, akan memberi kekangan kepada kita dalam menjana ekonomi, memberi peluang kepada yang kurang mampu, memberi kelebihan kepada syarikat-syarikat tempatan, syarikat-syarikat bumiputera. Tidak ada sebab kerajaan akan bersetuju untuk meluluskan perjanjian dengan Amerika Syarikat...

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Ya tentang FIC Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. FIC pengawalan kerajaan terhadap pelaburan asing. Dan kita sedar bahawa sebuah syarikat Singapura yang sangat rancak sekarang ini ya Temasek Holding yang baru-baru ini membeli Standard Chartered. Begitu banyak duit mereka dan pelaburan mereka dan pemilikan dalam Telekom 5%. Ini satu perkara yang sangat berbahaya. Telekom adalah syarikat strategik negara maklumat kita terdedah kepada pengintipan, kepada maklumat kita boleh di *intercept* oleh musuh.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kerajaan akan mengawal dasar ini. Jadi saya hendak tahu sejauh manakah dasar ini dilihat serius oleh kerajaan. Walaupun pemilikan mereka 5% tetapi adakah kerajaan bersedia untuk mengkaji dasar yang sangat mengancam keselamatan negara ini. Jadi jangan kita terlepas pandang tentang perkara ini. Dan saya cukup bimbang bila dalam pelaburan Pantai Holding yang dibeli oleh Park Way dan seumpamanya, adakah terlibat orang-orang tertentu yang dunia di sana melihat dan masyarakat luar berkata tentang Khairy Jamaluddin, menantu kepada Perdana Menteri. Ini satu perkara yang sangat serius dan saya merasakan sampai masanya kerajaan melihat bahawa negara akan tergadai satu hari nanti di atas kecuiaan kerajaan melihat dasar-dasar penting ini yang menguasai syarikat yang begitu strategik negara yang cukup saya bimbang ini untuk kepentingan negara. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua dalam kes *Standard Chartered Bank*, *Standard Chartered Bank* merupakan sebuah bank yang beroperasi di Malaysia tetapi *Standard Chartered Bank* tidak dimiliki oleh rakyat Malaysia. *Standard Chartered Bank* dimiliki 100% oleh penduduk luar jadi kerajaan tidak mempunyai sebarang ruang untuk mempengaruhi siapa yang memiliki *Standard Chartered Bank*. Dan sebahagian dari *Standard Chartered Bank* telah dibeli oleh Temasek dan *Standard Chartered Bank* juga tidak merupakan sebuah aset strategik dari segi Malaysia. Dan kita tidak mempunyai *degree of freedom* untuk mengawal perkara tersebut. Dalam kes Pantai misalan, bukan kerajaan ataupun GLC ataupun agensi-agensi yang di bawah kerajaan yang menjual kepada pihak lain. Pihak lain beli dari pasaran jadi bukan kita jual. Sungguhpun dia beli dari pasaran atas dasar *willing buyer willing seller*.

Oleh kerana perkara ini melibatkan satu konsesi kerajaan ada *local standardize* untuk mempengaruhi keadaan jadi dalam kes Pantai kita mungkin ada ruang tetapi dalam kes *Standard Chartered* tidak ada. Tentang syarikat-syarikat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ipoh Timor.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** *Yes one second* / habiskan. Dalam kes syarikat-syarikat yang membeli setakat 5% dalam keadaan pasaran kita yang mana syarikat-syarikat telah diniagakan dalam Bursa Malaysia membeli setakat sekian banyak tidak memerlukan kebenaran, kelulusan dari kerajaan. Jadi kalau ada *willing buyer willing seller* si 'A' hendak jual ke si 'B' atau 'A' jual ke 'B' dalam pasaran kita tidak ada kuasa untuk menghalang tetapi kita saya setuju dengan Yang Berhormat kita harus berwaspada pada sekian masa dan memastikan bahawa syarikat-syarikat Malaysia, rakyat-rakyat tempatan bukan sahaja rakyat-rakyat bumiputera tetapi rakyat-rakyat tempatan pada setiap masa memiliki saham-saham yang mencukupi dan mengawal *company-company*, syarikat-syarikat yang dianggap sebagai strategik. Saya setuju.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Berbalik kepada apa Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi mengenai persetujuan yang telah dibuat oleh Kabinet mengenai memulakan perundingan FTA dengan United States. Adakah Kabinet membuat satu *cost benefit analysis* mengenai FTA dengan US.

Sebagai contoh apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Australia April tahun lalu dan mengumumkan permulaan perundingan FTA dengan Australia, pihak Australia boleh dengan serta-merta mengumumkan bahawa kalau ada satu FTA Australia boleh untung AUD1.9 bilion.

Ini bahawa FTA dengan Malaysia, dengan izin, *Australia and Malaysia have highly complementary economies and economic modeling has estimated that FTA could increase Australia GDP by AUD1.9 billion over then 20 years.* Adakah kita buat satu *cost benefit analysis* macam ini bukan sahaja dengan Australia tapi juga dengan United States atau semua ini *hanging in the air*? Dan kenapa kita sekarang buat satu *somersault* dalam pendirian mengenai FTA?

Dahulu kita yang mengkritik Singapura oleh kerana ada perundingan FTA dengan *United States* dan membelakangkan WTO, bersetuju dengan WTO plus yang kita berdepan untuk lawan, bantah. Kenapa sekarang kita buat satu pendirian yang sebaliknya, *U-turn*?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi dalam kes FTA dan juga dalam banyak kes lain yang telah disebut oleh Yang Berhormat termasuk *deficit financing* dan kes-kes yang lain. Kerajaan sentiasa mengambil pendirian yang pragmatik. FTA seperti juga *deficit financing* tidak boleh dianggap sebagai baik atau buruk.

FTA adalah satu alat dan sekiranya alat ini memberikan keuntungan kepada Malaysia, Malaysia akan menggunakan FTA dan kalau alat ini tidak memberikan keuntungan kepada Malaysia, Malaysia tidak akan bersetuju untuk menandatangani perjanjian. FTA dari segi konsep bukan satu perkara yang baik atau buruk. Ini terpulang kepada kita dan juga sekiranya Australia seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dapat keuntungan AUD1.9 bilion, ini tidak bermaksud bahawa kita rugi RM1.9 bilion sebab ini bukan satu *zero some game*.

Saya bersetuju. Memang bersetuju bahawa kita harus mempunyai satu rangka, kita harus sedar tentang kelebihan FTA kepada kita dan kita di Kementerian Kewangan memang tengah membuat *cost benefit analysis* dan saya yakin kementerian lain khususnya MITI juga membuat *cost benefit analysis*...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** ...Dan *cost benefit analysis* akan menjadi satu perkara penting semasa perkara ini dibawa balik kepada Kabinet dengan terma-terma dengan cadangan-cadangan dan sebelum sebarang keputusan diberi oleh Kabinet kita akan pastikan bahawa *cost benefit* itu adalah positif, *benefit* melebihi kos dan bukan juga dari segi jangka pendek tapi juga dari segi jangka panjang sebab kita tidak mahu satu keadaan di mana cucu-cicit kita diletakkan dalam satu keadaan di mana mereka harus membayar royalti, harus memberi pembayaran kepada orang luar negara untuk membuat sesuatu dalam negara kita.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Ledang bangun.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Kita memang sedar ini adalah satu perkara di mana kita harus menimbangankan mengambil satu pendirian jangka panjang sebab ini akan melibatkan cucu-cicit kita juga. Kita sedar.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Saya memang tertarik kepada jawapan Yang Berhormat tadi mengenai *cost benefit analysis* dan pemeliharaan hak-hak kepentingan cucu-cicit kita. Memang satu perkara yang baik. Saya berharap Yang Berhormat terus membuat demikian.

Walau bagaimanapun, menurut Rob Portmen yang merupakan wakil perdagangan Amerika Syarikat sekarang dilantik sebagai Pengarah Bajet di Rumah Putih diganti oleh Susan Shrob. Beliau mengatakan bahawa rundingan ini akan berakhir pada tahun ini iaitu pada Disember tahun ini. *Fast trade* itu *trade promotion* AP dia dengan *fast trade* itu berakhir pada Julai 2007. Ini bermakna adakah kita mempunyai pakar-pakar untuk *cost benefit analysis* ini. Apakah wakil daripada Kementerian Kewangan di dalam rundingan ini? Siapa yang wakil kita dan benar-benar memahami bidang-bidang utamanya, terutamanya perkhidmatan yang susah hendak kita mendalami. Ini penting sekali. Saya ingat Yang Berhormat Puchong kurang faham hal ini...

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mengapa hendak kaitkan Yang Berhormat Puchong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan, kerana di luar dia kata FTA itu lebih baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Puchong pun tidak kacau Yang Berhormat tadi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Di luar Dewan, dia kata FTA itu yang terbaik sekali.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Duduk, duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau di luar Dewan, bincang di luar Dewan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** 'Tan Sri' Speaker, boleh sekali yang berkaitan..., boleh sekali?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** 'Tan Sri' Speaker sudah keluarlah.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Eh, *sorry*. Tuan Yang di-Pertua boleh sekali, kepada Tan Sri Menteri Kewangan Kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehlah, boleh!

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Kepong iaitu tentang FTA tentang kos untung dan rugi dan sebagainya. Saya sebenarnya bimbang sebab pihak asing terutamanya Amerika mereka lebih untung daripada kita. Sebab itu mereka mahukan supaya FTA ini dilaksanakan.

Akan tetapi ada satu perkara yang saya lebih bimbang iaitu tentang pemilikan ekuiti 30% bumiputera di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tersebut. Saya yakin mereka akan cuba untuk menghakiskan dasar yang kita buat ini. Mereka sudah pasti cuba untuk mengelakkan daripada kita terikat pemilikan 30% orang Melayu atau bumiputera ke atas ekuiti yang kita tentukan. Sekiranya ini berlaku saya bimbang kita akan seperti yang disebut oleh Tan Sri Menteri tadi bukan sahaja anak cucu-cicit kita malahan bumiputera pada masa akan datang yang masih lagi ke belakang tidak dapat dibela. Sekian terima kasih.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Boleh sekali? Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Minggu lepas saya membawa usul tentang FTA ini di dalam Parlimen tetapi ditolak.

Saya rasa ini forum yang terbaik dengan Yang Berhormat Menteri sendiri yang datang untuk kita bincang sedikit mengenai FTA ini. Sekarang ini rundingan sedang berlaku antara Malaysia dengan Amerika Syarikat mengenai FTA ini. Soalan saya yang pertama adalah adakah kita memiliki ataupun ada *feasibility study* untuk kita mengkaji buruk baiknya tentang sekiranya negara bersetuju untuk *sign agreement* antara kita dengan Amerika Syarikat.

Yang keduanya soalan saya adakah kita mengambil pengalaman daripada Australia sendiri yang secara terbuka Menteri Luarnya baru-baru ini mengatakan bahawa Australia rugi di dalam aspek pertanian. Eksport lembu mereka ke Amerika Syarikat. Bertambah hanya setengah ekor setahun sahaja. Kerugian. Negara maju macam Australia juga rugi.

Yang ketiga adakah kita cukup kepakaran kita dalam menghantar siapakah yang mengetuai rundingan kita kerana ini pengalaman negara maju sendiri di dalam FTA dengan Amerika ini mereka yang menangnya tetap Amerika. Negara yang *sign* ini akan tetap berada dalam keadaan yang rugi. Apatah lagi negara yang membangun seperti America Latin, Mexico, Venezuela dan seumpamanya dan termasuk Malaysia yang cuba untuk mengintai peluang yang kononnya kita boleh untung dari segi perdagangan FTA ini. Minta penjelasan Menteri. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya sedar tentang perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dan tentang kecukupan sama ada kita memiliki pakar-pakar. Memang ada satu pernyataan yang benar, satu faktor yang benar bahawa Amerika Syarikat bila dia datang untuk berurusan dengan kita, berdialog dengan kita, dia bawa 200 *lawyer* sekali dan kita memang kurang. Oleh yang demikian kita harus berhati-hati dan Kementerian Kewangan sendiri telah melantik beberapa ahli yang pakar dalam bidang ini.

Ada juga warganegara Malaysia yang berminat dan pakar dalam perkara ini, mereka dilantik untuk memberi pandangan dan membantu kita. Perkara ini diketuai oleh MITI seperti kita sedia maklum dan semasa perkara ini dibincangkan dalam Kabinet ada *cost benefit analysis* secara kasar tetapi yang *cost benefit analysis* tengah dibuat dan *cost benefit analysis* yang penting sekali ialah semasa cadangan-cadangan terperinci dibentangkan di Kabinet dan Kabinet...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan, Tan Sri. Tan Sri tadi memaklumkan bahawa apabila berbincang dengan US mereka ada 200 peguam dan sementara kita kurang. Apa agaknya kita kekurangan peguam-peguam ini sedangkan dalam Dewan ini pun kita ada peguam yang ada pakar seperti Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim. Ya, kalau kita kurang peguam boleh bawa dia. Dia pun seorang pakar yang boleh dikategorikan boleh membantu kerajaan. Ini saya rasa tidak boleh ada masalah untuk kita kekurangan kepakaran. Daripada Yang Berhormat ini tidak digunakan kepakarannya kenapa tidak dipanggil untuk turut serta.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Point* saya ialah sebab dia itu begitu fokus dan mempunyai begitu banyak pengalaman dan menggunakan kepakaran-kepakaran yang begitu banyak. *Point* saya ialah kita juga harus memastikan bahawa kita juga mempunyai kepakaran-kepakaran dalam perkara ini dan tentang ekuiti bumiputera dan agenda-agenda Malaysia yang lain...

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]**

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan, misalan dalam membentuk Rancangan Malaysia Kesembilan telah begitu mengambil berat tentang agenda-agenda negara. Perkara ini telah diumumkan dan kini dibincangkan di Dewan Parlimen yang mulia ini. Jadi takkanlah kerajaan yang telah mewujudkan dan melancarkan Wawasan 2020, Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan akan membuat sesuatu keputusan yang merugikan agenda Malaysia.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini pendapat saya dan juga saya hendak mendapat sedikit penjelasan. Dalam FTA ini bagi saya, saya ingat yang paling asas sekali ialah kita mesti memahami apakah asas kita untuk ada FTA iaitu asas-asas yang tertentu ataupun hala tuju ekonomi kita. Sebagai contoh, kalau kita sekarang ini, kalau asas kita menuju kepada *high proof area*, dengan izin, yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam beberapa artikel yang lalu seperti sektor perkhidmatan (*services sector*) ataupun dalam bioteknologi ataupun ICT yang seterusnya.

Ini adalah asas yang penting untuk kita iaitu ini yang kita harap kita boleh capai di dalam masa-masa atau tahun-tahun yang akan datang. Itu asas kita, kalau kita memahami ini saya ingat kepakaran itu penting tetapi yang penting sekali hala tuju dan asas kita untuk kita dimasukkan dalam FTA kita. Saya hendak tambah sedikit penjelasan bahawa adakah ini merupakan satu asas kita untuk memulakan satu FTA dengan *United State* ini. Mengenai kepakaran ini saya ingat jangan masuk. Itu Yang Berhormat Kepong tidak tahu. Saya ingat kalau dia hendak masuk pun bagi dia satu kursus dululah baru masukkan ini. Kalau tidak ada kursus jangan buang masa untuk masukkan Yang Berhormat Kepong dalam FTA inilah. Itu sahaja penjelasan yang saya hendak minta dari Timbalan Menteri...  
[Ketawa]

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Sambungannya. Saya hendak minta penjelasan. Saya diberitahu bahawa kerajaan telah pun membuat *road show* untuk menarik FDI ini masuk bagi membiayai pembangunan yang tidak dapat ditampung oleh *domestic fund* ataupun oleh kerajaan sendiri tetapi saya diberitahu FDI tidaklah begitu banyak masuk. Salah satu daripada faktor untuk menarik pelabur asing ini ialah kerajaan terpaksa membenarkan FTA ini dirundingkan dengan maksud supaya dengan adanya rundingan FTA ini, FDI akan masuk daripada Amerika Syarikat. Dalam Malaysia Rancangan Malaysia Kesembilan ini kerajaan tidak boleh menampung untuk menjayakan rancangan itu 100% kalau tidak ditolong oleh pihak swasta ataupun FDI untuk mengharapkan GLC, tidak dapat menampung.

Adakah benar bahawa salah satu faktor kelulusan ini dibuat untuk tujuan menarik FDI ini khususnya dalam bidang pertanian bagi menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan ini yang tidak dapat ditampung pembiayaan oleh kerajaan ataupun *domestic fund* sahaja. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu biar saya jawab soalan Yang Berhormat yang telah menimbulkan tentang sama ada kita telah mengambil perhatian tentang pengalaman-pengalaman yang dialami oleh negara-negara lain, di Latin Amerika dan di luar Latin Amerika yang telah membuat ataupun sedang rancang untuk membuat FTA dengan Amerika, jawapannya ialah ya.

Kita telah berbincang dengan banyak pihak termasuk jiran-jiran kita, termasuk Stiglis yang merupakan satu tokoh yang mempunyai banyak pengalaman dalam perkara ini dan juga negara-negara Latin Amerika dan kita tahu tentang kebaikan dan keburukan yang boleh dialami oleh negara-negara yang telah menandatangani FTA dengan Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, tentang FDI...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Cameron Highlands, sudah lama.

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** Bolehkah saya jawab soalan ini dulu. Banyak soalan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Saya hendak tanya, kalau sekiranya saya benarkan dengan cara ini soal jawab-soal jawab, berapa jam diperlukan Yang Berhormat?

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** Mungkin satu hari... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itulah. Jadi saya mintalah Yang Berhormat...

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** Sampai waktu makan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada lagi seramai 29 Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** Itu terpulang kepada kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jangan kacaulah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini mustahak oleh kerana generasi akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya bersetuju tadi cukuplah. Teruskan jawapan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sampai hari..., *after lunch* pun boleh.

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** Ini tentang FDI, Tuan Yang di-Pertua. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita telah membuat satu keputusan bahawa...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sebelum masuk FDI boleh saya tanya mengenai FTA? Sebelum dia beralih ke tempat lain.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lama bangun. Saya kira Yang Berhormat suruh saya tunggu sekejap dan Yang Berhormat Pembangkang pula mengganggu saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tidak apa-tidak apa terpulang kepada Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** FDA sebelum FDI.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Saya minta laluan tadi. Saya hendak tanya mengenai FTA juga.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, boleh, boleh. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri ada kata...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Saya minta budi bicara Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa akan belajar, dapat iktibar daripada pengalaman-pengalaman negara-negara yang lain. Yang kedua bahawa, kita kurang kepakaran dalam FTA oleh sebab yang terlibat banyak bidang bukan sahaja perkilangan, pertanian, perkhidmatan, bioteknologi, *intellectual property* dan lain-lain. Mereka ada datang dengan satu rombongan seramai 200 orang. Kalau tidak silap kita baru ada lima, enam orang sahaja, bukan sahaja *muscle power* kita kalah, *intellectual power* pun kita kalah, pengalaman kita pun kurang.

Oleh kerana mereka ada FTA dengan begitu banyak negara. Kalau begitu bukannya satu lesen yang utama ialah bahawa kita perlu masa yang cukup supaya kita tidak di *pressured* untuk mencapai persetujuan. Dan adakah kita rela buat satu pendirian, kita tidak di *pressured* mengikut *time table* mereka, *fast track time table* untuk habiskan semua perundingan FTA awal tahun depan. Oleh kerana *fast track authority expiry* Julai 2007, bahawa kita tidak terikat kepada *fast track time table* itu.

Dan kedua, supaya perkara ini Parlimen pun boleh ambil bahagian dalam memberi sumbangan pelbagai aspek dengan satu penubuhan, satu *Parliamentary Select Committee* mengenai FTA-FTA. Oleh kerana enam orang sahaja di MITI, Menteri Kewangan lawan 200, mana boleh menang. Supaya lebih banyak input daripada semua sektor, NGO-NGO dan lain-lain. Bolehkah Yang Berhormat ambil perhatian dalam kedua-dua perkara ini.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri ya. Saya berbincang sedikit ataupun ingin beri penjelasan mengenai analisis *cost benefit*. *European Union* membuat analisis, *cost benefit analysis* mengatakan bahawa FTA ini akan menyebabkan dengan izin, "*significant raised in unemployment, fall in wages because of a increase unemployment, lost of government revenue also reduced to government spending on health and education etc. with living standard and health for rural women*". Dan satu lagi, "*African Union Ministry Declaration has refused the European Union FTA negotiations*".

Dengan mengatakan bahawa, "...*government investment or competition on intellectual property protection, beyond WTO levels on tariff reduction and on services liberalization*". Baik, saya rasa baru-baru ini kita telah memanggil *Third World Network* untuk buat taklimat dengan *Backbenchers* mengenai hal ini, dan juga *Consumers Association of Penang*. Mungkin maklumat para Ahli Parlimen belum menerima daripada MITI ataupun pihak kementerian mengenai hal ini. Saya rasa Ahli-ahli Parlimen perlu dididik dan disedarkan oleh perkara-perkara yang terkandung dalam WTA kerana banyak kesan-kesan yang kita nampak dari perspektif itu. Kita nak lihat dari perspektif kerajaan. So, saya mintalah supaya Yang Berhormat Menteri boleh membawa perkara ini ke perhatian...

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya janji Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada sebarang masalah tentang perkara ini, saya *on the same page*, dengan izin, saya akan bawa sendiri perkara ini kepada Kabinet dan memberitahu Kabinet tentang teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dibincangkan di sini...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dan termasuk *Parliamentary Select Committee*.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya akan sebut. Dan juga saya memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan terikat dengan *pressure* berhubung dengan Julai 2007 sebab yang *fast track* itu satu masalah yang dihadapi oleh Amerika Syarikat, bukan masalah kita. Jadi tidak ada jadi faktor kepada kita.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terakhir, boleh terakhir mengenai FTA?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Satu lagi sebelum ...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Oh belum habis, okey.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ini angka '6' orang ini, saya tak sebut kita mempunyai enam orang, kita mempunyai banyak mungkin tak sampai 200, tapi insya-Allah, kita akan memastikan bahawa kita mempunyai sumber-sumber dan kepakaran yang mencukupi dalam hal ini sebab ini perkara penting. Kita mempunyai lebih daripada enam...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai *cost benefit analysis* bahawa adalah satu *cost benefit analysis* yang kasar ada dibuat sebelum keputusan dibuat oleh Kabinet. Betapa kasar itu, *how* kasar itu, di mana pihak Kerajaan Australia tengok boleh spesifik 1.9 *billion Dollar* Australia, mereka boleh dapat? Saya percaya apabila FTA Australia-Malaysia sudah ditamatkan, disiapkan, mereka pun akan buat satu *cost benefit* yang terakhir. Kenapa kita tidak boleh buat begitu bila mula ada *cost benefit*, berapa dan diumumkan kepada rakyat, dan terakhirnya.

Dan oleh kerana sungguhpun Yang Berhormat Menteri ada buat satu jaminan bahawa Kabinet akan buat satu kajian yang sedalam-dalamnya untuk kepentingan negara, tidak mahu cucu cicit kita *complaint* tetapi, mengikut rekod dahulu Agusta, Proton, *crooked bridge*, *crooked half bridge*, kita tengok pun tahu, kita tidak boleh bergantung kepada jaminan itu oleh kerana Kabinet dahulu pun ada buat kesalahan, kesilapan yang besar yang merugikan berbilion-bilion ringgit rakyat Malaysia. Bolehkah kita memberi jaminan bahawa sebelum satu FTA ditandatangani bahawa ia akan diumumkan supaya Parlimen dan *civil society* tahu isi kandungan. Oleh kerana kita sudah ada tandatangani satu FTA dengan Jepun, adakah, dan sampai sekarang nampaknya kerajaan tidak ada rela untuk buat *costs benefit analysis* atau mengumumkan *cost benefit analysis* mengenai FTA Malaysia-Jepun. Apa itu *cost benefit analysis*?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebut perkataan kasar dari segi yang bermaksud *gross*. Kita tidak dapat membuat satu *cost benefit analysis* secara terperinci sebab kita belum tahu dia punya *terms*. Bila kita tahu dia punya *terms* yang dibincangkan di antara MITI kerajaan Malaysia dengan US, baru kita dapat membuat satu *cost benefit analysis* yang terperinci. Saya akan membawa perkara ini juga kepada Kabinet dan memberitahu Kabinet tentang pandangan Parlimen...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sepanggar.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Yang ingin tahu tentang perkara ini sebelum ditandatangani. Sila.

**Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Tan Sri Menteri telah menyatakan mengenai wakil kita di mana MITI sebagai wakil Malaysia.

Di mana kita difahamkan bahawa MITI mewakili Malaysia untuk berunding dengan US untuk mempertingkatkan eksport dan juga untuk bekerjasama untuk mempertingkatkan saingan kita dalam FTA ini tetapi apa yang kita difahamkan bahawa pengalaman kita dengan *Japan* di mana *Japan* telah cuma hantar kita dua *expertise* mereka ke Malaysia dan juga telah berunding supaya memberi peluang seribu pelajar kita dalam sepanjang sepuluh tahun ke *Japan*, tetapi yang masalah sekarang ialah kita tidak tahu bagaimana peruntukan itu atau pembiayaan pelajaran itu dijalankan. Sama ada Kerajaan Malaysia bayar ataupun *Japan* yang bayar. Itu yang kita minta penjelasan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu perkara yang penting, mungkin kalau ambil lima hari pun, kita mesti benarkan. Ya, memang penting walaupun Jerai tak begitu faham sekarang... [Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...Peraturan Mesyuarat 36(6), menghina, sangkaan jahat dan menghina wakil rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Daripada kawasan Jerai, baik, duduklah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hari ini dia pakai baju warna *pink* Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa].

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat Tan Sri, bolehkah apabila kita dapat itu *cost benefit* sesuatu bidang misalnya, perkhidmatan *services* misalnya *manufacturing*, *agriculture* dan sebagainya, kita kemukakan kepada Dewan ini supaya kita semua dapat mendalami, membaca dan menganalisis apakah *cost benefit* ini. Dan sekarang Yang Berhormat Tan Sri, di Amerika dia ada 20 hari untuk *hearing*, tapi kita tidak ada *hearing* langsung di Malaysia, tak ada *hearing*. Kalau Jerai nak celah pun tak boleh, tak ada *hearing*. Cuma di dalam Dewan inilah, kita ada *hearing* sedikit. Apakah hendak kita buat supaya kita ada *hearing* sebab kita ada FTA dengan Jepun, tak ada *hearing* langsung. Dan tiba-tiba kita tahu, kita rugi dah sekarang. Dan bolehkah kita aturkan masa, tetapkan masa untuk *hearing* juga kepada semua pihak, pihak-pihak yang berkenaan termasuklah *Parliamentary Select Committee*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, saya fikir tentu ada banyak lagi perlu dijawab.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi saya minta Yang Berhormat menteri, sebab nanti menteri yang lain tidak berpeluang.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Boleh saya beri sedikit lagi.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua kata, masa....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang terakhirlah.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Okey, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan menteri. Di sini saya hendak tahu kos *benefit* analisis ini saya ingat pada masa ini ada tidak begitu kita tidak boleh *rush into it*, dengan izin.

Sebab apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor itu mungkin satu andaian iaitu bahawa Australia dapat RM1.9 bilion *benefit*, andaian bahawa mereka telah mendapatkan penjimatan dari segi tarif kalau *agreement design and based on the historical data* yang kita tengah eksport ke Australia ataupun mereka import ke sini, mereka bersatu andai bahawa dengan jumlah perdagangan ini, mereka akan jimat dari segi tarif ataupun cukai. Maka mereka ini telah menunjuk satu faedah ataupun manfaat kepada mereka. Itu mungkin satu andaian.

Akan tetapi, bagi saya setuju tidak Yang Berhormat Menteri bahawa sebelum kita membuat satu perundingan, kita mesti pastikan apa yang negara kita hendak capai dengan sesebuah negara itu, dengan sektor analisis. Sebagai contoh, tadi saya nyatakan bahawa kalau kita hendak capai satu *nation* yang mengutamakan sektor-sektor perkhidmatan, maka kita memberikan tumpuan dan juga fokus kepada sektor ini dengan mana-mana negara yang akan memberikan satu FDA ataupun akan menandatangani dengan FT dengan Malaysia. Adakah ini satu, saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** So, Yang Berhormat Menteri, lepas ini kita beralih kepada tajuk yang lain.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya setuju dan kerajaan akan membuat satu *sector analysis* sebelum kita membuat keputusan muktamad tentang perkara ini. Saya ingin juga Tuan Yang di-Pertua, isu tentang FDI yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat. Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita memang sedar bahawa dengan izin, *engine of growth* untuk negara kita ialah sektor swasta. Kerajaan tidak boleh mengambil peranan sebagai *engine of growth*. Jadi dalam rangka Rancangan Malaysia Kesembilan, kita memastikan bahawa kerajaan membelanjakan jumlah wang yang kita mampu belanjai iaitu RM200 bilion dan yang penting sekali kita memberi satu *environment* yang *conducive*, yang baik yang mana sektor swasta dapat menjana ekonomi dan sektor swasta kita tahu mempunyai dana yang cukup sebab 'dekuiditi' di Malaysia begitu banyak dan sektor swasta tempatan itu boleh kalau mereka yakin dan kita memberi *environment* yang baik, yang elok untuk mereka untuk membuat keputusan, mereka boleh.

Jadi FDI itu sungguhpun penting, memang FDI itu penting tetapi, yang lebih penting bagi kerajaan ialah pelaburan modal oleh sektor tempatan kita sendiri dan kita akan mengambil tindakan dari segi *delivery system*, dari segi memberi bantuan kepada sektor swasta tempatan untuk memainkan peranan yang penting. Jadi sungguhpun FDI itu penting, dan kita mahu FDI masuk, tetapi FDA itu yang dicadangkan, bukan semata-mata untuk memberi kelulusan untuk memudahkan FDI. Jadi saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, bahawa FDI akan masuk tanpa FDA pun FDI akan masuk. Yang FDI janji Malaysia memberi satu kemudahan, karenah birokrasi dikurangkan, masa untuk mendapatkan kelulusan dari pihak-pihak, jabatan-jabatan kerajaan dipendekkan disingkatkan. Itu yang mereka perlukan, bukan FDA. Jadi kerajaan telah mengambil langkah dan sedang mengambil langkah untuk memendekkan tempoh kelulusan untuk memberi kemudahan dengan lebih terbuka dan menggunakan karena birokrasi ini....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Mengenai FDI dan Yang Berhormat menteri ada sebut mengenai keinginan negara kita untuk terus mengadakan FDI, tetapi adakah satu kajian yang realistik diadakan mengenai masalah di mana kita hilang *competitiveness* apabila berbanding negara-negara yang lain, bukan sahaja ekonomi *super power* macam India dan negara China, tetapi pun dengan negara-negara jiran, Thailand, Vietnam pun.

Kalau tidak berjaga-jaga mungkin juga kepada Indonesia oleh kerana pelbagai sektor. Kita hilang *competitiveness* dalam khasnya di peringkat k-ekonomi. K-ekonomi Yang Berhormat ada terlibat dalam *k-ekonomi master plan*. 136 *recommendation*. Nampaknya majoriti tidak diikuti, tidak dilaksanakan bagaimana kita boleh mempertingkatkan *competitiveness* Malaysia berbanding dengan negara-negara yang lain apabila sejarah rekod kita begitu buruk.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Rekod kita ada Yang Berhormat. Yang Berhormat, tidak sebegitu buruk. FDI kita sejak zaman 70an, telah memainkan peranan yang penting dan sungguhpun kini dapat persaingan dari negara-negara lain kita telah mengambil tindakan yang perlu dan satu perkara yang penting sekali dalam persaingan ialah kita harus mempunyai *human resource* yang disebut oleh Yang Amat Berhormat sebagai *human capital* dalam banyak cadangan-cadangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah menjurus kepada *human capital*. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh mengalih kepada satu perkara yang lain yang disebut juga oleh Yang Berhormat Ipoh Timor tentang defisit. Defisit kerajaan telah dikurangkan dari 5.8% beberapa tahun dahulu kepada lebih kurang 3.5% sekarang, dan dalam falsafah kita, defisit ini bukan juga seperti perkara-perkara lain, bukan satu isu yang baik atas...

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Hendak minta penjelasan. Jumlah 3.5% itu, cuba pergi kepada angka, berapa bilion?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya tidak mempunyai angka yang tepat sekarang, tetapi lebih kurang kalau tidak salah saya RM18 bilion setahun, kalau tidak salah, saya akan memberikan yang tepat. Lebih kurang RM18 bilion dan dari RM18 bilion ini yang penting sekali seperti saya sebut tadi, yang penting ialah sama ada defisit *financing* ini adalah satu alat, satu *instrument*, satu kaedah yang memberi kelebihan kepada Malaysia.

Pada satu masa dahulu dan juga pada masa ini adalah sekumpulan yang berpendapat kaedah yang baik pada sentiasa masa ialah *balance budget*, kita sudah setuju. Kita berpendapat bahawa ada masanya *surplus budget* adalah baik ada masanya *balance budget* adalah yang tepat tetapi, ada masanya defisit *budget* adalah *instrument* yang paling optimum yang paling baik untuk menjana ekonomi. Janji ekonomi ini dijana secara berhikmat dan juga secara *prudent*. Kita berpendapat bahawa defisit *financing*, tetapi defisit *financing* yang *sustainable* lebih kurang 3.5% adalah yang baik dan kita berpendapat demikian juga kerana di dalam Malaysia berbanding dengan negara-negara lain, kita membuat pinjaman sejak zaman merdeka dahulu.

Kita buat pinjaman hanya untuk pembangunan negara. Kita tidak pernah buat pinjaman, *deficit financing* ini bukan untuk *operating expenditure*, tidak. Kita tidak membuat pinjaman untuk bayar gaji, untuk bayar sewa, tidak. Kita buat pinjaman, kita buat *deficit financing* untuk menjana ekonomi, untuk *development expenditure*. Jadi oleh kerana...

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Minta penjelasan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Masalah defisit ini. Dalam bajet tahun 2006, RM35.5 bilion telah diperuntukkan kepada pembangunan. Dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan untuk tahun 2006 sahaja, defisitnya lebih kurang Rancangan Malaysia Kesembilan RM9.5 bilion.

Jadi saya hendak tahu, adakah defisit yang dikatakan 3.5 yang berjumlah lebih kurang RM18 bilion ini, tidak ada lagi dah bajet tambahan untuk tahun ini kerana kita yakin bahawa RM9.5 bilion yang diperlukan dalam tahun ini sahaja untuk pembangunan ini belum lagi dapat dikemukakan oleh kerajaan, berapa jumlah tambahan. Kalau jumlah tambahan ini pada tahun ini, katakan RM5 bilion lagi, bukan lagi dah RM18 bilion. Ia merupakan RM23 bilion defisit. Minta penjelasan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam bajet Malaysia, kita mempunyai hasil yang diterima dan dalam tahun 2005, hasil yang diterima ialah RM106 bilion. Itu hasil. Yang kita buat untuk *operating expenditure*, untuk tujuan-tujuan mengurus ialah RM97 bilion. Itu untuk bayar gaji dan bayar sewa. Jadi hasil tolak belanja pengurusan kita dapat lebihan RM8.5 bilion.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan Tan Sri.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Sekejap. Saya habiskan dulu, habiskan dulu. *Development expenditure* yang kita buat untuk menjana ekonomi ialah RM28.8 bilion. Jadi RM28.8 bilion tolak yang baki yang kita dapat dari kurang belanja pengurusan RM8 bilion ialah kurang iaitu baki dia ialah RM18.7 bilion. Betullah angka yang saya sebut tadi 18. Angka yang betul ialah RM18.7 bilion yang kita dapat buat pinjaman tetapi Tuan Yang di-Pertua kita tidak ada masalah membuat pinjaman satu-satu hal. Akan tetapi sebelum itu, ekonomi kita menjana kadar pertumbuhan adalah 6%. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita kata anggapan kita dan kita yakin kita akan capai 6%. Pertumbuhan ekonomi 6%. Yang defisit hanya 3.5%. Jadi defisit ini kurang dari kadar pertumbuhan ekonomi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan Tan Sri.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Baik, okey.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soal defisit ini Tan Sri, mana ada negara dalam dunia ini tidak defisit. Amerika sendiri negara besar, dia punya defisit mencecah trilion dolar. Kita baru berapa? Apa yang hendak bimbang soal-soal defisit ini? Kalau kita boleh meminjam daripada negara maju dengan kadar bayaran yang rendah, kenapa tidak pinjam terus? Persoalan yang saya tanya Tan Sri, apakah perancangan kerajaan mengurangkan kos operasi yang meningkat dari masa ke semasa. Ini yang membimbangkan kita, bukan soal defisit. Pinjam, siapa takut Tan Sri?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Minta penjelasan. Penjelasan mengenai defisit sebelum itu. Nampaknya hujah-hujah Yang Berhormat Menteri ialah dengan izin, *making a venture out of a necessity*. Oleh kerana dalam Bajet 2006 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini September tahun lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan pun ada mengulangi hasrat untuk menghapuskan *deficit financing*.

Sekarang nampaknya sudah *u-turn* lagi. Satu *u-turn* mahu turun sehingga boleh hapuskan. Sekarang sudah ada *u-turn* menjadi satu ciri yang *permanent* dalam dasar-dasar pembangunan dan bukankah oleh kerana *deficit financing* itu. Hutang Kerajaan Persekutuan apabila akhir Rancangan Malaysia Kesembilan akan dekat, lebih daripada RM350 bilion, ialah dekat separuh *gross domestic product*.

Saya mahu tanya ialah, adakah ini akan menjadi satu *permanent feature*, *deficit financing* dalam pembangunan negara, untuk *abandon* tujuan yang sebelum ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jangan dengarlah cakap pembangkang itu Tan Sri, tidak ikhlas itu.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi, yang penting ialah tentang konsep-konsep *deficit financing*. Ada pendapat mungkin Yang Berhormat Ipoh Timor juga mungkin berpendapat bahawa *deficit financing* ini satu perkara yang buruk, yang tidak baik dan oleh yang demikian, kalau dia menjadi satu *permanent feature* ataupun *semi permanent feature* dalam aspek kewangan negara, ini adalah satu benda yang tidak baik. Kita tidak setuju. Seperti yang saya katakan tadi, *deficit financing* ini boleh menjadi satu alat yang baik ataupun boleh menjadi satu alat yang tidak baik. Itu terpulang kepada penggunaan wang yang dipinjamkan. Seperti yang saya terangkan tadi, kita meminjamkan duit dari bank-bank, dari EPF, dari tempat lain bukan untuk tujuan belanja mengurus, bukan untuk bayar gaji, bukan untuk bayar sewa, bukan untuk joli. Kita membuat pinjaman ini untuk membuat infrastruktur, untuk menjana ekonomi.

Jadi, oleh kerana tujuan ini baik dan juga tahap dia, tahap 3.5% kurang dari tahap pertumbuhan ekonomi, tidak ada jadi masalah untuk kita menggunakan kaedah ini untuk satu tempoh yang berpanjangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Soalan saya tadi Tan Sri. Strategi kerajaan mengurangkan kos.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Strategi kerajaan mengurangkan kos, kerajaan telah membuat satu ketetapan dan perkara ini juga telah diberi begitu banyak fokus dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tentang *delivery system* dan semalam sendiri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan satu *committee* yang fokus ia ialah mengurangkan kos...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jera]:** Tan Sri....

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mana satu Tan Sri hendak bagi?... Puchong, ya.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya setuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai frasa *deficit financing* ini kerana kita ini negara membangun. So, kita hendak satu polisi, *fiscal policy* yang mapan, yang *sustainable*. Pada masa yang sama juga, bagi saya yang penting sekali ialah bagaimana kita boleh membayar balik apa pinjaman-pinjaman yang ada. Bagi saya, saya yakin dan percaya bahawa kerajaan kita boleh bayar balik dengan secara yang efektif.

Akan tetapi satu persoalan yang selalu ditimbulkan dalam perbincangan dan juga satu kebimbangan orang ramai ialah mengenai inflasi. Adakah kadar inflasi yang betul-betul berlaku di dalam masyarakat kita ini, ekonomi kita ini boleh mengurangkan pertumbuhan yang sebenar, pertumbuhan kadar ekonomi kita di masa-masa yang akan datang, terutamanya dengan peningkatan ataupun kenaikan harga minyak petrol di pasaran dunia baru-baru ini?

So, bagaimana ataupun apakah strategi kerajaan untuk mengurangkan *effect* ataupun kesan negatif ini terhadap pertumbuhan negara. Pada masa yang sama, kita boleh menguruskan *deficit financing* ini dengan secara lebih berkesan. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu inflasi. Inflasi kita di Malaysia adalah pada satu tahap yang bukan bahaya. Bagi tahun-tahun yang akan mendatang, inflasi mungkin menjadi satu fenomena di negara-negara lain termasuk negara-negara maju sebab harga-harga komoditi termasuk getah, kelapa sawit, minyak akan naik dan akan berada di satu paras yang tinggi. Itu satu faktor. Kita tahu harga getah sudah naik, harga minyak sawit sudah naik, harga *crude oil* sudah naik. Banyak negara lain akan menghadapi sedikit masalah inflasi tetapi, kita dalam keadaan yang baik sebab kita merupakan negara yang mengeksport ammonia, kita eksport minyak dan kita mendapat laba, kita mendapat keuntungan dari harga yang tinggi.

Jadi dari segi persaingan Tuan Yang di-Pertua, kita adalah dalam tahap yang kukuh berbanding dengan negara-negara lain yang tidak mempunyai minyak, tidak mempunyai getah dan tidak mempunyai *palm oil*. Inflasi kita, sungguhpun tinggi sedikit berbanding dengan yang dahulu mungkin 3.54 peratus berbanding dengan satu atau dua peratus dahulu tidak sebegitu tinggi berbanding dengan negara yang menjadi pesaing kepada kita. Jadi kita ada dari segi relatif dalam keadaan yang baik.

Memang saya bersetuju 100 peratus dengan Yang Berhormat Puchong bahawa kita kena memastikan bahawa rakyat tidak mengalami masalah sebab itu kita masih mengawal harga-harga barangan-barangan yang perlu kita berbuat demikian sungguhpun Washington konsensus tidak menyokong kita berbuat demikian dan kita memberi subsidi-subsidi...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tan Sri saya hendak minta satu soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Pertamanya saya hendak ucapkan tahniah di atas penyelenggaraan wang negara yang saya kira memang tersusun pada hari ini. Saya ingin menarik kepada anggapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu kita kena bijak membelanjakan dan berbelanja secara berhemah. Nasihat ini juga telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada rakyat tetapi apakah pihak Kementerian Kewangan untuk melihat perbelanjaan kerajaan sendiri yang saya lihat kadang-kadang di dalam perasmian sesuatu itu perbelanjaannya begitu besar. Satu majlis untuk merasmikan sesuatu boleh dikatakan mereka beri baju dan baju itu diguna untuk khas hari perasmian, selepas itu baju itu tidak boleh dipakai lagi.

Juga kadang-kadang saya tengok dalam majlis-majlis apabila hendak dimulakan dan letupkan kertas-kertas perca yang akhirnya menjadi sampah. Saya lihat kadang-kadang apabila kita buat *conference* Tan Sri, di negara asing ini saya juga biasa hadir seminar dan *conference* tetapi tidak begitu kita dilayan begitu baik tetapi, untuk menjaga imej negara kadang-kadang makanan yang kita hidangkan agak berlebihan dan merugikan. Jadi apakah pihak kementerian mencadangkan supaya pihak kerajaan juga harus berbelanja secara berhemah.

Janganlah kita kadang-kadang belanja sampai tidak..., kadang-kadang dalam sesuatu majlis hendak buka dan pecah tanah sahaja Tan Sri belum buat lagi belanja sudah berapa ribu kemudian hendak rasmi lain pula. Jadi dalam satu bangunan kalau pecah tanah sampai siap, kadang-kadang kos untuk merayakan pecah tanah dan persiapan itu sampai beratus-ratus ribu ringgit. Jadi mungkin kos ini dapat dikurangkan dan kos ini dapat kita hantar ke luar bandar untuk menolong orang miskin Tan Sri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Itu adalah satu teguran yang baik. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun telah menyebutkan tentang perkara ini dan kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Saya setuju dan kadang-kadang perbelanjaan itu lebih dari yang perlu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Mengenai ulasan dan komen itu, Yang Berhormat kata ini satu cadangan yang baik tetapi, bukankah benar bahawa pada awal-awal lagi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Perdana Menteri pada masa itu dia sudah kata, *cut down*, jangan buang dan pembaziran, *too big welcoming reception*, semua ini diberhentikan tetapi sekarang nampaknya penyakit lebih serius, lebih yang mana disebut oleh Jerai, adalah betul. Kali yang pertama saya bersetuju dengan beliau ada pembaziran yang berleluasa yang menunjukkan bahawa arahan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak dihiraukan. *The decease has got worse and not better*, apakah itu? Kalau begitu jawatankuasa pelaksanaan, *the implementation of committees* yang bermesyuarat semalam, nampaknya pun tidak akan berkesan oleh sebab ini bukan kali yang pertama dan kita ada satu jawatankuasa pelaksanaan untuk Rancangan Malaysia Kelima, dahulu pun ada, *what is the difference?* Supaya kali ini akan berkesan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, banyak yang telah dikurangkan. Dahulu memang banyak belanja yang tidak perlu itu dan sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan dasar baru banyak telah dikurangkan tetapi mungkin ada juga sedikit yang perlu dikurangkan lagi. Banyak telah dikurangkan tetapi kita ambil maklum.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu inflasi tadi sebab itu kita memberi subsidi dan juga Yang Berhormat Ipoh Timor juga telah menyebut bahawa kita harus menghapuskan subsidi, tidak boleh sebab kita punya subsidi yang kita bagi untuk *text book* misalannya secara percuma, kita memastikan bahawa barang-barang perlu ialah dalam tahap yang kurang. Jadi isu subsidi kerajaan akan memastikan bahawa yang mendapat subsidi ialah pihak-pihak yang memerlukan seperti yang kurang mampu dan sebagainya. Kita akan menggunakan...

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kota Bharu.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Mengenai subsidi *text book*. Saya difahamkan *text book* ini diberi kepada semua dan bukannya kepada yang memerlukan pertolongan. Adakah ini benar?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ini adalah benar sebab banyak dari masyarakat kita memerlukan bantuan yang tidak memerlukan bantuan adalah hanya golongan yang sedikit dan untuk mengaturkan proses dan mengasingkan yang sedikit tadi yang banyak mungkin ada masalah sedikit. Jadi pada masa ini semua diberi bantuan tetapi isu yang akan beri sedikit...

**Dato' Haji Abd. Halim bin Abd. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Saya hendak sambung sedikit Yang Berhormat Kota Bharu..

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Ya, sila.

**Dato' Haji Abd. Halim bin Abd. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Saya rasa tidak benar diberi kepada semua. Saya ada cucu saya, bila pergi sekolah rendah guru besar tidak beri subsidi sebab dia kata datuk awak Ahli Parlimen. Jadi jawapan Yang Berhormat itu sebenarnya membohongi Dewan ini, tidak betul sebagaimana yang dikatakan oleh Kota Bharu. Kalau pelaksanaan tidak betul, saya sendiri mengalami dia jawab kepada saya, bukan anak saya tetapi cucu saya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Dengan izin...

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya, saya akan menyemak perkara ini dengan kementerian...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor tidak payahlah, dia hendak semak itu!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sambung sedikit sahaja.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Nanti, saya akan menyemak perkara ini dengan Kementerian Pendidikan kerana ini di bawah Kementerian Pendidikan dan kalau boleh bagi butiran dan saya akan cek kes ini juga dengan kementerian, sila.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai bantuan kepada sekolah-sekolah seperti yang ditanya oleh Kota Bharu, walaupun satu dasar yang baik oleh kerajaan tetapi, ada diskriminasi yang tertentu bukan? Di sekolah-sekolah kebangsaan kalau ibu bapa berpendapatan tidak melebihi RM2,000 mereka adalah layak mendapat bantuan buku teks tetapi, untuk sekolah-sekolah jenis kebangsaan, kalau mereka mempunyai pendapatan lebih dari RM1,000 jadi mereka adalah tidak layak. Apakah sebab diskriminasi ini? Walaupun *the bottom line*, dengan izin, adalah untuk menolong masyarakat yang berpendapatan kurang ataupun miskin.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Perkara ini harus dirujuk kepada Menteri Pendidikan, kerana ini adalah dasar Kementerian Pendidikan... [Disampuk] Jadi, saya akan semak dengan dia, sungguhpun isu ini akan ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan, kita akan bincang. Mengenai kadar yang tidak sama saya tidak sedar yang kadar itu berlainan. Ada keputusan dibuat bahawa kadar itu tidak sama saya tidak sedar, dan saya akan bincang dengan menteri yang berkenaan. Perkara ini sebenarnya di bawah Kementerian Pendidikan, saya tidak mempunyai maklumat yang sepenuhnya, tetapi saya akan *check*.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Memandangkan saya telah membawa perkara ini ke perhatian Tan Sri bolehkah satu tindakan yang telus dan seberapa cepat diambil mengenai perkara ini, dan diberi tahun ini.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Boleh, boleh. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab sedikit soalan yang telah dibangkitkan dalam perbincangan Rancangan Malaysia Kesembilan. Balik kepada isu defisit, saya ingin memperbetulkan sedikit tentang angka yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Timor tentang 20% daripada perbelanjaan semasa.

Jumlah bayaran khidmat hutang yang perlu dibayar dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ialah RM79.4 bilion, manakala jumlah perbelanjaan mengurus bagi tempoh yang sama ialah RM595.5 bilion. Oleh itu, nisbah peratusan bayaran khidmat hutang kepada jumlah perbelanjaan mengurus adalah 13.3% dan bukannya 20% sebagaimana yang dinyatakan.

Peratusan ini tidak banyak berbeza jika dibandingkan dengan peratusan bayaran khidmat hutang yang dialami pada masa Rancangan Malaysia Kelapan, iaitu dalam lingkungan 13%. Saya tahu perkiraan Yang Berhormat sebab mungkin Yang Berhormat telah memasukkan *principle payment* di dalam ratio tersebut tetapi dalam *debt service payment* itu seharusnya tidak memasukkan *principle payment*. *Point* yang penting ialah bukan angka tetapi *point* yang penting ialah kerajaan sentiasa berwaspada dengan tahap hutang yang ditanggung dan sentiasa berusaha memastikan pengurusan hutang yang berhemah bagi memastikan tahap bayaran khidmat hutang pada paras yang paling minimum.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timor juga berpandangan bahawa kerajaan telah membuat keputusan untuk mengadakan satu *spending spree* dalam melaksanakan *spending spree* ini, mengikut Yang Berhormat, andaian unjuran hasil yang meningkat sebanyak 6.9% adalah terlalu optimistik dan tidak konsisten dengan pertumbuhan DDP 6%.

Beliau juga telah menyatakan *operating expenditure* yang diunjur pula meningkat sebanyak 6.5% iaitu kurang realistik memandangkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelapan *operating expenditure* telah meningkat sebanyak 11%. Pertumbuhan unjuran hasil meningkat lebih tinggi 6.9% daripada pertumbuhan KDNK 6% berdasarkan andaian unjuran yang telah mengambil kira langkah kerajaan bagi memperkukuhkan lagi pentadbiran dan sistem percukaian serta memperketatkan penguatkuasaan bagi meminimumkan kebocoran hasil.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun peningkatan perbelanjaan mengurus dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan adalah 11%, ia adalah berpunca daripada keperluan kerajaan untuk mempertingkatkan kapasiti pada masa itu. Di samping pembiayaan *package* rangsang ekonomi berikutan daripada suasana ekonomi dunia yang tidak menentu. Keadaan sudah berubah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mengenai sebab yang diberikan, keadaan yang tertentu, sama ada kita akan menghadapi suatu keadaan tidak tertentu, sebenarnya satu *certainty*, oleh sebab apa yang *concern* ialah *uncertainty*. Adakah sesuatu *contingency plan* diadakan kalau ekonomi dunia menghadapi satu *depression*, kalau harga naik, harga minyak naik RM100, RM200, apa *contingency plan* yang akan diadakan atau belum ada dibuat *contingency plan*.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Memang kalau masalah timbul yang begitu serius yang harus diberi perhatian, dan harus diambil tindakan, kita akan mengambil tindakan. Kalau harga minyak naik sampai USD100, itu tidak semestinya satu perkara yang buruk sebab kita ini pengeksport minyak.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [Menyampuk]

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tidak, kita tidak harap... [Disampuk] Sebab kita tidak harap ia naik. Mungkin saya akan memberi penjelasan di sini, ini satu perkara yang penting.

Dalam harga minyak naik, Tuan Yang di-Pertua, ada dua *effect* yang selalu disebut sebagai *first round effect*. *First round effect* adalah *effect* yang pada peringkat fasa pertama kita memang untung sebab bila harga minyak naik USD100, kita ini masih menjadi sebuah negara yang *net exporter*.

Oleh kerana kita *net exporter*, kita punya *income* akan naik, Petronas akan dapat untung yang lebih dan kerajaan akan mendapat cukai, royalti, dividen yang lebih. Itu *first round effect* tetapi, *second round effect* adalah tidak begitu menguntungkan negara kita sebab pada harga USD100, banyak negara-negara termasuk negara-negara pengimport, di antara negara-negara yang sedang membangun tetapi juga negara-negara yang maju seperti Amerika, Eropah, Jepun akan mengalami satu *recession*, keadaan yang paling buruk. Dan, oleh kerana mereka menjadi *trading partner* kepada kita, banyak mengimport barang-barang kita keadaan *recession* di dalam negara-negara tersebut akan juga menjejaskan kita. Jadi, *second round effect* pada fasa kedua, ketiga dan selainnya, kita akan menghadapi satu keadaan yang tidak elok. Jadi, oleh yang demikian kita tidak berdoa kepada suatu harga yang tinggi sangat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukankah ini bererti bahawa sebenarnya keadaan kesannya adalah buruk dan bukannya baik. Ini kerana akhirnya kalau global ekonomi memasuki satu *recession*, kita pun tidak akan untung.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Hah! Tidak. Saya setuju. Jadi, oleh yang demikian kita tidak menganggap sebagai satu keadaan yang baik sekali kalau harga melambung naik. Saya setuju.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, ada dikatakan bahawa kita meminjam dari Japan dan kita janji bayar dengan minyak, dan ia telah ditetapkan pada suatu harga yang pada waktu itu. Jadi, apabila harga minyak naik, kita masih bayar dengan harga itu sahaja, yang lebih rendah daripada harga pasaran. Adakah ini benar?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tidak benar, tidak benar. Kita tidak pernah pinjam mengikut kaedah harga minyak.

**Dato' Haji A. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Saya hendak minta penjelasan sedikit tentang jangkaan tambahan projek. Sekarang ini kalau dalam tahun yang lepas satu projek RM500 ribu tetapi kontraktor sekarang ini telah menganggarkan membuat projek sehingga RM800 ribu kerana menganggarkan barang-barang ini naik, simen naik, besi naik, *transport* naik dan sebagainya. Jadi, dengan kenaikan minyak sampai, katakanlah USD100 setong, berapa anggaran projek kerajaan ini akan bertambah dari segi jangkaan yang terpaksa ditambah kerana hendak menyiapkan sesuatu projek yang besar dalam masa tahun ini atau akhir tahun ini.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Bila harga minyak naik memang harga projek akan naik tetapi kalau minyak naik 10% projek itu tidak semestinya naik 10%, oleh kerana *input cost* minyak dalam sesuatu projek tidak begitu tinggi. Ia mungkin 5%, 10%. Jadi kalau harga minyak naik 10%, harga projek hanya naik 1% sebab komponen minyak dalam projek mungkin hanya 10%. Jadi, 10% jadi 1% sebab komponen. Jadi, sungguhpun harga projek akan naik, tidak akan setinggi harga minyak sebab ini terpulang kepada komponen minyak dalam projek.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tentang kenaikan harga minyak, pada Februari 20, kerajaan telah naik 30 sen minyak dengan diesel.

Ini mengakibatkan inflasi yang amat membimbangkan rakyat jelata. Khususnya bulan yang lalu, bulan Mac kadar inflasi telah naik 4.8% berbanding dengan tahun Januari, 2005 hanya 2.4% sahaja. Ini satu angka yang amat membimbangkan rakyat. Sebab dalam tahun 1997, kadar inflasi naik sampai 5.3%, satu *economy downturn* di seluruh dunia. Adakah Yang Berhormat mengambil langkah untuk menangani kadar inflasi yang naik begitu tinggi sebab hanya ada 0.5% sahaja, ada beza. Jika ini berlaku, rakyat jelata bimbang satu *economy downturn* boleh berlaku di negara kita. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita naik 30% tetapi, jumlah yang pada masa kita naik 30 sen, harga minyak ialah RM60.00. Harga minyak sekarang ialah 72 dollar kalau tidak salah saya. Jadi, yang kita sebut dalam pada masa itu ialah kita tidak akan naik harga minyak bagi tahun ini sungguhpun harga minyak melambung naik. Rakyat tidak harus bimbang sebab kita sudah memberi satu perjanjian bahawa kita tidak akan naikkan harga minyak. Di negara-negara lain, termasuk negara-negara yang miskin seperti India, dan lain-lain, harga minyak naik dia bayar minyak mengikut keadaan pasaran.

Harga bertukar mengikut kadar pasaran. Bila harga naik jadi 60 dollar kepada 72 dollar sekarang, harga di pam-pam di merata-rata dunia, termasuk India dan negara-negara lain, harga dia naik tetapi, kita sebagai kerajaan yang bertanggung jawab, kita telah memberi satu jaminan bahawa harga tidak akan naik bagi tahun ini. Jadi, fasal inflasi kita tidak harus bimbang sebab harga tidak akan naik, itu satu. Yang kedua, kita kata kita jimat pada masa itu RM4.4 bilion, tapi harga sudah naik daripada 60 Dollar kepada 70 Dollar dan subsidi juga naik, tetapi tidak jadi masalah sebab kita ingin memastikan bahawa rakyat tidak perlu tanggung masalah...

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Penjelasan!

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Dengan kenaikan harga ini, tambahan, tambahan subsidi pada tahun ini Tuan Yang di-Pertua, ialah lebih kurang RM3.5 bilion. Ini kerajaan akan tanggung.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata tidak menjadi masalah walaupun harga minyak sudah naik dari RM60.00 hingga RM72.00 sekarang. Jadi bilakah ini akan menjadi satu masalah kepada kerajaan? Saya maksud paras harga yang mungkin menjadikan janji kerajaan itu tidak *sustainable* untuk mengekalkan harga. Apakah kepastian dalam perkara ini, Yang Berhormat Menteri?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Kita akan memastikan bahawa janji ini ditunaikan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah memberi jaminan, kerajaan tidak akan naikkan harga jadi kerajaan tidak akan naikkan harga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Jasim, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Penjelasan, Yang Berhormat Tan Sri. Soal minyak ini soal dunia. Pembangkang harus tahu masalah ini. Baru-baru ini, Arab Saudi pengeluar minyak terbesar dunia, pun naikkan harga minyak *ex-pamnya* 30 sen. Jadi mengapa kita nak bincangkan soal itu? Hanya kita nak cadangkan kepada Tan Sri, kalau boleh kita lihat, sebagaimana yang saya telah sarankan beberapa kali, kerajaan harus mempergiatkan lagi penggunaan diesel kerana diesel, harga dia murah dan enjin-enjin yang menggunakan diesel didapati menggunakan 30% kurang bahan minyak. Bermakna kenderaan itu boleh pergi lebih jauh daripada menggunakan 1 liter petrol. Itulah sebabnya di eropah, kita lihat penggunaan diesel berleluasa. Saya kira sudah sampai masa dan ketikanya supaya Malaysia juga dapat mengguna dan memperluaskan lagi penggunaan diesel di dalam negara kita. Apa pendapat Tan Sri?

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** Ya, itu saya setuju. Itu satu cadangan yang baik khasnya, sebab sekarang sudah terdapat *green diesel*. Dahulu diesel ada juga sedikit masalah, tetapi sekarang terdapat *green diesel* dan kerajaan akan menimbangkan perkara ini dari segi cukai dan lain-lain bantuan untuk memberi keutamaan kepada diesel. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Panjang lagikah, Tan Sri?

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** Sikit lagi.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Sikit Yang Berhormat, soalan tambahan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Terengganu, Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada soalan tambahan Yang Berhormat, penjelasan.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Penjelasan.Penjelasan... [Ketawa] Sebab tadi tak dapat peluang tadi, masa berucap pagi tadi. Saya juga ingin meraikan anak-anak kita yang cemerlang, ya. Yakni, yang turut hadir di Dewan kita hari ini, anak-anak orang asli kita, Zarina dan juga Ling Ling yang mendapat keputusan yang cemerlang... [Tepuk] Juga anak kita yang cukup cemerlang juga itu 17A1, Nur Amalina dan ibunya sekali turut serta dalam Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh semua nama yang ada duduk diumumkan supaya tahulah. Bukan selektif, semua kita umumkan... [Ketawa]

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Yalah, yalah yang lainpun juga.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, ini penghormatan kita kepada anak-anak yang cemerlang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya, apa salah hormat orang, Ipoh Timur.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Ipoh Timur. Hormat semua, semua cemerlang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Budi bahasa, budi bahasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu, sila.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Baik, Yang Berhormat Menteri. Tadi disebut tentang subsidi tadi, apakah tidak dari segi pandangan Yang Berhormat sendiri, bagaimana kita nak mengelakkan diri kita dan negara kita ini daripada menghadapi satu sindrom dengan izin, *overload of subsidy*, terlalu melampau dari segi subsidi. Apakah kriteria kita untuk kita memastikan agar subsidi itu diberi secara selektif dan apakah garis panduan yang digunakan oleh Kementerian Kewangan supaya kita tidak terlalu subsidi dan menyebabkan pergantungan *dependency syndrome*, dengan izin, yang satu hari nanti akan membawa padah kepada kita semua. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Sambungan. Saya minta kecerapan, ya? Dalam Yang Berhormat Menteri Tan Sri mengatakan bahawa 30 sen itu diberi waktu harga minyak RM69..., 90 Dollar.

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** 60 dollar.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Akan tetapi, saya membuat *homework* 30 sen itu diberi asas 69 Dollar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** 60 dollar, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Sepatutnya bila 60 Dollar satu tong, subsidi itu berkurangan. Baguslah itu bagi subsidi 30 sen. Sepatutnya waktu 60 Dollar, subsidi kepada petrol 24 perpuhuan lebih sikit. Ertinya, kepada petrol subsidi itu beri lebih sebanyak 58 sen. Saya hendak tanya, 5 sen lebih ini pergi ke mana? Naik kepada kerajaankah ataupun pengguna petrol ini mensubsidikan fasal *safe* minyak ataupun kepada diesel atau mana? Cuba kira balik masalah ini.

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** Tidak, pada yang kita membuat keputusan untuk naik harga, memang harga di pasaran pada masa itu 60 Dollar. Baru-baru ini dia naik sampai 72 Dollar. Saya faham soalan Yang Berhormat. Dalam isu subsidi minyak diesel LPG ini ada dua komponen. Satu subsidi yang diberi oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat minyak bagi minyak-minyak yang dijual. Jadi, setiap kali mereka jual minyak kepada pengguna pada harga yang ditetapkan, kita memberi sekian banyak dollar sebagai tambahan supaya mereka mendapat harga pasaran.

Yang kedua, kerajaan juga ada cukai dan cukai ini harus dibayar bagi minyak dan harus dibayar oleh pengguna. Cukai ini tidak dikutip. Sudah sejak lama cukai ini tidak dikutip. Jadi, bila harga itu tinggi, ada dua elemen, pertama cukai dan kerajaan kata tidak apa. Untuk memastikan harga ini disatu tahap yang munasabah, kerajaan tidak kutip cukai.

Cukai kerajaan yang harus, yang perlu dikutip tidak dikutip. Kita kata tidak perlu bayar cukai. Itu satu. Selepas kita memberi pengecualian cukai dan harga masih naik, jadi pengecualian cukai ini tidak mencukupi dan kerajaan pula kena bagi subsidi selepas pengecualian cukai. Untuk minyak tadi, mungkin pada satu tahap tidak menimbulkan subsidi tetapi pengecualian cukai masih menjadi satu faktor.

Jadi kalau subsidi tidak jadi faktor, yang berlebihan itu adalah input kepada pengurangan pengecualian cukai. Itu satu isu yang kompleks tetapi pengecualian cukai adalah satu benda lagi sebab bila kita sebut dahulu bahawa...

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Saya faham, saya faham. Pengecualian cukai itu kita tidak pungut daripada itu, yang subsidi ini daripada poket kerajaan yang sepatutnya kita bagi. Apa isu sekarang ini iaitu saya dapati 5 sen lebih yang dibayar oleh pengguna petrol ini, ke mana duit ini pergi? 5 sen lebih, pengguna petrol sahaja. Adakah wang ini balik kepada kerajaan yang merupakan subsidi hanya 24.5 sen sahaja ataupun pergi kepada pengguna diesel, atau NGV atau stesen minyak? Itu persoalannya.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ia pergi kepada kerajaan untuk mengurangkan jumlah pengecualian cukai.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Kalau pergi kepada kerajaan, apakah mekanisme pungutan cukai itu, di bawah item mana? Kalau tidak, ia menjadi cukai haram balik kepada kerajaan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Mana boleh jadi cukai haram, kita ini cukai halal. Tidak timbul isu haram halal di sini. Cukai bukan benda judi atau benda yang lain. Sebab bukan masa...

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Bukan, bukan macam ini. Bila 5 sen lebih ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bincang di luarlah, bukan dalam sini, guna masa 5 sen punya hal.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Rembau mencadangkan supaya UDA yang baru diberi peruntukan sebanyak RM1 bilion untuk membeli bangunan strategik dan disewakan kepada bumiputera. Cadangan ini akan diberi pertimbangan sewajarnya dengan mengambil kira kedudukan kewangan kerajaan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tan Sri, sedikit pasal UDA, Tan Sri.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya, okay.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya banyak kali, Tan Sri, bangkit tentang UDA. Saya hendak tahu sama ada UDA ini telah di *restructure* balik kerana saya difahamkan dahulu UDA di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi tetapi telah dijual dan sebagainya dan hari ini UDA pula menjelma balik untuk diberi juga suntikan kewangan. Jadi, di mana letaknya pula harta, ada yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan kita ada satu lagi Badan Amanah Harta untuk juga tujuannya, matlamatnya membangunkan masyarakat bumiputera di dalam kawasan-kawasan bandar. Terima kasih, Tan Sri.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Tan Sri, berkaitan dengan Yang Berhormat Jerai tadi. Memang Perdana Menteri baru-baru ini mengumumkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Amanah Hartanah Bumiputera yang diberikan suntikan RM2 bilion. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, adakah ini UDA yang kedua?

Apa sudah jadi dengan UDA yang pertama, sudah ditelan oleh MRCB ataupun macam mana? Ini yang melibatkan suntikan RM2 bilion. Jadi, saya minta penjelasan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Yayasan Hartanah Bumiputera telah diwujudkan sebagai satu badan amanah dan pada peringkat permulaan telah diberi peruntukan sebanyak RM2 bilion tetapi, ini bukanlah UDA yang kedua. Ini ialah dari segi memastikan bahawa tanah-tanah khasnya di kawasan-kawasan bandar raya juga dimiliki oleh bumiputera dan juga untuk memastikan bahawa mereka yang menguruskan perniagaan yang kecil dapat tapak-tapak di bangunan-bangunan yang strategik di kawasan-kawasan bandar.

Tentang UDA, UDA memang diwujudkan pada satu masa dahulu dengan kuasa-kuasa tertentu dan telah menjalankan aktiviti-aktiviti dengan kuasa-kuasa yang diberi dari segi perundangan tetapi, dalam pertengahan tahun 90-an, kuasa-kuasa ini telah tidak disambungkan lagi dan UDA telah dikorporatkan. Sungguhpun dari segi polisi, dari segi dasar, UDA masih di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, masih di bawah Dato' Mohamed Khaled bin Nordin tetapi...

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Biar saya habiskan sedikit, Yang Berhormat. Masih di bawah beliau tetapi kuasa-kuasa yang telah diberi dahulu telah luput, tidak wujud lagi. Jadi, bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap tentang UDA kedua, Yang Amat Berhormat telah mengumumkan bahawa UDA yang mempunyai kuasa-kuasa dahulu dengan objektif-objektif dahulu akan dijelmakan lagi, akan diwujudkan lagi dengan kuasa-kuasa baru, mungkin kuasa sama seperti yang diberi dahulu ataupun kuasa-kuasa lebih.

Dari segi UDA sekarang, sama ada aset-aset UDA sekarang akan menjadi sebahagian daripada aset-aset UDA baru ataupun sebahagian akan menjadi aset-aset UDA baru dan pembiayaan untuk mewujudkan UDA kedua harus diberi oleh kerajaan ataupun harus diberi oleh Yayasan Hartanah Bumiputera, itu satu keputusan yang belum ditetapkan lagi tetapi, macam mana pun UDA yang wujud akan menjadi satu badan yang kukuh dan juga akan menjadi satu badan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi di bawah Dato' Mohamed Khaled bin Nordin.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Tan Sri, bermaknanya UDA dahulu yang telah dijualkan itu sudah tidak lagi jadi milik kerajaanlah. Maknanya, ia sekarang ini identiti yang berbeza. Jadi, matlamat penubuhan asal itu pun tidak akan mengikut dasar untuk menolong lagilah.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tidak! Mungkin saya harus beri penjelasan. UDA yang ditubuhkan dahulu tidak wujud lagi sebab separuh daripada kuasa-kuasa yang diberi kepada UDA pada mulanya sudah luput, sudah hilang sejak pertengahan tahun 90-an. Jadi, UDA yang sekarang bukan UDA dahulu. UDA dahulu ada kuasa-kuasa yang banyak, yang dapat memastikan UDA menjalankan kegiatannya dengan begitu efektif.

UDA sekarang tidak mempunyai kuasa-kuasa yang dahulu dipegang oleh UDA. Jadi, satu tujuan sekarang ialah untuk memberi balik kuasa-kuasa itu kepada UDA, sama ada UDA sekarang yang wujud harus diberi balik kuasa-kuasa itu atau satu badan baru UDA diwujudkan dengan sebahagian daripada aset-aset UDA sekarang. Itu satu keputusan yang harus dibanggakan.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Ya, penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tan Sri, Tan Sri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ya. Dua Ahli Yang Berhormat bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Kalau ada lagi, Tan Sri, penjagaan pada masa akan datang, beritahu kita, kita pun mahu juga.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Rembau.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Penjelasan, Tan Sri. Apakah jaminan kerajaan bahawa UDA yang baru ini, dengan izin, tidak diMBOkan, *management buy-out* seperti dahulu. Sebab, jika ini berlaku, hasrat kita untuk meningkatkan pemilikan premis komersial bumiputera di bandar-bandar besar tidak akan tercapai. Apa jaminan pihak kerajaan? Terima kasih.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Sekali, Yang Berhormat Menteri. Kebimbangan saya, pengalaman UDA yang lalu ditelan oleh MRCB, habis. Bimbangnye kita yang akan menggagalkan lagi hasrat Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah dua projek besar yang saya lihat di Kuala Lumpur ini *Vision City* dan Plaza Rakyat, ini projek bermasalah, 'biawak hidup': Adakah Amanah Hartanah Bumiputera ini akan ambil alih projek-projek seperti ini. Kalau ini berlaku, sangat sedih kerana ia akan melibatkan satu kerja kerajaan yang dari dulu ambil alih projek-projek yang terbengkalai, 'biawak hidup' ini ditanggung balik oleh UDA dahulu dan sekarang adakah ini di antara kerja ataupun tanggungjawab Amanah Hartanah Bumiputera ini. Minta penjelasan.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, isu *Vision City* dengan Plaza Rakyat tidak timbul sama sekali. UDA yang diwujudkan tidak akan mengambil alih dan Yayasan Hartanah Bumiputera yang diwujudkan juga tidak akan mengambil alih *Vision City* dengan Plaza Rakyat sebab tujuan kita mewujudkan badan-badan ini ialah untuk membantu bumiputera dan bukan untuk membela orang lain. Tidak timbul sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa sudah sampai...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** [Bangun]

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi peluang Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau]:** Ya, diberikan kepada saya, terakhir ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pulai, Yang Berhormat, Pulai.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Di sini dulu. Di sini dahulu.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ya, diberi kepada saya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Sini dahulu, sini dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak mengapalah, Yang Berhormat Pulai dahulu.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan mengenai kuasa-kuasa yang telah ditarik daripada kementerian yang mengendalikan amanah harta bumiputera ini yang serupa macam UDA ini.

Soalan saya sebenarnya, apakah dalam kuasa-kuasa yang diberikan kepada Amanah Harta Bumiputera ini ada atau tidak kuasa untuk membenarkan *management* mereka untuk membuat keputusan secara komersial macam UDA yang dahulu. Ataupun adakah Amanah Harta Bumiputera ini hanya berkuasa untuk membeli tanah dan pegang sahaja tanah tersebut untuk kepentingan orang Melayu pada masa-masa yang akan datang.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Kuasa-kuasa yang diberi kepada UDA pada zaman UDA diwujudkan dahulu hanya menjurus kepada kuasa-kuasa teknikal sebab mungkin kadang-kadang kita hendak tukar hak milik tanah, hendak membeli tanah, mendapat kelulusan dengan Dewan Bandaraya dan pihak-pihak lain memakan masa yang banyak.

Antara kuasa-kuasa yang diberikan kepada UDA dahulu ialah untuk memberi kuasa kepada UDA untuk mendapat kelulusan dengan cepat, untuk membangunkan projek dengan cepat dan juga dari segi *delivery system* banyak kuasa-kuasa yang diberi ialah daripada segi *fast fact*. Kuasa-kuasa ini akan ...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh, Yang Berhormat Menteri? Ada hubung kaitnya, Yang Berhormat. Memang hasrat kerajaan untuk mewujudkan apa juga agensi kerajaan untuk menjamin keselamatan dan kesihatan masyarakat bumiputera khususnya. Walau bagaimanapun, di sebaliknya pemegang-pemegang amanah yang dilantik oleh kerajaan, sama ada CEO atau *director* nya, mereka memainkan peranan dalaman dan mengakibatkan agensi tersebut rugi dan akhirnya mereka berhenti tetapi mereka sudah kaya raya. Agensi itu menjadi lingkup dan kerajaan kena menanggung lagi.

Tidak adakah mekanisme yang boleh diguna pakai untuk memastikan bahawa mereka ini tidak boleh melakukan sesuka hati sebab kalau ada peniaga sebegitu pada masa-masa akan datang, minta bagi tahu kita sebab kita pun mahu juga. Kalau dibagi percuma begitu, kita boleh menjalankan walau pun kita bukan pakar ekonomi. Sebab banyak agensi-agensi kerajaan yang dibagi di *privatized* kemudian diambil balik dan di *privatized* lagi, seolah-olah kita bermain dalam satu gelanggang sahaja. Minta supaya pada masa-masa yang akan datang ada ruang yang menyekat mereka untuk melingkupkan agensi-agensi yang dilantik oleh kerajaan ini.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya setuju. Saya setuju 100% sebab badan-badan yang harus, yang mempunyai fungsi sosial dan sosial ekonomi tidak harus di MBOKan. Kita sedar badan-badan ini ialah badan yang harus memainkan peranan dari segi sosioekonomi dan tidak boleh di MBOKan. Saya setuju.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai UDA ini, sebenarnya kita cerita tentang UDA ini memang panjang. Saya di antara yang terawal bercerita soal penyelewengan yang berlaku dalam UDA dan bagaimana MBO berlaku. Penjelasan yang saya ingin tahu ialah masa menubuhkan UDA, ia ada kuasa besar mengambil mana-mana harta dalam mana-mana bandar untuk membolehkan bumiputera mendapat tempat premis perniagaan dan ia berjalan dengan lancar pusaka daripada Allahyarham Tun Razak.

Kemudian kerajaan suntik modal dalam UDA. Bila buat *management buy-out*, adakah dia orang bayar balik modal yang disuntik dahulu? Kalau tidak kenapa tidak? Itu yang pertama. Yang kedua, adakah siasatan sedang dibuat ke arah MBO yang diperkatakan MBO yang sebenarnya saya diberitahu ia tidak sah. Sebenarnya tidak ada pun kelulusan bertulis daripada Menteri Kewangan pada masa itu. Malah Pengerusi UDA sendiri pun tidak terlibat dalam MBO itu.

Sebenarnya mereka yang mendapat manfaat daripada MBO itu sebenarnya duduk dalam ketakutan walau pun duit banyak sekarang. Itu penjelasan mengenai UDA. Saya juga sebut dalam ucap saya mengenai langkah kerajaan hendak bina 200 buah stesen NGV tetapi Yang Berhormat tidak sebut dalam menggulung tadi. Diberitahu bahawasanya apabila harga minyak naik, alternatif kepada rakyatnya ialah NGV walau pun NGV subsidi kerajaan dan kerajaan bercadang hendak membuat 200 buah stesen baru. Bila saya tengok dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, tidak adapun peruntukan untuk membina stesen itu. Maka apakah stesen ini akan dibina oleh Petronas atau bagaimana. Saya tanya itu dalam ucapan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Minta maafah tidak sebut tadi sebab kesuntukan masa. Memang Petronas akan membina stesen minyak sebanyak 200 buah itu dan kita telah berbincang dengan Petronas dan kita telah memberitahu Petronas untuk memberi prioriti - keutamaan kepada projek ini. Projek ini adalah penting dan Petronas bersetuju memberi prioriti dan peruntukan akan diberi oleh Petronas...

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Bangun]

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** [Bangun]

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat, yang mana hendak bagi Yang Berhormat, Puchong atau Rembau? Mana-manalah sama ada Puchong atau Rembau.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya kira-kira dia lapan kali sudah berdiri.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Yang Berhormat berapa kali... [Ketawa] Ini serius ini.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Yang Berhormat Menteri, saya ingat sedang menggulung bukan tetapi, saya telah membangkitkan suatu isu yang penting semasa dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan ini iaitu mengenai konsep *private financial initiative* (PFI). Saya tidak tahu mengapa tidak ada lagi jawapan ini. Persoalan asas saya ialah mengenai, adakah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini yang telah kita memfokuskan kepada pertumbuhan ekonomi dalam sektor-sektor yang produktif.

Sektor produktif maksud saya ialah memberikan nilai tambah kepada penjaan ekonomi negara. Saya telah mengemukakan banyak contoh dalam ucapan saya tetapi, dalam peruntukan di dalam PFI ini mengikut sektor ini. Saya nampak sektor ekonomi hanya diberikan tumpuan hanya 6.5%.

Saya bimbang kerana kalau kita tidak memberikan suatu fokus kepada sektor ekonomi ini, maka *multiply effect*, dengan izin, atau kesan berganda dalam ekonomi itu akan dikurangkan. Maka hasrat kerajaan kita untuk menumpukan perhatian kepada pertumbuhan ekonomi dalam sektor-sektor yang telah diberikan tumpuan iaitu sektor pembuatan, perkhidmatan dan juga sektor pertanian ini tidak kesampaian. Saya hendakkan sedikit ulasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak payah panjang-panjang lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat kena gulung.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, Saya bersetuju PFI ini adalah suatu mekanisme yang begitu penting dalam RMK-9. Tujuan PFI ini ada banyak. Mungkin kerana kesuntukan masa, saya hendak sebut ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak mengapa, Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh teruskan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Satu dari tujuan yang penting ialah untuk membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang penting dan pada masa yang sama kerajaan memberi sedikit pertolongan kepada sektor swasta untuk membolehkan sektor swasta menjalankan projek tersebut.

Saya bagi misalan, katakan sebuah syarikat atau pun satu syarikat, ia mengenal pasti suatu kawasan dan dia sanggup dan berani. Dia sudah membuat *cost benefit*. Dia sanggup mengambil risiko untuk membangunkan kawasan itu dengan rumah-rumah, kedai-kedai dan bangunan-bangunan tetapi, mengikut *cost benefitnya* itu banyak pekerjaan akan timbul, akan dapat banyak keuntungan dan pemuda-pemuda atau anak-anak kita akan dapat pekerjaan dan lain-lain lagi. *Spin of effect* begitu banyak.

Akan tetapi dia memerlukan sedikit sahaja pertolongan dari kerajaan. Dia datang kepada kerajaan dia kata ini adalah suatu projek yang baik. Saya akan mendapat pembiayaan sendiri di mana saya akan ambil risiko sendiri. Kerajaan tidak ambil risiko, kerajaan tidak memberi pembiayaan. Saya minta dari kerajaan hanya sedikit pertolongan. Kerajaan kata apa pertolongan? Dia kata tanah ini, tanah kerajaan. Saya sanggup beli tetapi oleh kerana saya kena membuat bangunan-bangunan, saya kena membina bangunan-bangunan mengikut fasa-fasa, mungkin ada sedikit *cash flow* boleh tak saya bayar untuk tanah ini secara fasa. Saya bayar 20% sekarang dan setiap dua tahun, saya bayar balik. Tolong saya dan saya akan membuat ....

Kerajaan kata okay, ini FDI, kita tolong sedikit untuk memastikan bahawa satu bandar yang begitu besar akan wujud. Dia kata mungkin juga kerajaan boleh tolong saya dari segi membeli satu atau dua bangunan untuk bomba, untuk pejabat daerah supaya saya dapat sedikit kepastian ada sedikit sambutan *critical mile*. Yang lain saya ambil risiko, saya dapat pinjaman dari bank dan kalau rugi, saya rugi. Kalau dapat untung dia dapat untung, kerajaan tolong sedikit.

Itu satu benda yang baik sebab dengan perbelanjaan yang begitu minimum kerajaan dengan izin, *hold hand* - pegang tangan syarikat-syarikat swasta dan syarikat-syarikat swasta dengan sedikit pertolongan akan dapat menjana ekonomi. Itu satu dari banyak aspek, satu misalan dari banyak misalan.

Kerajaan memang sebab kerajaan yakin bahawa sektor swasta boleh memainkan peranan kalau memberi sedikit pertolongan. Itu *last mile*. Kerajaan telah mengambil keputusan untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat ...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan lagi? Penghabisan, Yang Berhormat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Penghabisan Yang Berhormat.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sebab saya nampak ada suatu keikhlasan dan satu kesungguhan pada kerajaan untuk menjamin kemakmuran dan pembangunan negara tercapai dan kita tahu hari ini pun pencapaian negara adalah pencapaian yang terbaik yang pernah kita capai. Itu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah. Cuma saya rasa perkara yang saya sebut dalam perbincangan tentang peranan GLC dan mencairkan ekuiti kerajaan dalam sesetengah GLC belum lagi sempat dijawab yang mana pada ketika itu saya mencadangkan ini merupakan salah satu perkara yang boleh mendapat pendapatan tambahan kepada kerajaan.

Saya rasa saya perlukan pandangan pihak kementerian apakah perkara ini boleh kita lakukan dan saya hendak tambah sedikit sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya melihat pengurusan GLC ini baik kita berikan kepada orang yang betul-betul mahir. Boleh atau tidak kementerian memikirkan bagaimana kita boleh melantik orang yang memang telah terbukti berjaya yang mana mereka akan membantu kerajaan kerana mereka ingin mengekalkan reputasi mereka dalam bidang-bidang yang telah mereka buktikan mereka berjaya supaya mereka mengendalikan pengurusan syarikat-syarikat ini untuk mengekalkan prestasi dan tidak mengambil kesempatan seperti yang ada dakwaan-dakwaan yang timbul. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. Ini penting. Jangan paksa Yang Berhormat untuk tamat dan akhir di sini. Ini terpenting sekali dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kementerian Kewangan - *Steering Committee*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Saya faham.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Steering Committee, Steering Ministry.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya harap dia boleh teruskan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat cadang untuk sambung Dewan, sambung sampai malam.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Selepas tengah hari - makan tengah hari. Ini mustahak. Kalau kita mahu serius dalam Rancangan Malaysia Kesembilan patut teruskan, banyak hal yang semua ada timbul dan dibangkitkan yang belum dijawab bukan? Kita mahu Yang Berhormat Menteri terus selepas *lunch*.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun] [Membantah]*

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jangan jadi Little Napoleon. Jangan jadi Little Napoleon.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat teruskan, Yang Berhormat. Jawab yang bersangkutan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, isu berhubung dengan GLC. Pada suatu masa dahulu GLC mempunyai banyak saham dalam syarikat-syarikat sampai 70% dan 80%. Kerajaan bersetuju bahawa ini adalah tidak mustahak dan tidak perlu memegang begitu *share* dan kerajaan telah mengurangkan pemegangan *share* dalam banyak GLC dan soalan sekarang ialah bolehkah kita, haruskah kita, perlukah kita mengurangkan lagi pegangan kerajaan, pegangan agensi kerajaan dalam GLC?

Ada satu pendapat yang mengatakan kita harus berbuat demikian dengan begitu cepat sebab satu faktor dalam menjana *capital market* khususnya saham-saham di Bursa Saham ialah *liquidity* dan dari segi *liquidity* sekiranya sektor swasta memegang *share* yang lebih dan kerajaan memegang *share* yang tidak begitu banyak, ini akan menjana *liquidity* dan *liquidity* pula akan memastikan harga adalah pada harga yang lebih tinggi.

Kita setuju, tetapi dari segi *timing* sama ada kita harus menjual saham-saham dengan kaedah yang cepat ataupun kita mengambil satu tindakan untuk *reform* syarikat-syarikat ini supaya saham-saham yang dimiliki oleh kerajaan dapat harga yang lebih tinggi dan kita yakin dengan pegawai-pegawai yang telah dilantik dan pegawai-pegawai yang telah disebut oleh Yang Berhormat yang mempunyai reputasi dan kita dapat memastikan bahawa kualiti dalam GLS ini akan meningkat dan harga akan naik dan pada masa harga akan naik mungkin kita akan jual sedikit dan dapat harga yang lebih. Itu dari segi *timing* sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mohon penjelasan. Minta penjelasan untuk GLC. Selain daripada isu *liquidity*, adakah kerajaan kaji mengenai satu prinsip bahawa patutlah *get out of business* - kerajaan *get out of business* oleh kerana bukan sahaja ini bukan *business* kerajaan tetapi daripada rekod dahulu di mana ada kerugian yang raksasadan penyalahgunaan kuasa, skandal-skandal yang berbilion ringgit. Adakah ini sepatutnya ada satu kerajaan *lean and mean* yang ada tanggungjawab yang pokok mengenai *business* terpulang kepada *business people* khususnya supaya apa yang berlaku dahulu tidak diulangi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Adakah pernah buat satu kajian mendalam dalam perkara ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Rembau dahulu.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak balik kepada Yayasan Amanah Pelaburan Bumiputera tadi kerana ini penting. Saya hendak cadang dan saya rasa kerajaan pun berfikir ke arah itu supaya YAHB tadi yang bakal ditubuhkan bermodelkan kepada PNB di mana di atas PNB itu ada satu *tier* iaitu Yayasan Pelaburan Bumiputera di mana Perdana Menteri sebagai pemegang Pengerusi.

Ada Lembaga Pengarah Amanahnya yang terdiri daripada beberapa Menteri dan juga Hakim dan di bawahnya, YAHB tadi akan ada satu syarikat pengurusan yang saya sebut semalam iaitu pelaburan Amanah Hartanah Bumiputera yang akan menjadi pendaftar dan juga yang akan bertanggungjawab terhadap operasi dari segi mengenal pasti mungkin tanah-tanah ataupun bangunan-bangunan yang boleh dibeli.

Kemudian satu *tier* lagi di bawah itu akan diwujudkan skim-skim atau tabungan amanah harta tanah yang akan dijual kepada bumiputera dan juga mungkin kepada Majlis-majlis Agama Islam dan sebagainya. Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri adakah di dalam bentuk semacam itu sebab saya rasa model yang sedia ada seperti PNB itu sangat berkesan dan mungkin boleh mengelakkan MBO lah dan dapat mengekalkan pemilikan hartanah tadi yang sekarang ini keadaan sangat serius.

Kita sedia maklum premis industri milik bumiputera cuma 4.8% sahaja dan bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi juga bandar-bandar besar di seluruh negara. Bagaimana pendapat Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, mungkin saya hendak habiskan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, Yayasan Pelaburan Bumiputera mempunyai dua badan di bawah iaitu PNB dan satu lagi PUNB. Di bawah PUNB ada juga PROSPER.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order* 12(1), "Tiap-tiap persidangan Majlis hendaklah dimulakan pada pukul 10 pagi hingga 1 tengah hari dan disambung semula pada pukul 2.30 petang hingga 5.30 petang atau lebih awal lagi setelah selesai atau ditangguhkan..."

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, saya yang menjalankan urusan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, ya. Ada masa dan 12(3), "Tuan Yang di-Pertua boleh melanjutkan masa mesyuarat selepas pukul 5.30 petang ...." bukan pukul 1, "...5.30 petang atau selepas apa-apa masa yang telah ditetapkan..."

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sudah pukul 1, kita semua lapar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri, sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kita mahu teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mana boleh habiskan. Ia ini penting. Kita mahu dengar dia punya jawab... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini mustahak. Kalau apa-apa kementerian tidak apa. Ini Kementerian Kewangan.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [*Bangun*] [*Membantah*] [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dalam Dewan ini, atas budi bicara kita. Kalau Yang Berhormat mahu panjang..., Yang Berhormat, kalau mahu panjang...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dua ratus dua puluh bilion ringgit. Mana boleh... [*Dewan riuh*]

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bangun] [Membantah]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sila duduk. Sila duduk. Silakan Yang Berhormat Menteri sila habiskan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tak boleh, tak boleh! Mana boleh!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini kementerian mustahak. Ini semua boneka. Yang Berhormat Puchong, duduk apa guna?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri, sila habiskan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bangun, bangun! Cakap!... *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Patut sokong kita. Apa itu! *You* sudah *spoil, you* Puchong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Menteri sila habiskan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Terima kasih.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat, yang saya bangkitkan tidak dijawab. Rancangan Malaysia Kelapan. Rancangan Malaysia Kelapan sebagai rujukan di mana tiada jalankan projek.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Dewan yang mulia ini di tangguh hingga jam 2.30 petang. Cukuplah.

***Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.10 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dijemput Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk menjawab.

**2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dalam bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Bagi isu-isu yang telah disentuh saya akan cuba memberi penjelasan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Alor Setar membangkitkan berkenaan dengan penguatkuasaan Kempen Antidadah dan Pusat Serenti. Pihak kerajaan melalui agensi Dadah Kebangsaan telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program dalam menangani masalah dadah ini. Program pendidikan pencegahan dadah bertujuan untuk memberi pendidikan dan kesedaran kepada orang ramai mengenai dadah serta bahayanya dan memberi kemahiran asas kepada individu untuk menolak dadah.

Di samping kemahiran keibubapaan justeru itu keberkesanan setiap program pencegahan dinilai dari segi aspek penyebaran maklumat berkenaan dengan setiap kumpulan-kumpulan sasar. Dari penilaian dan kajian yang dibuat oleh AADK dan pihak luar didapati bahawa program-program yang dilaksanakan dapat mencapai objektif yang tepat.

Dari segi penguatkuasaan, pihak polis PDRM dan Kastam di Raja Malaysia telah menangkap seramai 44,838 orang pesalah dadah mengikut Akta Dadah Bahaya Tahun 1952 dan Akta Dadah Berbahaya Langkah-langkah Pencegahan Tahun 1985. Ini merupakan peningkatan sebanyak 27.32% jika dibandingkan dengan jumlah tangkapan dalam tempoh yang sama pada 2004 iaitu 35,243 orang.

Tuan Yang di-Pertua, rawatan dan pemulihan ke atas penagih dadah merupakan satu proses yang kompleks dan sangat sukar kerana setiap penagih dadah adalah berbeza dan bergantung kepada berbagai-bagai faktor dan persekitaran termasuklah tahap keparahan, latar belakang keluarga, sokongan sosial dan masyarakat dan pelbagai faktor lain. Penagih dadah adalah sejenis penyakit kronik yang mudah berulang. Proses rawatan dan pemulihan memerlukan masa yang panjang kerana kepulihan merupakan proses sepanjang hayat. Justeru itu keberkesanan pemulihan sukar dicapai dalam jangka masa yang pendek. Ia hanya akan dapat dilihat dalam jangka masa yang panjang. Pada keseluruhannya, kita telah berjaya sebanyak 20% hingga 25% dapat dipulihkan.

Yang Berhormat Alor Setar juga membangkitkan tentang penggunaan ubat-ubatan *methadone* sebagai satu cara merawat kes penagih dadah. Penggunaan *methadone* sebagai rawatan penagih dadah telah dijalankan di negara ini oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi-agensi Antidadah Kebangsaan sebagai satu projek perintis mulai Oktober 2005 yang melibatkan seramai 1,240 orang penagih dadah di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jasin mempersoalkan mengapa hanya pengedar dadah yang kecil-kecilan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya dapat pengesahan kenapa *repeat offenders* dalam kes-kes dengan izin, *drug addict* ini terlampau menjadi-jadi di negara ini berbanding dengan negara-negara lain. Nombor dua, kesenangan di mana saya difahamkan di mana *drug* ini dapat juga di tempat-tempat di mana patut tidak ada langsung iaitu di Serenti. Saya difahamkan ia boleh didapati di tempat-tempat tersebut. Adakah Yang Berhormat tahu mengenai perkara ini. Apakah pemantauan yang telah dibuat jika tahu tetapi jika tidak tahu bolehlah tindakan... Saya difahamkan saya baru-baru ini bercakap dengan beberapa penagih-penagih dadah dan mereka memberitahu bahawa ada beberapa orang dalam Serenti yang menjual dadah ini boleh didapati. Apakah cadangan atau tindakan konkrit oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kerja pemulihan ini dibuat oleh Pusat-pusat Serenti dan tetapi kita telah menggunakan berbagai-bagai cara untuk memulihkan mereka ini. Namun demikian selepas mereka keluar dari pusat Serenti kadang-kadang kebanyakan dari mereka ini masyarakat atau keluarga mereka sendiri tidak menerima mereka. Umpamanya baru-baru ini saya telah dimaklumkan oleh Senator Datuk Jins Shamsudin yang telah pergi berceramah di sebuah Pusat Serenti. Apabila beliau sampai di situ di luar Pusat Serenti itu ramai golongan muda yang berkumpul di situ.

Apabila beliau masuk ke dalam Pusat Serenti beliau dapati bahawa ada daripada peserta-peserta atau penghuni pusat itu akan dilepaskan pada hari itu. Dan yang datang menyambut mereka adalah kumpulan sebaya mereka dan bukan keluarga mereka. Jadi maknanya penglibatan bukan sahaja kepada agensi-agensi kerajaan tetapi sebenarnya untuk memerangi dadah ini kita memerlukan semua masyarakat sama ada dari keluarga, parti-parti politik dan sebagainya. Kita tidak boleh mengharapkan kepada kerajaan semata-mata.

Saya rasa setakat hari ini kita telah melaksanakan seberapa baik yang mungkin, namun demikian itulah sahaja yang dapat kita laksanakan berkenaan dengan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan bolehkah Yang Berhormat...

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Sabak Bernam dahulu. Sabak Bernam dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti selepas ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu mengenai kedudukan masalah dadah *residivis* ini dan kedudukan apabila dibandingkan dengan negara-negara yang lain, masalah *residivisme* dadah ini.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Jadi saya rasa kalau perbandingan yang kita buat, kita boleh katakan di negara kita, kita mengambil berat dan kita membelanjakan duit yang banyak untuk pemulihan berbanding dengan negara-negara lain. Kadang-kadang kalau kita tengok di negara jiran setengah mereka tidak ada proses pemulihan yang dibuat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *No, no.* Kita mahu angka bukan yang umum ini. Masalah *residivisme* - masalah dadah ini....

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Masalah angka....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Angka dan tahun demi tahun dan banding dengan negara-negara yang lain.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Kalau itulah, soalan Yang Berhormat itu spesifik jadi saya akan bagi secara bertulislah.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat silakan.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita telah diberitahu bahawa 80% daripada ibu bapa pelatih pusat serenti ini memang tidak mahu mengambil balik anak-anak mereka. Ini sebenarnya masalah yang sangat besar jadi kita telah mencadangkan supaya satu bentuk orientasi kepada ibu bapa yang bakal menerima anak mereka ini diadakan di mana mereka harus membantu pihak kerajaan untuk menerima anak mereka kembali. Sebab pihak kerajaan telah menggunakan wang yang begitu banyak di pusat serenti selama dua tahun, itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua yang lebih penting ialah kita dapati mereka yang keluar daripada pusat serenti ini mereka yang telah diberi latihan telah diberi orientasi disiplin yang begitu baik di pusat serenti ini. Apabila mereka keluar daripada pusat serenti itu mereka tidak dibantu dari segi kerjaya mereka dan kalau kita terus tidak membantu mereka, kita harus ingat bahawa setiap individu yang hidup ini tanpa kerjaya, tanpa pendapatan tidak ada identiti. Jadi, bagaimanakah masyarakat hendak menerima mereka? Oleh kerana itu kita telah mencadangkan supaya Unit Kerjaya di AADK ini harus diperkasakan sehingga ke peringkat pelatih ini dapat pekerjaan dan dengan pekerjaan inilah maka mereka boleh kembali kepada komuniti. Apa pandangan Timbalan Menteri mengenai perkara ini.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini satu pandangan yang baik. Memanglah sekarang ini kita sedang bekerjasama erat dengan kolej seperti Kolej Komuniti dan juga dengan IKM dan sebagainya untuk melatih mereka yang terlibat dengan penagihan dadah ini. Insya-Alah dengan kerjasama daripada badan-badan ini kita akan dapat membantu mereka untuk meneruskan cara hidup mereka selepas menjalani rawatan di pusat-pusat agensi dadah ini.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Saya tambah sedikit berkaitan yang itu sebab ini penting ini satu contoh yang penting. Saya ambil contoh di Pulau Carey, Golden Hope telah memberikan harapan kepada lebih 40 orang bekas penagih ini yang keluar pusat serenti menjalani hidup mereka. Sudah enam tahun mereka berada di sana dan mereka telah dapat pekerjaan yang baik, pendapatan yang baik dan kembali kepada masyarakat, itu satu.

Yang keduanya saya rasa majikan-majikan yang bersetuju untuk mengambil bekas penagih ini sebagai pekerja mereka ini harus diberikan insentif. Macam sekarang ini kita harus ada data, saya setuju. Masalah kita yang utama sebenarnya ialah *database*. Kita tidak ada data sebenarnya. Sehingga sekarang ini berapa bilangan penagih dadah, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Kita telah minta supaya perkara ini disediakan dengan lengkap dan tepat supaya tindakan diambil. Umpamanya sampai sekarang ini berapa agaknya mereka yang keluar daripada pusat serenti itu yang mendapat pekerjaan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat, cukup.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Kita boleh contohkan. Saya, sedikit sahaja. Dalam sesi yang akan datang saya hendak bawa 40 orang bekas penagih yang telah mendapat pekerjaan dalam Dewan ini sebagai bukti bahawa mereka ini sebenarnya boleh dikembalikan kepada masyarakat. Apa pandangan Timbalan Menteri? Terima kasih.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dadah dikatakan sebagai musuh nombor satu negara. Itu yang saya tahu tetapi saya tengok cara kita memerangi dadah ini tidak seperti macam musuh nombor satu. Baru-baru ini saya juga mengikuti beberapa program AADK yang dianjurkan oleh AADK, nampaknya macam tidak ada *urgency* untuk membanteras dadah ini. Mengapa begitu? Minta penjelasan...

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri jawab dahulu.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan cadangan daripada Yang Berhormat Sabak Bernam tadi saya ucap terima kasihlah kerana sebenarnya beliau memanglah mengambil berat perkara-perkara berkenaan dengan dadah dan saya berharap Yang Berhormat dapat memberi cadangan-cadangan kepada pihak agensi dadah ini untuk kita memberi satu pemulihan yang lebih berkesan kepada penagih-penagih dadah di masa yang akan datang.

Berkenaan dengan peranan AADK saya telah mengarahkan beberapa Agensi Dadah Kebangsaan supaya kita melibatkan wakil rakyat. Sebelum ini di daerah-daerah hanya DO sahaja. Jadi sekarang ini kita akan melibatkan seluruh wakil-wakil rakyat sama ada daripada parti pembangkang dan sebagainya untuk terlibat sama dengan agensi dadah untuk memerangi dadah di peringkat akar umbi. Jadi saya haraplah selepas ini apabila kita turun ke kawasan-kawasan Parlimen, saya harap kita akan mendapat kerjasama yang sepenuhnya daripada Yang Berhormat sekalian.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Mohon laluan.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Ya.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Kuala Krau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini kita ada nampak program-program yang dijalankan iaitu program seperti "Enam Jahanam" dan sebagainya. Saya hendak bertanya pada Timbalan Menteri sejauh manakah keberkesanannya Program Enam Jahanam ini dan yang keduanya adakah kerajaan akan meneruskan Program Enam Jahanam. Satu lagi masalah tentang penyelarasan mengenai angka-angka penyalahgunaan dadah ini di peringkat daerah-daerah. Kita ada AADK, kita ada Jawatankuasa Keselamatan Daerah dan juga kita ada laporan yang dibuat oleh polis di peringkat daerah.

Di dalam Jawatankuasa Pembangunan Daerah selalunya wujud percanggahan daripada bilangan dan statistik yang dikemukakan oleh ketiga-tiga badan atau agensi ini. Manakah sepatutnya sumber-sumber yang boleh dipakai sama ada AADK, Jawatankuasa Keselamatan Daerah atau daripada polis sendiri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan Sekretariat Agensi Dadah yang telah melaksanakan beberapa aktiviti sepanjang tahun yang lepas, saya sedang mengkaji balik berkenaan ada beberapa perkara yang harus kita perkemaskan berkenaan dengan aktiviti yang dijalankan oleh sekretariat agensi dadah. Walau bagaimanapun, daripada apa yang saya dapat taklimat daripada pegawai-pegawai bahawa program ini berkesan juga kerana ia melibatkan satu golongan lain iaitu golongan masyarakat muda dan sebagainya untuk menyertai program-program yang dilaksanakan sepanjang kempen yang dijalankan oleh Sekretariat Agensi Dadah ini...

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** *[Bangun]*

**Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Bera, Bera!

**Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh AADK dan daripada maklumat yang saya dapati daripada pegawai-pegawai AADK didapati bahawa penagihan dadah telah mula menular ke sekolah-sekolah iaitu di sekolah-sekolah rendah sekalipun dan sekolah menengah. Saya rasa ini adalah amat serius dan soalan saya, apakah perancangan pihak kementerian di bawah AADK untuk membanteras masalah yang semakin serius berlaku di sekolah-sekolah seluruh Malaysia.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau bangun hendak minta penjelasan bangun sahaja, ya.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi...

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Soalan saya yang kedua tadi belum dijawab. Saya memohon Timbalan Menteri menjawab tentang penyelarasan statistik mengenai penyalahgunaan dadah di peringkat daerah.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memanglah kita ada perbezaan daripada segi angka, tidak dapat dinafikan kerana mereka ini mempunyai pegawai-pegawai dan juga daripada penguatkuasaan daripada pelbagai dan berbeza dari polis dan juga daripada agensi dadah dan juga daripada Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, dari segi angka yang berkenaan kita tidak mempunyai masalah kerana mereka ini selalu berjumpa dan bertukar-tukar berkenaan dengan apa juga yang melibatkan penguatkuasaan dadah di peringkat daerah dan sebagainya. Jadi saya rasa benda ini tidak ada masalahlah setakat ini. Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Jasin ada...

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bera.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Soalan Yang Berhormat Kuala Kedah belum jawab lagi.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sudah lama saya bangun ini. Saya hendak tanya sedikit, Yang Berhormat, dari segi pemulihan melalui *methadone*. Saya hendak tanya dari segi hasrat kerajaan menggunakan *methadone*. Adakah penggunaan *methadone* ini hanya hendak digunakan di pusat-pusat pemulihan ataupun *methadone* ini diperluaskan supaya yang hendak keluar daripada penagihan dadah boleh membeli sendiri *methadone* tersebut di luar sebab saya difahamkan harga *methadone* lebih mahal daripada harga dadah. Jadi, saya difahamkan penagih dadah mengatakan lebih baik dia hisap dadah daripada tukar kepada *methadone* yang juga salah satu daripada dadah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik Yang Berhormat.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan *methadone*, sekarang ini, seperti mana yang saya katakan tadi ialah di peringkat projek perintis yang dilaksanakan di seluruh negara. Jadi, ini melibatkan penagih dadah bukan di pusat serenti tetapi di luar. Sekarang ini kita telah melibatkan 1,140 orang setakat ini yang telah mendaftar.

Walaupun angka yang sebenarnya adalah 1,240 tetapi daripada apa yang kita lihat sekarang ini yang datang ke pusat-pusat kesihatan dan mereka ini dibekalkan secara percuma dan mereka perlu mendaftar di situ. Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, sekarang ini kita hanya tinggal 886 orang yang sedang melibatkan diri dengan proses penggunaan *methadone* ini dan kesannya adalah selepas enam bulan. Jadi, kita baru laksanakan pada November 2005 dan saya rasa benda ini akan dilanjutkan hasil daripada apa yang kita dapat daripada kajian yang kita buat sekarang ini.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Kuala Kedah tadi yang bertanyakan penglibatan murid-murid sekolah dan sebagainya. Memang penagihan dadah ini bukan sahaja melibatkan agensi dadah. Kalau kita lihat bahawa kementerian yang terlibat bukan sahaja Kementerian Keselamatan Dalam Negeri tetapi ia juga melibatkan Kementerian Pelajaran, Kementerian Belia dan Sukan. Jadi, saya akan mengadakan perjumpaan dengan kementerian-kementerian yang berkaitan iaitu Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk kita bekerjasama bagi membanteras dadah ini. Jadi, dengan...

**Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Tadi saya minta penjelasan berkenaan dengan semakin banyak menularnya penagihan dadah di sekolah rendah dan sekolah menengah. Perkara ini serius dan apakah perancangan AADK untuk membanteras masalah ini. Ini maklumat yang saya dapat daripada AADK sendiri. Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Seperti mana yang saya katakan tadi kita terpaksa bekerjasama dengan sekolah dan kita terpaksa bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dan sebagainya untuk memerangi dadah ini dan ceramah-ceramah kita akan bagi di peringkat sekolah dan sebagainya untuk memerangi dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jasin mempersoalkan mengapa hanya pengedar dadah kecil-kecilan sahaja yang berjaya ditangkap...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** ...Sedangkan pengedaran dadah secara besar-besaran masih bebas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, menurut undang-undang, pengedar dadah adalah seorang yang ditangkap di atas kesalahan dadah di bawah seksyen 39(b) Akta Dadah Berbahaya, tahun 1952 dan jika bersabit kesalahan tersebut akan dihukum mati mandatori. Maknanya, kita tidak kira sama ada pengedar itu kecil atau besar...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan!

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Ya.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, perhatikan jumlah bilangan penagih dadah ini semakin ramai. Walaupun apa jua usaha yang telah dilakukan banyak peruntukan telah diberi tetapi semakin meningkat. Bukankah ini menunjukkan apa sahaja cara yang kita gunakan itu telah gagal dan sekiranya kita tidak mengkaji balik mana kegagalannya dan menggunakan pendekatan yang baru, saya rasa kita akan terus gagal dan penagih dadah ini akan semakin meningkat lagi.

Saya rasa kita perlu ada *review* ke atas pendekatan yang kita guna ini selama ini. Salah satunya ialah saya rasa kita jangan melihat sesiapa yang menggunakan dadah itu sebagai seorang penjenayah kerana setakat menggunakan dadah itu walaupun ia tidak baik dan mengancam kesihatan terhadap diri sendiri seperti merokok. Merokok juga mengancam kesihatan juga tetapi kita tidak mengatakan sesiapa yang merokok itu adalah penjenayah kerana kalau kita melihat mereka sebagai penjenayah jadi mereka tidak akan tampil ke depan. Saya rasa adalah penting kita sehingga mereka sudah melanggar mana-mana undang-undang barulah kita mengambil tindakan ke atas mereka. Kalau tidak kita melihat mereka sebagai golongan yang perlu bantuan dan bukan penjenayah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya baik.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya rasa ini adalah perlu pendekatan ini. Apakah kementerian akan menimbangkan pendekatan ini. Terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, saya bersetuju juga dengan apa Yang Berhormat katakan kerana sekarang ini dadah datang dalam pelbagai jenis. Dadah tidak seperti dahulu. Dahulu kita ada candu. Sekarang dadah dalam bentuk pil dan sebagainya. Ia lebih rumit untuk kita banteras dadah.

Walaupun bagaimanapun, kementerian sentiasa mengambil berat dan pandangan daripada orang ramai walaupun daripada parti pembangkang kalau sekiranya ada cadangan-cadangan yang baik yang boleh diketengahkan, insya-Allah kita akan terima. Agensi dadah pun hari ini kita akan sentiasa dari semasa ke semasa menghantar pegawai-pegawai kita untuk memberi latihan yang lebih lanjut berkenaan dengan penguatkuasaan dan pemulihan yang ada bukan sahaja di negara kita mungkin yang digunakan di negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sabak Bernam ada membangkitkan beberapa perkara. Pertama sekali berkenaan dengan AADK, pelaksanaan kerjasama Jabatan Narkotik, Jabatan Kastam, Imigresen dan sebagainya. Memanglah jabatan-jabatan ini sentiasa bekerja erat untuk memerangi dadah dan mereka kadang-kadang sentiasa mengadakan operasi bersama.

Di samping itu, Yang Berhormat Sabak Bernam juga membangkitkan berkenaan dengan penambahan pegawai-pegawai AADK dan juga narkotik. Insya-Allah, dalam tahun 2006 ini, pada bulan Jun, pegawai gred 17 akan diisi kerana sekarang ini di kementerian iaitu di bawah AADK, kita sekarang ini kekurangan 542 orang dan segala cadangan dan juga permohonan telah kita kemukakan untuk kementerian kepada SPA untuk menambah pegawai-pegawai ini dan pegawai-pegawai ini akan ditambah dari semasa ke semasa.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Sabak Bernam supaya diwujudkan zon-zon hitam, kelabu dan putih untuk mengawal penyeludupan dan pengedaran dadah. Setakat hari ini, kerajaan belum lagi mencadangkan supaya kita mewujudkan zon-zon ini kerana kadangkala ini ada juga kebaikan dan keburukannya apabila kita laksanakan. Dan, buat sementara ini kita belum lagi bercadang untuk melaksanakan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sepanggar mencadangkan pembinaan sebuah balai polis di Inanam dan Sepanggar di kawasan setinggan berhampiran dengan Kampung Unggun.

Kementerian memanglah bercadang untuk membina sebuah balai polis di kawasan Inanam dan itu pun telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan...

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Penjelasan!

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, Yang Berhormat habiskan dahulu.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Pada ketika ini kementerian sedang mengadakan proses pengambilan tanah untuk tujuan projek tersebut. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian tidak mempunyai rancangan untuk membina balai polis di Sepanggar di kawasan setinggi berhampiran dengan Kampung Unggun. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sepanggar juga telah membangkitkan berkenaan dengan pemaju perumahan yang bersedia untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Sabak Bernam.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Sekejap, sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Bagi saya habiskan sekejap. Untuk membina sebuah pondok polis di kawasan Indah Permai di Menggatal.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat setakat ini kita belum terima lagi satu permohonan atau cadangan daripada pemaju berkenaan untuk membuat perumahan, untuk membuat pondok polis di kawasan tersebut.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin kembali kepada masalah salah guna dadah sebab ini sangat serius dan kritikal yang boleh bukan sahaja mengganggu tetapi menggagalkan perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan, kalau kita lihat teliti dari segi peruntukannya begitu banyak tetapi, kita harus ingat seorang anak kita yang rosak kerana masalah salah guna dadah 100 ribu untuk mengembalikannya balik kepada komuniti, bukan boleh kita jamin.

Oleh sebab itu kita harus sedar, saya bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Lipis bahawa tidak nampak Yang Berhormat satu perasaan bahaya hendak segera, *urgency* yang begitu jelas tidak ada. Tengoklah sekarang di mana di pejabat AADK ataupun jabatan polis ada tidak umpamanya pusat operasi perang ini musuh kita nombor satu negara. Sepatutnya di agensi antidadah begitu juga dengan di jabatan polis narkotik, ada pusat operasi perang yang menunjukkan data mengenai musuh kita pergerakan kita setiap hari.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Dan kita harus sedar dengan izin, dengan maaf, setiap hari dalam satu jam dua orang anak kita rakyat Malaysia ini terjebak dengan dadah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Timbalan Menteri saya merayulah dalam perkara ini supaya perhatian yang khusus dari segi memperkasakan agensi antidadah, memperkasakan jabatan polis ini disegerakan.

Dan satu aspek yang terakhir yang tidak disentuh oleh Timbalan Menteri ialah saya nampak ada satu bentuk persaingan yang tidak begitu sihat di antara AADK dengan Jabatan Narkotik, ini harus diselesaikan segera...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bangun]*

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat itu saya ambil perhatianlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini hendak ambil sekali dengan Jasin..., tidak ada?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang dikatakan oleh dua-dua rakan saya, saya rasa terpanggil Tuan Yang di-Pertua kerana saya pernah cerita di dalam Dewan ini keluarga saya, ahli saya, ahli keluarga saya, adik saya terlibat dengan dadah. Dan saya hendak balik kepada asal bagaimana yang disebut oleh Sabak Bernam, di Jasin kita tidak boleh tunggu ini semua. Di Jasin pengalaman saya, saya sendiri menubuhkan jawatankuasa ini saya sendiri panggil AADK, saya sendiri panggil anti narkotik dan kita buat malah kita buat bilik gerakan.

Dan sebenarnya apa yang disebut oleh Timbalan Menteri ini betul. Kalau masalah dadah ini kalau hendak harapkan kerajaan tidak boleh, kita ahli keluarga kena bersama-sama dan apa yang telah dipraktikkan di Parlimen Jasin, yang mana saya akan panggil Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk merasmikan, kita sudah jalan lebih setahun. Kita telah pergi rumah ke rumah ataupun di rumah-rumah bagi ceramah Tuan Yang di-Pertua, menyedarkan orang kampung tentang bahaya dadah, minta dia terlibat sama dan *alhamdulillah* mengikut laporan daripada AADK Parlimen Jasin kita hari ini 50% sudah menurun. Jadi kita tidak boleh harap pada ini, kita kena bersama-sama kalau hendak berjaya. Lebih-lebih lagi kena libatkan keluarga ini. Ini pengalaman saya bagaimana menangani masalah adik saya seorang penagih dadah.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Okey terima kasih Yang Berhormat jadi saya ucapkan terima kasihlah di atas usaha yang telah dijalankan oleh Yang Berhormat di peringkat Parlimen Jasin dan saya berharaplah parlimen-parlimen lain juga akan turut apa yang telah dibuat oleh Jasin dan *insya-Allah* saya sendiri akan turun ke parlimen-parlimen berkenaan dan selepas inilah.

Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan Yang Berhormat daripada Bintulu telah membangkitkan soal taraf balai polis. Projek menaikkan taraf Balai Polis Bintulu dengan menambahkan anggota polis dan juga kenderaan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pihak PDRM telah membekalkan enam buah kenderaan pacuan empat roda seperti yang dipohon untuk IPD Bintulu. Tindakan untuk menaikkan taraf Ibu Pejabat Polis Bintulu kepada Ibu Pejabat Polis Bahagian Bintulu Sarawak tidak boleh dibuat kerana sebutan bahagian hanya khusus kepada pentadbiran awam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Sepanggar juga telah meminta supaya ditambah keanggotaan polis di pekan Telipot. Untuk pengetahuan Yang Berhormat PDRM telah mengemukakan permohonan jawatan tambahan dan mengambil kira keperluan anggota di semua balai polis seluruh negara termasuklah pekan Telipot. Permohonan jawatan tambahan sedang dipertimbangkan oleh pihak agensi pusat.

Yang Berhormat Jasin telah mengesyorkan satu pasukan *secret service*.  
Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa dia?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** *Secret service*.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua pada masa kini kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan *secret service* di negara ini kerana kita mempunyai mekanisme yang cukup untuk melaksanakan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap permasalahan yang bangkit di dalam organisasi penguatkuasaan dan perisikan yang sedia untuk menjalankan tugas-tugas dengan berkesan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa anggota polis dan juga balai polis. Saya hendak tahu sedikit apakah dasar kerajaan sekarang ini mengenai kriteria untuk menambah anggota polis dalam sesuatu kawasan kerana saya dapati bahawa kerajaan sekarang ini terutama di kawasan-kawasan di mana kepadatan penduduknya tinggi tetapi jumlah anggota dan juga peralatan itu berkurangan. Sebagai contoh di kawasan saya Puchong, saya telah beberapa kali menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa satu, sebagai contoh di kawasan Puchong ini satu polis memberi nisbah lebih kurang satu polis untuk menjaga lebih kurang 3000 penduduk.

Di mana kalau kita mengikut standard ataupun piawaian daripada Interpol, kita ada satu nisbah di antara satu polis perlu menjaga lebih kurang 250 ataupun 500 penduduk. So saya hendak tahu apakah perancangan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ini untuk mengurangkan kadar jenayah khususnya di kawasan-kawasan di mana kepadatan penduduk adalah sangat-sangat tinggi seperti di kawasan bandar di Puchong.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya nisbah mengikut Interpol antarabangsa ialah, satu seorang polis kepada 250 orang penduduk. Di Malaysia ini kita mempunyai nisbah satu kepada 411 orang dan sekarang ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita cuba untuk mendapat satu orang polis kepada 320 orang penduduk. Dan walau bagaimanapun usaha ini memerlukan jangka masa yang panjang kerana kita melibatkan kewangan yang besar. Begitu jugalah dengan kelengkapan yang sebagaimana yang saya telah maklumkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam sesi yang lain berkenaan dengan keperluan seperti kereta ronda dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, perkara ini telah dimasukkan dan kita telah memohon di dalam bajet Rancangan Malaysia Kesembilan dan *insya-Allah* benda ini akan dapat diatasi daripada peringkat demi peringkat.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Penjelasan.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum [Kubang Pasu]:** Ya.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada bulan 12 yang lalu saya ke Ibu Pejabat Polis Pasir Mas Kelantan untuk buat satu *report*.

Ibu Pejabat Polis Pasir Mas, *report* terpaksa gunakan *type writer*. Itu bertaraf ibu pejabat polis daerah. Kemudian sebulan lalu saya buat *report* di Balai Polis Campbell, buat *report* juga dan malangnya ada komputer tetapi ketinggalan zaman. *Printer* yang digunakan dan jenis komputer yang digunakan itu maknanya awal 80-an lah, jadi maknanya amat menyedihkan. Jadi saya minta penjelasan di sini adakah kita memberikan bajet yang cukup supaya semua balai polis ini terutama di ibu kota ini yang kapasiti polis *report* nya adalah beratus-ratus satu hari dengan sistem komputer yang begitu ketinggalan zaman dan ada yang tidak ada komputer lagi saya mengharapkan supaya..., adakah Kementerian Dalam Negeri sedar perkara ini untuk membantu pasukan polis kita? Minta penjelasan.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya perkara ini memanglah sekarang ini kalau kita tengok bukan setakat di Pasir Mas, di mana-mana pun balai polis kita tengok masih menggunakan *type writer*. Jadi kalau kita tengok di Sarawak lebih mengecewakan tetapi walau bagaimanapun, usaha sedang dibuat oleh Kementerian PDRM dan juga Kementerian untuk mengatasi masalah ini dan InsyaAllah kita akan cuba untuk menyelesaikan perkara ini seberapa cepat yang mungkin.

Dan berkenaan dengan balai-balai polis, bukan sahaja di Kuala Lumpur, di kawasan saya sendiri pun kalau kita tengok sudah melebihi usia 30 tahun. Jadi sekarang ini dengan usaha kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk kita membangunkan semula IPD dan IPK saya rasa perkara ini akan dapat diselesaikan tetapi, bukanlah dalam masa yang terdekat tapi akan dapat dilaksanakan peringkat demi peringkat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Sabak Bernam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya nak balik kepada polis dan *population ratio*. Walaupun secara purata 1 kepada 400, ia bukan satu *ratio* yang tidak baik sangat. Di Jepun dia ada satu polis jaga 500 penduduknya tetapi yang masalahnya ialah di bandar-bandar besar seperti di Johor Bharu, di Petaling Jaya, di Georgetown, kadarnya adalah lebih besar lagi. Di mana ada indeks naik yang tinggi, satu polis dia jaga lebih ramai lagi penduduk. Boleh tak ia diselaraskan bahawa di mana bandar atau di tempat-tempat kawasan, ia mempunyai indeks jenayah yang tinggi, ia perlu dilihat, diberikan tenaga kerja atau anggota polis yang lebih ramai. Supaya dia proportional kepada indeks jenayah. Adakah ini ditimbang oleh Kementerian? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Memanglah penempatan anggota polis kita mengikut kawasan, mengikut daerah dan juga mengikut tempat yang berlaku jenayah. Umpamanya kalau di Kuala Lumpur kita mempunyai anggota yang lebih, begitu juga dengan kenderaan dan sebagainya. Berbanding dengan kawasan-kawasan pedalaman, kalau kita tengok di kampung-kampung, kita hanya ada dua orang anggota polis untuk menjaga satu kawasan yang lebih luas. Ini adalah bergantung kepada kesesuaian dan memanglah berkenaan dengan penempatan ini kita sentiasa mengambil berat tentang perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Timbalan Menteri, saya minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Sabak Bernam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya harap cadangan daripada Yang Berhormat Jasin ini tentang *secret service* ini dipandang dengan lebih serius, diambil dengan lebih serius. Ini satu hasrat untuk menambah baik perkhidmatan polis. Saya anggap ini sebagai perkhidmatan *special branch* dengan izin ataupun kongsi gelap polis dalam berkhidmat.

Saya ingat dalam dua minggu yang lepas, saya berjumpa dengan 11 orang mereka dalam pengawasan di kawasan saya. Jadi antara yang disebut oleh mereka ialah isu pengedaran dadah umpamanya, termasuk isu jenayah, isu penagihan. Ini sebenarnya berlaku dengan begitu berleluasa dan polis ini dalam uniform sangat jelas tetapi kalau ada mereka yang ada dalam bentuk yang saya sebut tadi tu, polis dalam pakaian biasa, mereka ini bukan sahaja boleh memantapkan penguatkuasaan tetapi boleh memberi maklumat, menyalurkan maklumat dengan lebih tepat. Apa pandangan Timbalan Menteri?

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Yang Berhormat, saya dah jawab tadi. Setakat hari ini kita belum lagi bercadang untuk menubuhkan kerana kita mempunyai penguatkuasaan yang cukup, kita mempunyai polis sendiri, kita mempunyai Biro Pengaduan Awam, kita mempunyai BPR dan sebagainya. Jadi buat ketika ini, kita belum lagi ke tahap untuk ke penubuhan-penubuhan *secret service* itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rasah mencadangkan mana-mana pegawai polis yang tidak berminat untuk menjalankan tugas hendaklah meletakkan jawatan. Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan biasa, mana-mana pegawai polis yang tidak lagi berminat untuk menjalankan tugas boleh melepaskan jawatan pada bila-bila masa namun dalam keadaan tertentu apabila pegawai atau anggota menunjukkan tanda mereka tidak lagi berminat untuk bekerja tetapi tidak meletakkan jawatan seperti tidak hadir tugas bagi tempoh masa yang tertentu tanpa kebenaran, pihak Jabatan akan mengambil tindakan tata tertib sehingga boleh dibuang kerja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rasah juga...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Tadi Yang Berhormat daripada Sabak Bernam, Jasin, mencadangkan mengenai *secret service* dan lain-lain. Bukankah semua ini menunjukkan bahawa tidak puas hati mengenai prestasi pasukan polis khususnya segelintir dalam polis yang mengenai perkhidmatan mereka, penyalahgunaan kuasa dan lain-lain. Dan yang menyebabkan bukan sahaja penubuhan *Royal Commissioning of Enquiry* tapi pencadangan IPCMC, apa kedudukan sekarang IPCMC? Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa IPCMC bukan untuk menjatuhkan nama baik atau moral pihak polis tapi sebaliknya penubuhannya akan mempertingkatkan kepercayaan, keyakinan orang ramai terhadap pasukan polis. Itu satu benda yang baik dan patut disegerakan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya nak betulkan apa yang disebut oleh Ketua Pembangkang tadi yang saya cadangkan *secret service* ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa? Tak boleh berdiri macam ini, mana boleh. Kalau macam itu pun, saya boleh berdiri.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Yang saya cadangkan untuk *secret service* ini bukan untuk polis sahaja tetapi lain-lain organisasi kena faham.

**Seorang Ahli:** Termasuk polislah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Timbalan Menteri sila jawab cepat sikit ya.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Yang Berhormat berkenaan dengan IPCMC saya akan datang kemudianlah. Tuan Yang di-Pertua, mana tadi dah, bercelaru.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rasah juga mencadangkan supaya menubuhkan pasukan khas setiap negeri untuk menyiasat kes-kes bunuh. Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia telah menubuhkan satu unit siasatan khas di semua peringkat negeri termasuk satu unit di Bukit Aman pada tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Ipoh Timor dan juga Kota Melaka telah membangkitkan berkenaan dengan pemakaian tudung oleh anggota polis wanita dalam PDRM. Tuan Yang di-Pertua, pemakaian tudung adalah untuk memastikan keseragaman ketika mengadakan perbarisan yang tertentu seperti tamat latihan, seperti perbarisan pada hari-hari tertentu dan ini adalah untuk tujuan orang kata *uniformity* di dalam PDRM.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, penjelasan. Kenapa untuk selama 49 tahun tak perlu keseragaman semacam itu dan sekarang perlu keseragaman dan tanpa sensitiviti kepada fikiran dan kepercayaan dan *lifestyle* semua rakyat di Malaysia dan sebuah negara yang berbilang *plural* majmuk. Bukankah perlu ini dikaji semula supaya oleh kerana kita sekarang menghadapi masalah rakyat bukan Melayu atau bukan Islam dalam pasukan polis. Langkah-langkah ini akan bukan sahaja tidak menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia bukan Islam menyertai, orang yang sudah masih dalam perkhidmatan akan dipaksa untuk berhenti perkhidmatan. Bukankah ini *counter productive* dan..., *counter productive* yang tidak baik untuk negara. Perlulah dan adakah ini akan dikaji semula?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sama dengan, topik yang sama ya. Saya nak tarikan kepada "*The police dress deregulation 1954*". Yang Punjabi dan Singh di dalam *police force*, dia selalunya digalakkan pakai pakaian *headgear* yang dia sendiri, kita pun tak kata nak *uniformity*. Mengapa sekarang nak *uniformity*, yang ini yang pertama.

Yang kedua, polis ialah satu profesion, ia seperti bomba dan juga seperti *fire fighter*. *Headgear* mereka itu datang dengan kerja mereka, mereka perlu melindungi *protection*. Jadi mereka perlukan *headgear* yang sesuai dengan tugas mereka. Jadi polis pun begitu juga.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Ya, faham. Yang Berhormat...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Jadi saya rasa itu perlu ada fleksibiliti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah!

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kalau itu boleh jadi satu uniform untuk alasannya, jadi nanti semua boleh cakup juga di sekolah, di universiti dia jadi sebahagian kepada uniform.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, menteri sudah faham.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Saya sudah faham.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Jadi saya harap ia boleh dikaji balik.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat, jadi berkenaan dengan perkara ini, sebenarnya sudah berkali-kali sudah dijawab oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri sendiri. Itu berkenaan dengan *uniformity* ini. Kalau kita lihat satu ketika, berkenaan - saya tertarik apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bukit Mertajam berkenaan Sikh. Sebab itu dalam PDRM kita tidak pernah suruh Sikh buang *turban* kerana kita menghormati agama dia dan untuk pengetahuan juga, satu ketika dahulu kita ada pancaragam polis. Ahli pancaragam yang melibatkan pemain pipe yang tiup itu selalunya Benggali atau orang Sikh tetapi, satu ketika apabila golongan Sikh tidak ada lagi, kadang-kadang ada orang Islam yang pakai *turban* untuk *uniformity* dan tidak ada seorang pun daripada mereka yang telah memeluk agama Sikh dan tidak ada masalah.

Begitu juga dengan kalau dalam PDRM berkenaan dengan tudung. Kita tidak paksa, ini hanya untuk perbarisan dan saya cakap hari kita tidak ada apa-apa masalah. Di kalangan anggota PDRM dan mereka tidak ada aduan di biro guaman dan pengaduan awam dan sebagainya. Hanya kes-kes ini dibangkitkan oleh segelintir masyarakat terutama sekali pembangkang untuk mendapat publisiti murah...

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, masalah pokok ialah kerana dasar itu dia telah pun mewajibkan. Sebenarnya dia membawa unsur paksaan kerana saya difahamkan dia itu pun diwajibkan dan saya rasa apabila kita membuat satu dasar, keseragaman itu iaitu *uniformity* bukan semata-mata satu kriteria untuk kita membuat satu dasar kerana saya rasa kita haruslah mengambil kira perasaan orang lain yang telah pun diwajibkan untuk...

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Okey, okey. Saya faham Yang Berhormat. Jadi saya rasa benda ini tidak menjadi isu. Sebenarnya kita dalam pasukan polis pun, kita dalam soal agama ini bebas. Umpamanya di PULAPOL di Jalan Semarak kita ada *Sikh Temple* dalam PULAPOL. Kita tidak ada masalah. Begitu juga di Sarawak kita ada gereja dalam kawasan PULAPOL. Jadi soal-soal perkara ini saya rasa kita tidak perlu bangkit kerana perkara-perkara kecil inilah yang selalunya menimbulkan sensitiviti masyarakat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Penjelasan Timbalan Menteri. Timbalan Menteri, saya hendak tanya, benda itu tidak paksa dan orang-orang yang ikut perbarisan itu pun dia seronok hendak pakai, dia pun tidak *complaint*. Yang *complain* puak-puak ini, betul tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat kerana setakat ini belum ada lagi ahli-ahli di kalangan PDRM sejak kita melaksanakan. Jadi dan mereka ini, perbarisan ini adalah pada hari tertentu sahaja, seperti tamat latihan. Selepas sahaja upacara berkenaan mereka ini boleh terus buang dan setakat ini kita tidak pernah mengambil tindakan atau memaksa anggota even kepada orang Islam untuk memakai tudung, tidak. Ini terpulang kepada mereka. Jadi ini adalah untuk semasa perbarisan tamat latihan, seperti hari kemerdekaan dan sebagainya. Saya rasa benda ini tidak payah kita hendak jawab banyak-banyaklah.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Penjelasan, penjelasan!

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat, boleh?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Penjelasan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih. Saya dahulu belas pelajar Maktab Tentera Diraja. Di Maktab Tentera Diraja adalah satu sekolah ada orang Melayu, ada orang Cina, ada orang India dan Benggali. Sekolah Asrama Penuh yang terbuka. Dalam kawat....

**Tuan Yang di-Pertua:** Benggali Sikh.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Sikh pun ramai. Saya punya kawan dahulu anak kepada Ajaib Singh bekas Hakim, nama Ajaib Singh. Masa kita kawad, masa tadah baca doa, sebahagian daripada kawad apabila tadah doa itu tangan macam ini, semua orang buat macam ini... [*Sambil menadahkan tangan seperti membaca doa*] Semua orang buat macam ini, Benggali kah, Sikh kah Cina kah tidak ada masalah pun. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan sekarang ini bekas pelajar Maktab Tentera Diraja. Dalam kawad dia buat macam ini juga. Tidak ada masalah pun, ianya bukan menyebabkan ia bertukar agama, itu adalah sebahagian daripada sistem kawad di Maktab Tentera Diraja dalam tentera. Begitu juga dengan polis, minta pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Banyak lagi perkara-perkara seperti ini berkenaan dengan angkat doa. Doa...

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** Yang Berhormat, saya pun seorang bekas anggota angkatan tentera. Selama 13 tahun saya berkhidmat dalam ATM Malaysia, saya rasa itu tidak ada masalah. Kalau boleh Yang Berhormat tidak payah jawab sudahlah... [*Tepuk*]

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Okey, terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tidak ada masalah.....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** ...Tudung, ini Yang Berhormat Batu Kawan maksudnya, ya kah? Yang Berhormat Batu Kawan tidak ada masalah dengan..., kalau bukan Muslim pun pakai, adakah itu maksudnya?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Mertajam membangkitkan rasuah...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, penjelasan terakhir.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, ya sila.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Cukuplah! *Enough* banyak lagi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sedikit-sedikit.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Saya rasa perkara ini....

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** Tidak payah jawablah, terus sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Yang Berhormat Batu Kawan kata tidak payah jawab, tetapi adakah dia mewakili semua rakyat Malaysia? Saya mahu tanya sedikit sahaja...

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Pembangkang pun bukan rakyat Malaysia.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Dia pun bukan wakil semua rakyat Malaysia.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*] [*Menyampuk*] [*Dewan riuh*]

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Kita dengar *complaint* dari tentera, kalau pegawai itu *complaint* itu, *yes*...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kami wakil.....

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*] [*Menyampuk*] [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk, sila duduk semua. Saya minta semua ahli Yang Berhormat duduk dan saya minta Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri supaya ubah kepada subjek yang lain... [*Dewan riuh*] Cepat sedikit Yang Berhormat.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Mertajam ada membangkitkan berkenaan dengan lencana anti rasuah yang dipakai oleh pihak polis. Sebenarnya ini adalah kempen yang dimulakan oleh PDRM sendiri untuk memerangi rasuah di kalangan anggotanya dan juga di kalangan masyarakat supaya tidak mempunyai rasuah kepada pihak polis dan daripada apa yang di lihat bahawa kempen ini amat berkesan sekali, daripada laporan yang terdapat kes-kes rasuah telah menurun di kalangan pihak polis.

Yang Berhormat Ipoh Barat...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan. Saya suka dengar bahawa ini kempen memakai rencana "Saya antirasuah". Ini amat berhasil tetapi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi statistik angka-angka yang boleh menyokong jawapan beliau. Bolehkah beri sebelum kempen ini dilancarkan, berapa kes rasuah dan selepas kempen ini, dia sudah turun berapa kes dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada orang kata, saya antirasuah kalau dia silap cakap sedikit, dia cakap "saya nanti-rasuah".

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Itu *you* yang cakap!

**Beberapa Ahli:** [*Bersorak*]

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Sebenarnya, Yang Berhormat Bukit Mertajam, saya tidak faham dahulu Yang Berhormat sudah bangkitkan soalan ini, soalan itu pun sudah dijawab dalam sesi soal jawab. Jadi berkenaan dengan jumlah statistik yang terlibat dengan rasuah di kalangan PDRM sudah dijawab dalam...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sebelum kempen itu dan selepas kempen itu supaya boleh menyokong jawapan...

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Okey...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** ...Timbalan Menteri bahawa dia berhasil.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Ya, memanglah. Sebenarnya sudah dijawab kepada Yang Berhormat suatu ketika dahulu, Yang Berhormat lupa.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bila?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Ini jawapan yang saya dapat.....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bila, jawapan itu bila?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Dan saya tengok bila saya tengok apabila saya bagi tahu tapi ini jawapan disediakan kepada Yang Berhormat tetapi...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bila?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** ...Ini jawapan yang disediakan...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bila?... *[Ketawa]* Saya tidak dapat jawapan itu.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Ada, tetapi..

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bila itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan!

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Walau bagaimanapun....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, penjelasan!

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Duduk, duduk. Saya hendak jawab dahulu. Boleh saya jawab? Duduk, duduk!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Nanti akan bagi.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Duduk, duduk! Tahun 2005, pegawai polis yang terlibat dengan rasuah adalah seramai sembilan orang. Anggota 46 orang, selepas kempen kita lancarkan. Jumlahnya ialah 55 orang. Seramai 55 orang iaitu dari segi peratusan polis ialah hanya 0.06% sahaja yang terlibat dengan rasuah daripada 89,000 polis. Bagi tahun ini, tahun 2006 yang saya ada statistik iaitu daripada Januari ke Februari, pegawai polis hanya seorang dan anggota baru dua orang. Jadi maknanya ini sudah berlaku satu perubahan yang jelas...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh Timor, boleh?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan ya? Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh...

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, boleh? Bukan jawab, saya minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tangkap masalah pokok mengenai masalah rasuah.

Semalam, saya berterima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri ada beri maklum balas bagi isu tambahan mengenai korupsi di mana beliau kata bahawa masalah rasuah di kalangan pegawai dan anggota PDRM hanyalah merupakan sebahagian kecil isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia dan masalah rasuah boleh dikatakan wujud di mana-mana sama ada di sektor awam ataupun swasta.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) mempengerusikan Mesyuarat]*

Namun, pihak media massa telah memainkan isu rasuah ini dengan menjadikan ia satu berita sensasi dan gagal melihat Laporan Suruhanjaya Diraja dengan menyeluruh. Bukankah ini salah tangkap oleh kerana siapa membaca Laporan Suruhanjaya Diraja akan faham rasuah ialah antara satu daripada tiga isu yang pokok dan tujuan ialah supaya mengadakan satu *professional human rights sensitive* dan *incorruptible police service*. Ini adalah antara satu daripada tiga isu yang pokok dan bukan masalah yang kecil. Kenapa boleh tangkap bahawa rasuah dalam kalangan polis itu *a small matter* dan apabila Laporan Suruhanjaya Diraja kata ini satu *big matter, big issue*, bukankah ini nampaknya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Pihak polis atau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak faham apa yang di dalam Laporan Suruhanjaya Diraja.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat, duduklah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mungkinkah Yang Berhormat tidak faham apa yang dalam ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jangan berucap, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya. Saya tanya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah...

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Baca Laporan Suruhanjaya Diraja sepenuhnya..., adakah tidak, *have you read the report?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Have you read the report?*

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Atau belum *read the report?*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Laporan Suruhanjaya Diraja, bukan semua betul.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat, ini adalah laporan. Laporan daripada statistik yang pegawai-pegawai polis yang terlibat dengan rasuah. Ini *based on this*. Kalau kita tengok tahun 2003, daripada jumlah 85 orang daripada 86,000 polis, *it is only 0.10%*. Pada tahun 2004, kita ada 78 orang. Daripada jumlah anggota polis seramai 87,000, iaitu 0.9%. *It is a very small...* Satu jumlah yang kecil.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya. Siapa percaya kalau kata ACA yang bebas bukan angka itu?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** DAP bila hendak percaya dengan kerajaan?

**Seorang Ahli:** Soal tidak percaya, soal lain. Soalnya statistik ada...  
[Dewan riuh]

**Beberapa Ahli:** [Bangun] [Menyampuk] [Dewan riuh]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Apa, duduklah! *Old story* lah.

**Seorang Ahli:** Alah, DAP pun rasuah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** ukuplah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Hoi, duduklah! Surat akhbar lamalah weh!

**Beberapa Ahli:** Surat khabar lama!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat...

**Seorang Ahli:** Surat khabar lama punya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Surat khabar lama, duduklah.

**Seorang Ahli:** Sendiri mahu ingatlah, lagi mahu tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila. Timbalan Menteri....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor, sila duduk, ya.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Prorasuah, dia prorasuah!

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Sendiri mahu ingatlah. Lagi mahu tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Timbalan Menteri, sila gulung.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Arghh, Perdana Menteri!

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Haiya!

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat, saya bercakap ini bukan bercakap kosong. *This is the* fakta.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Jadi, *you*...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kenapa Malaysia tidak..., internasional...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah!

**Seorang Ahli:** Ehh, cerita lamalah... *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Alah, cerita lamalah!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah! Ya, habiskan.

**Beberapa Ahli:** *[Membuat bising] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, cukuplah!

**Seorang Ahli:** DAP ingat dia itu bagus sangatlah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, ya. Ipoh Timor. Timbalan Menteri, sila habiskan jawapan.

**Seorang Ahli:** Apalah!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ada baca, ada baca..., mengaku?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Mengaku?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Setiap laporan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tidak pernah baca?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, ya.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ya.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Saya minta boleh saya hendak teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskan jawapan Yang Berhormat.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Saya minta boleh saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan. Habiskan jawapan Yang Berhormat.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Kalau tidak, saya hendak berhenti.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** DAP sendiri mahu ingatlah. Lagi mahu tanyakah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Masih berdiri] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** *You* mahu jawapan lagikah? Kalau tidak, saya berhenti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habiskan jawapanlah Yang Berhormat, ya.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Menteri jangan layan, teruskan.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan satu lagi isu iaitu berkenaan kebebasan akhbar. Yang Berhormat Bukit Mertajam tanya berkenaan dengan lesen, *Oriental Daily*. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, lesennya telah diluluskan pada 7 April yang lepas...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sangat terima kasih!

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Ya. Awat, *you* punya surat khabarkah?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tahun inikah? Tahun ini atau tahun lepas?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Tahun 2006.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Barukah, barukah?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Ya, barulah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Baru ya?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terlupa memperbaharainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, ini bukan soal jawab macam itu, ya.

**Seorang Ahli:** Surat khabar lamakah?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat Bukit Bintang dan Yang Berhormat Bukit Mertajam ada membangkitkan soal IPCMC. Soal IPCMC saya sudah sebut dah, saya sudah jawab ketika menggulung yang lepas, iaitu sekarang ini di peringkat Jabatan Peguam Negara sedang membuat kajian dan selepas kajian ini barulah kita akan mengumumkannya. Jadi bersabarlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habis Yang Berhormat?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiu mengesyorkan KKDN mewujudkan jawatan Setiausaha Parlimen di kementerian ini. Jadi ini adalah prerogatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan terpulanglah kepada beliau untuk menjadi tentang perkara ini. Saya sekali lagilah bagi pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *Freedom of Information Act* belum jawab lagi. *Freedom of Information Act and then, the Printing, Presses and Publication Act and OSA*.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Itu sudah dijawab dalam soalan bertulis pada *you, last year*.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tidak ada, tidak ada! *Last year* dan sekarang. Dahulu sudah lain, sekarang sudah lain.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Sudah dijawab. Itu sudah dijawab.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** [*Menyampuk*]

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kalau begitu tidak payah ada ini, sesi ini. Dahulu Yang Berhormat bukan Timbalan Menteri.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Yalah. Dahulu saya Timbalan Menteri, lain Timbalan Menteri, sama juga. *The same government*.

**Seorang Ahli:** Kerajaan samalah, dahulu sekarang.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kalau begitu kita semua tidak payah hadir Parlimen. Tahun lalu pun sudah ada Parlimen, tahun ini ada lagi.

**Seorang Ahli:** Kerajaan samalah, dahulu sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, penjelasan... [*Dewan riuh*]

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Sekali lagi saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memberi...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Alah, cukuplah! Apa hendak penjelasan lagi? Surat khabar lama, duduk!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terakhir!

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** ...Cadangan, dan apa-apa yang cadangan yang dibuat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan... [*Dewan riuh*]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dia bertanya mengenai isu itu, *press freedom*.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, *press freedom*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Okey. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bos beliau Tun Dr. Mahathir. Bila bos beliau kata mana ada *press freedom*? Mana ada *press freedom*, jawab.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Betul, betul!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dahulu ada *press freedom* mungkin. Sekarang mana ada *freedom*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Surat khabar lama, duduklah, sudah habis.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tidak boleh macam ini.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sudah habis duduklah. Baliklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sekarang saya jemput Kementerian Pertahanan menjawab.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya. *You cannot hide, you cannot run.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup. Kementerian Pertahanan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tidak boleh larilah, tidak boleh lari. Berhenti jadi Timbalan Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sini perlu itu *training* kah? Tengok sini dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

### 3.40 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Pertahanan.

Ada dua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat Sepanggar dan Yang Berhormat Kuala Lipis. Sepanggar yang telah mencadangkan supaya Kementerian Pertahanan mempercepat pembinaan bekalan TLDM di Sepanggar bagi meyakinkan rakyat serta menjamin keselamatan perairan Sabah. Pembinaan Pangkalan TLDM di Sepanggar ini sebenarnya telah menjawab persoalan yang Yang Berhormat timbulkan bukan sahaja hendak meyakinkan rakyat tetapi hendak mempertahankan rakyat dan negara dan dengan itu Sabah dan seluruh Malaysia akan dapat sistem pertahanan yang lebih baik.

Saya ingin maklumkan projek berkenaan pangkalan tentera laut di Teluk Sepanggar telah mencapai kemajuan sebanyak 96% kecuali pembangunan di pangkalan. Keseluruhan pembangunan di pangkalan telah siap sepenuhnya kecuali pembinaan jalan masuk yang sedang dilaksanakan, yang jauhnya lebih kurang 3 kilometer. Pihak kementerian telah memutuskan untuk menjalankan proses perpindahan dan memasuki pangkalan perkara-perkara yang terlibat secara berperingkat mulai bulan Jun 2006 hingga 31 Julai 2006. Lanjutan daripada itu, seterusnya pangkalan ini akan beroperasi sepenuhnya mulai 15 Ogos tahun 2005.

Ahli Yang Berhormat Lipis telah membangkitkan tentang penyertaan peserta-peserta lepasan SPM ke PLKN walaupun tentang berat badan mereka yang telah dinyatakan. Saya ingin maklumkan kepada Dewan ini pengambilan masuk peserta PLKN adalah secara rambang berasaskan kepada tahun kelahiran mereka. Sekiranya berat badan dan sebagainya didapati disahkan oleh doktor ianya tidak disokong untuk beliau menyertai, kita juga membantu supaya keadaan kesihatan peserta ini diambil perhatian oleh bahagian kesihatan. Sekiranya keseluruhan kesihatannya baik dan dalam proses latihan yang dijalankan di PLKN, peserta-peserta yang dipilih ini akan diberi proses dan perjalanan penyertaan dalam kursus yang telah disebutkan tadi.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Lipis bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sini saya sebenarnya hendak mencadangkan supaya satu kem sahaja di peruntukan untuk semua pelajar lepasan SPM yang melebihi berat badan, berat badan (*obese*), kita panggil. Dengan cara ini bermakna dalam program itu bukan sahaja pihak kementerian dapat membantu pelajar-pelajar ini dari segi disiplin dan sebagainya tetapi juga dapat mungkin mengajar mereka menjadi seorang rakyat yang sihat dan dapat menurunkan berat badan mereka pada masa yang sama dan akhirnya apabila mereka keluar, mereka akan menjadi budaya mereka untuk menurunkan berat badan. Ini kerana rasa saya masalah berat badan yang tinggi, ini memang menjadi satu masalah di Malaysia terutama di kalangan generasi muda. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sehingga hari ini kita belum ada membuat satu pendekatan untuk menetapkan ataupun menempatkan peserta-peserta yang agak berat badannya berlebihan tetapi dalam latihan PLKN dari segi jasmani dan rohani, kita percaya bahawa apabila kita mendapat kelulusan dan nasihat daripada doktor peserta-peserta yang telah kita lihat mungkin memudaratkan kesihatannya, kita rujuk kepada akar kesihatan ataupun *medical* yang berkenaan dan sekiranya ianya boleh menjejaskan seperti saya katakan tadi, kita akan rujuk kepada Kementerian Kesihatan dan membantu anak yang berkenaan supaya kesihatannya pulih dan kita akan membawa peserta ini semula ke dalam latihan PLKN pada fasa-fasa yang berikut.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Insya-Allah, kebanyakan daripada pelatih-pelatih yang kita bawa masuk kesihatannya baik dan semangatnya pun baik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingat isu yang lebih utama daripada mereka yang berat badan ini ialah mereka yang sebenarnya berminat untuk masuk ke Program Latihan Khidmat Negara, Timbalan Menteri. Program Latihan Khidmat Negara ini kita tahu bahawa ia bukan sahaja boleh membina jati diri, patriotisme malah kepimpinan. Kita difahamkan ramai yang tidak mahu masuk atas sebab-sebab tertentu, boleh atau tidak tempat mereka ini diganti oleh mereka yang berminat untuk masuk ke tempat-tempat itu sebagai ganti kepada mereka yang tidak mahu.

Mungkin mereka yang tidak mahu ini kita boleh ambil kemudian tetapi yang lebih penting dalam konteks belia ini kita boleh latih mereka dalam konteks kepimpinan setelah latihan daripada Program Latihan Khidmat Negara. Apa pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Pandangan itu baik tetapi apabila kita membuat pemilihan, mengikut tahun kelahiran mereka, kita tidak tahu bahawa peserta ini berat badannya berlebihan, susuk badannya cantik tegang, hatinya hitam, hanya apabila mereka telah disempurnakan dalam skim pemilihan, semua kriteria-kriteria ini telah kita sekalikan.

Dan sistem latihan kita dan pendekatan jati diri dan semangat patriotisme serta tanggungjawab kepada diri, kawan, keluarga dan masyarakat ini diserapkan sekali selama tiga bulan. Mana-mana mereka yang gagal untuk hadir atas perkara-perkara yang tertentu, mereka juga akan ditawarkan dalam siri yang berikut seperti yang telah saya katakan tadi dan Insya-Allah, mana-mana yang berminat pada kali ini, keluarga mereka telah menulis kepada kita, kepada kementerian, Program Latihan Khidmat Negara sendiri untuk membawa anak mereka mengikuti kursus Program Latihan Khidmat Negara ini lebih awal. Saya dan yang Yang Amat Berhormat Dato' Kementerian Pertahanan dan pegawai-pegawai kita menerima saranan dan usaha niat baik ini dan kebanyakannya kita timbangkan dan pada akhir siri dan pada tahun yang berkenaan umpamanya, pada siri yang ketiga nanti, mana-mana yang tertinggal ini kita jemput semula bagi mencukupi bilangan tempat yang ada di kementerian-kementerian Program Latihan Khidmat Negara yang ada dalam negara kita.

Pandangan Yang Berhormat itu saya akan kemukakan kepada ahli lembaga untuk pertimbangkan dan sekiranya sistem kita boleh menempatkan perkara ini kita akan melihat bagaimana penilaian dan pertimbangan mereka untuk kita praktiskan pada masa yang akan datang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat. Sudah habis, Yang Berhormat?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Sudah habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Okey, sekarang saya jemput Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**3.48 ptg.**

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakam ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Serdang, pembinaan balai bomba adalah berasas kepada kriteria seperti jumlah penduduk indikator, risiko kebakaran, keluasan kawasan jagaan, faktor keadaan geografi dan keperluan strategi. Semasa kajian di peringkat awal Rancangan Malaysia Kelapan didapati pembinaan balai bomba di Bandar Tun Hussain Onn masih belum kritikal. Walau bagaimanapun, berdasarkan pada keperluan semasa jabatan bomba dan penyelamat telah merancang untuk membina balai bomba tersebut di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Anggaran kos pembinaan balai bomba dan kuarters kakitangan adalah sebanyak RM12 juta.

Pada masa ini, kawasan tersebut mendapat perlindungan kebakaran dari Balai Bomba dan Penyelamat Taman Segar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terletak lebih kurang 5 kilometer dan Balai Bomba dan Penyelamat Kajang yang terletak lebih kurang 10 kilometer dari Bandar Tun Hussain Onn. Mengenai sasaran Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang supaya diperbanyakkan pembinaan rumah kos rendah di bandar raya, sukacitanya dimaklumkan bahawa di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan...

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan berkenaan dengan bomba.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bagan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** ...Kerajaan telah mensasarkan pembinaan sebanyak 34,000 unit rumah di bawah program BPR di seluruh Lembah Klang terutamanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi penempatan semula setingan. Sila.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ada membangkitkan bahawa pili bomba-pili bomba telah dicuri dan dirosakkan oleh pencuri-pencuri demi untuk *iron* dan tembaganya dan sekitaran tempat saya, boleh dikatakan semua pili bomba, dua-dua tangan sudah hilang. Dua-dua tangan pili bomba sudah hilang sudah hilang. Sekiranya berlaku kebakaran, apa macam hendak dapat air untuk memadam api. Jadi, saya berharap Yang Berhormat boleh mengarahkan pegawai-pegawai berkenaan supaya memberi satu laporan kepada kementerian dan kementerian patut menghulurkan peruntukan supaya semua pili bomba yang rosak atau dicuri boleh diperbaiki dengan segera. Sekian.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya, Yang Berhormat, perkara yang dibangkitkan ini akan diambil perhatian. Memang pili-pili bomba adalah penting di semua kawasan.

Dari jumlah tersebut yang saya sebut tadi mengenai PPR, 16,122 unit telah siap dan diserahkan untuk diuruskan oleh pihak DBKL dan sebanyak 17,352 unit lagi masih dalam pembinaan. Sasaran rumah kos rendah di bawah RMK-9 ialah sebanyak 165,400 unit. Agensi kerajaan dan sektor swasta akan terus memainkan peranan bagi menyediakan rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

DBKL juga turut mempunyai program pembinaan rumah-rumah kos rendah bagi menampung keperluan perumahan golongan pendapatan rendah di seluruh Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sepanggar, berdasarkan sumber dari Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah...

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Bukit Bintang, sila.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang Yang Berhormat Menteri ada menyatakan rumah kos rendah yang dibina oleh swasta, angka yang saya difahamkan hanya 80,400 unit sahaja berbanding dengan kajian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ada 709,000 unit. Ini satu angka yang dibina kepada swasta tidak mencukupi. Saya rasa untuk memastikan rumah kos rendah mencukupi peranan swasta haruslah diberi, lebih unit akan dibina untuk keperluan di negara kita.

Saya difahamkan di Kuala Lumpur ada ramai orang tidak dapat rumah PPR berbanding dengan di kawasan luar bandar. Seharusnya satu tindakan akan diambil oleh kementerian untuk memastikan swasta memainkan satu peranan yang cukup penting untuk setiap rakyat di ibu kota kita boleh mendapat rumah PPR. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kalau kita tengok angka di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, nampaknya ia tidak begitu tinggi tetapi, jangan lupa juga ada banyak rumah-rumah kos rendah *in pipe line*, dengan izin, ia sudah dalam proses dibina. Kementerian saya sedang meneliti angka ini dengan MAPEX di bawah Kementerian Kewangan untuk meneliti butirannya yang biasanya terdapat *mismatch* dari segi lokasi.

Kalau kita minta banyak dibina rumah kos rendah di tempat yang tidak sesuai maka ia akan jadi *overhang* ataupun bekalan lebih daripada permintaan. Walau bagaimanapun, peranan kerajaan dan peranan swasta tetap akan diberi perhatian supaya kita sama-sama menjayakan. Bagi golongan yang berpendapatan rendah supaya boleh memiliki rumah kos rendah ataupun dengan cara melalui PPR ataupun PPR mesra atau bersepadu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut sumber dari Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, sehingga Mac 2005 terdapat sebanyak sejumlah 149,128 penduduk setinggan di negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut 92,385 orang merupakan setinggan kawasan darat dan 56,743 orang adalah setinggan laut. Penempatan setinggan di negeri Sabah lebih tertumpu di bandar-bandar utama seperti Kota Kinabalu, Sandakan, Semporna, Lahat Datu dan Tawau.

Penempatan semula setinggan laut di bandar-bandar tersebut diberi keutamaan oleh kerajaan negeri, memandangkan ia menimbulkan masalah pencemaran kepada alam sekitar. Bagi mengatasi masalah setinggan di Sabah, kerajaan telah meluluskan pembinaan sejumlah 11,006 unit rumah di bawah program perumahan rakyat di bawah RMK-8, sejumlah 2,457 unit telah siap dibina, bakinya sejumlah 8,549 akan diteruskan pembinaannya dalam RMK-9 sebagai projek sambungan.

Sasaran pembinaan rumah di bawah program perumahan rakyat setinggan akhir Rancangan Malaysia Kesembilan ialah jumlah 20,000 unit. Pihak kementerian akan terus memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi mengatasi masalah setinggan di negeri tersebut di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Belud, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan meneruskan pelaksanaan program perumahan rakyat di negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah.

Di samping itu, agensi-agensi lain seperti Syarikat Perumahan Negara Berhad, Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Sabah serta pihak swasta akan turut memainkan peranan bagi menyediakan rumah kos rendah yang mencukupi untuk dijual kepada golongan berpendapatan rendah.

Dari segi pengagihan rumah kos rendah sama ada untuk sewa atau dibeli, ia akan diuruskan oleh kerajaan negeri di mana rumah untuk disewa akan diberi keutamaan kepada penduduk setinggan. Manakala, pemilikan dan pengagihan rumah kos rendah untuk dijual adalah dibuat melalui sistem pendaftaran terbuka berkomputer yang dipakai secara seragam oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Mengenai saranan Yang Berhormat Rantau Panjang supaya negeri Kelantan diberi peruntukan untuk pembinaan rumah kos rendah, ingin dimaklumkan bahawa pada masa ini pihak kementerian masih dalam proses kajian dan penelitian untuk mengagihkan sasaran pembinaan rumah kos rendah, program perumahan rakyat mengikut negeri di bawah RMK-9.

Bagi maksud tersebut, pihak kementerian akan memberi keutamaan kepada pelaksanaan program perumahan rakyat untuk disewa di kawasan bandar-bandar besar yang masih mempunyai masalah setinggan. Faktor lain yang akan diambil kira ialah kesesuaian tapak yang dicadangkan oleh kerajaan negeri iaitu tidak melibatkan sebarang halangan, dan melibatkan kos yang tinggi.

Manakala pelaksanaan PPR dimiliki, akan tertumpu kepada kawasan yang tiada sambutan oleh pihak swasta atau agensi kerajaan yang lain. Walau bagaimanapun, perancangan pelaksanaan PPR ini adalah tertakluk kepada dasar yang diputuskan oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Di samping itu Syarikat Perumahan Negara Berhad akan turut memainkan peranan untuk membina rumah kos rendah dalam RMK-9.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bagan, selain dari sektor swasta, Kerajaan Persekutuan juga turut memainkan peranan untuk membina rumah kos rendah di Pulau Pinang, di bawah RMK-8 melalui Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), 864 unit dan Program Perumahan Rakyat (PPR), 698 unit. Di samping itu, pihak kementerian turut menggalakkan agensi-agensi kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk membina rumah kos rendah bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah.

Berhubung dengan cadangan supaya pemaju menyumbang dana kepada tabung khas bagi membolehkan kerajaan membina rumah kos rendah di kawasan yang strategik, ia dalam kajian pihak kementerian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sri Aman, pihak kementerian tidak mempunyai peruntukan atau program khas bagi pembinaan rumah-rumah panjang di Sarawak.

Peruntukan yang disediakan kepada kementerian adalah untuk pembinaan rumah di bawah Program Rumah Rakyat sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat dari Titiwangsa, dalam pelaksanaan Program Rumah Rakyat ia telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas berdasarkan piawai dan standard yang ditetapkan dalam Fasa II 1998 iaitu Standard Perumahan Kebangsaan bagi perumahan kos rendah dan rumah pangsa serta keperluan perancangan dan undang-undang pembangunan yang berkaitan. Antara kemudahan asas yang disediakan adalah seperti tempat letak kereta, dewan serba guna, surau, tadika, gerai dan taman permainan atau kawasan rekreasi serta kawasan lapang termasuk unit-unit rumah untuk orang kurang upaya. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan kecil PPR yang tidak disediakan kemudahan kawasan rekreasi seperti padang bola dan dewan serba guna. Ini adalah kerana kawasan pembinaan PPR yang terhad atau kecil saiznya terutamanya di bandar raya seperti Kuala Lumpur serta ada juga yang telah mengambil kira faktor kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur yang sedia ada di kawasan yang berkenaan.

Mengenai pembinaan pagar bagi projek PPR secara umumnya konsep pembangunan PPR adalah secara terbuka dan tidak berpagar kecuali bagi projek yang terletak di kawasan berisiko tinggi seperti berhampiran landasan kereta api, sungai, jalan raya utama dan sebagainya. Berhubung cadangan pembinaan tempat letak kereta bertingkat di kawasan PPR ianya memerlukan kos pembinaan dan penyelenggaraan yang tinggi sedangkan sewa yang dikenakan bagi rumah PPR hanyalah RM124 sebulan.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Bagan, pihak kementerian memandang serius akan masalah projek-projek perumahan terbengkalai akan bertindak sebagai mediator dan fasilitator ke atas pihak-pihak yang terlibat iaitu pembeli-pembeli, pemaju, bank pembiaya dan pihak penyelamat bagi mencari jalan ke arah pemulihan tersebut. Pihak kementerian akan menasihati pembeli-pembeli yang membuat aduan supaya menubuhkan jawatankuasa untuk memudahkan mereka berhubung dengan pihak-pihak yang lain. Dari segi pembayaran ganti rugi pihak pembeli boleh membuat tuntutan melalui Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah di atas kelewatan siap rumah oleh pemaju perumahan yang berlesen di bawah Akta 118.

Walau bagaimanapun, tuntutan pampasan melibatkan kontraktor atau subkontraktor kepada pemaju perumahan tersebut tidak boleh di bawa ke PBR untuk pendengaran. Begitu juga projek-projek kerajaan adalah di luar bidang kuasa TTPR.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Selangor.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan banyak juga didapati projek perumahan terbengkalai di seluruh negara termasuk di Kuala Selangor hari ini terdapat tiga buah projek.

Baru-baru ini, Kementerian Perumahan, saya mengucapkan terima kasih kepada Dr. Subramaniam, Setiausaha Parlimen bagi pihak Menteri turun padang untuk membantu saya menyelesaikan masalah projek perumahan terbengkalai di Taman Cahaya Dua. Apa yang saya nampak kesilapan atau kelemahan bukan sahaja terletak kepada pemaju tetapi saya nampak kelemahan ini berpunca daripada bahagian pemantauan dan penguatkuasaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu sendiri. Kenapa saya katakan demikian? Ambil contoh yang saya sebut terbengkalai, selepas lima tahun tidak ada tindakan sehingga lesen pemaju mati, lesen iklan mati dan tidak ada *audited account* yang dikemukakan kepada Kementerian Perumahan sedangkan Akta Pemaju Perumahan 1976 sudah memberi kuasa yang cukup kepada pegawai pengawal dan juga kepada Yang Berhormat sendiri untuk mengambil tindakan ke atas pemaju. Saya lihat di atas kelambatan, mungkin terlalu banyak kerja yang perlu dipikul oleh pegawai yang berkenaan ataupun kita kurang serius, kurang prihatin untuk menangani masalah rumah terbengkalai ini. Kita harap perkara ini dapat diatasi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Terima kasih kepada Yang Berhormat tentang pandangan dan kritikan yang dapat beliau sampaikan berdasarkan kes dalam kawasanya. Sebenarnya terdapat sistem pemantauan yang menjadi masalah ialah pemaju yang terlibat mereka ini tidak memberi maklumat yang awal dan tidak memberi kerjasama yang sepatutnya. Apa yang telah dilakukan, saya telah memberi tugas kepada anggota-anggota pentadbiran terutamanya dua tahun kebelakangan ini di mana Timbalan-Timbalan Menteri saya dan Setiausaha Parlimen saya telah diberi zon untuk mereka bantu menjaga. Kalau ada apa-apa masalah mereka kena bertindak dengan pantas dan bahagian penguatkuasaan dan pengawasan juga telah pun diarah supaya mereka pun kena perkemaskan lagi sistem pengawasan termasuk sistem pengkomputeran mereka itu sentiasa cukup berkesan dan mereka mesti dengan cepat membaca dan menyemak borang-borang 7F dan juga kedudukan kewangan dengan cepat. Memang saya sendiri pada satu ketika tidak puas hati tentang betapa cekap dan cepatnya sesuatu masalah itu dikesan dan sekarang telah pun usaha yang gigih diadakan. Buat masa ini saya nampak sudah ada penambah baikkan.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak kembali kepada Tribunal Tuntutan yang telah diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Saya memang mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana satu Tribunal yang mana memberi ruang dan peluang kepada semua pembeli rumah untuk menuntut segala pampasan yang sepatutnya dituntut.

Satu lagi masalah sekarang ini, saya pun tahu jawapan daripada Timbalan Menteri dari kementerian pun dia beritahu bahawa kadar penyelesaiannya agak tinggi iaitu agak berkesan tetapi, masalah sekarang ini ialah walaupun kes sudah selesai tetapi bayaran pampasan itu tidak diberikan oleh pemaju-pemaju tertentu kepada pembeli-pembeli rumah. Ini telah menimbulkan masalah di bawah akar umbi. Saya hendak tanya sikit, apakah *follow-up action*, dengan izin, yang akan dibuat oleh kementerian supaya kes-kes yang telah selesai yang telah memberi satu perjanjian di antara pembeli dengan pemaju dapat diselesaikan di mana pemaju itu memberikan apa yang telah dituntut oleh ataupun yang telah dipersetujui antara dua pihak ini. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, apabila TPPR ataupun Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah telah buat keputusan dalam menentukan *award*, pemaju mesti akur. Kalau pemaju tidak bayar memang sebahagian kecil dari segi peratusan ada sebahagian kecil pemaju katakan lebih 13,000 kes yang telah selesai, daripada kes itu mungkin kira-kira dalam beberapa ratus kes belum selesai dan itu pun ia pun belum habis cerita. Sebenarnya dia sudah masuk ke tindakan fasa kedua iaitu bahagian pendakwa kementerian telah pun sediakan beberapa ratus kertas untuk mendakwa mereka. Dan kita tahu apabila kita bawa ke Mahkamah dia ambil masa dan kita tunggu masa juga daripada Mahkamah untuk bicara. Apabila dakwaan itu dilakukan apabila Mahkamah menjatuhkan keputusan bahawa mereka ingkar *award* Tribunal ini adalah satu *criminal offence*. Sudah beberapa ratus kes, kita tengah tunggu lama. Bukan kita buat diam tidak peduli.

Sebenarnya saya rasa pemaju pun tengah tunggu apa jadi. Bila kes-kes yang akan dihukum oleh Mahkamah saya berharap Mahkamah bagi hukuman berat kalau boleh saya harap penjarakan mereka barulah semua pemaju yang lain nampak ini adalah satu "*deterrent*" yang serius dan mereka tidak akan mengabaikan ataupun memandang ringan tentang keputusan Tribunal. Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kementerian tidak melepaskan mana-mana pemaju yang ingkar *award* DGPR pada hal dalam masa ini, satu atau dua tahun ini memang banyak kertas dakwaan telah disediakan dan tunggu sahaja bicara dan Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tebrau dan Papar supaya menggunakan *incinerator* bagi melupuskan sisa pepejal disegerakan. Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan telah menyediakan pelan strategik pengurusan sisa pepejal kebangsaan sebagai rujukan dalam melaksanakan program dan projek sisa pepejal secara sepadu di seluruh negara.

Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang agak besar di bawah Rancangan Malaysia Kelapan bagi melaksanakan berbagai-bagai projek berkaitan pengurusan sisa pepejal. Peruntukan yang disediakan adalah bertujuan untuk membantu pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi melaksanakan projek-projek menaik taraf tapak pelupusan sampah sedia ada, membina tapak pelupusan sampah yang baru, pembinaan stesen pemindahan dan loji rawatan *incinerator* agar sistem pelupusan sampah yang diamalkan di negara kita tidak mencemarkan alam sekitar pada masa akan datang.

Bagi menentukan teknologi yang akan digunakan untuk pelupusan sisa pepejal ianya tertakluk pada hierarki sisa pepejal, aspek ekonomi, kesesuaian teknologi, lokasi kemudahan tersebut serta kesan kepada alam sekitar. Dalam hal ini kerajaan adalah terbuka kepada pelbagai jenis teknologi bagi pelupusan sisa pepejal termasuk penggunaan *incinerator*.

Walau bagaimanapun, kajian terperinci perlu dibuat terlebih dahulu bagi memastikan teknologi yang akan diguna adalah berkesan dan bersesuaian untuk digunakan di negara kita. Mengenai cadangan pembinaan *incinerator* di Sabah, pada masa ini kerajaan negeri sedang mengkaji kaedah pengurusan sisa pepejal yang sesuai diguna pakai di negeri tersebut termasuklah penggunaan *incinerator*.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor peruntukan pembangunan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan, *incinerator*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Yang Berhormat, Menteri tak bagi lagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Berkaitan dengan *incinerator*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Ya, boleh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Berkaitan, berkaitan. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya nak tanya yang dua hari yang lepas yang Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pernah melawat RDF itu sistem RDF di Semenyih, di Ulu Semenyih.

Jadi, saya nak tanya kenapakah kerajaan kementerian Yang Berhormat nampaknya begitu berminat untuk membina lebih *incinerator* tetapi bukan macam RDF ini yang mementingkan *recycle*. Yang RDF ini dia juga akhirnya dia juga kena bakar sampah saraf tetapi ia melalui proses *recycle*. Dengan boleh mengurangkan *dioxin* dan juga bahan-bahan yang bertoksik yang kimia daripada dilepaskan ke udara. Adakah kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk membangunkan sistem RDF ini untuk menggantikan *incinerator*.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Terima kasihlah Yang Berhormat kali pertama saya dengar dia sokong satu perkara usaha kerajaan RDF. Saya harap apabila RDF dibuat di kawasan Yang Berhormat jangan bantahlah nanti ya. RDF kita buat *on record* hari ini Seputeh sokong RDF, kita harap semua Ahli Yang Berhormat jadi saksi. Pada masa akan datang bila kita buat RDF kalau dekat dengan kawasan Seputeh jangan ada bantahan ya. Terima kasih banyak. Ya, sila Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa pembinaan *transfer station* ataupun stesen penghantaran ataupun pusat-pusat pelupusan sampah dan seterusnya ada satu aspek ialah lokasi, kesesuaian lokasi. Saya nak tahu sikit apakah sekarang ini rancangan untuk membina satu stesen penghantaran di Kampung Bohor iaitu dekat kawasan saya di mana kepadatan penduduk sangat tinggi dan juga dari segi kesesuaian, dari segi pengangkutan pun tak sesuai kerana jalan-jalan yang sempit dan seterusnya ini mungkin akan menimbulkan banyak masalah di masa depan.

Saya nak tahu, bolehkah Yang Berhormat mencadangkan bahawa cadangan ini boleh diubah ataupun dipindahkan ke tempat lain sebab kita bukan nak membantah projek pembangunan untuk rakyat, tetapi satu keadaan di mana kita mesti mencari suatu tempat ataupun lokasi yang sesuai dengan apa yang ada ini. Dan adakah Yang Berhormat Menteri ingin mencadangkan kepada kerajaan pusat bahawa memang stesen ini tidak sesuai di kawasan itu.

Dan mungkin guna teknologi-teknologi yang lebih canggih dan lebih terkini untuk menyelesaikan masalah stesen penghantaran di Kampung Bohor. Saya nak dapat sikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, stesen pemindahan di Kampung Bohor ini telah banyak kali dibangkit. Saya ingat Yang Berhormat dah pun banyak jawapan, tak payah saya ulang jawapan sama. Kerajaan sedang dalam proses memutuskan satu pendekatan bersepadu untuk seluruh negara termasuk RDF *transfer station*, tapak pelupusan sanitary, *incinerator* semuanya sekali gus dan seperti mana telah kita dengar beberapa kali bahawa satu mesyuarat peringkat Jawatankuasa Jemaah Menteri akan dilangsungkan tak lama lagi dan semua perkara utama itu akan dibincang di jawatankuasa ini dan jadi saya tidak akan beri apa-apa jaminan spesifik hari ini kerana kita perlu satu keputusan dasar pada keseluruhannya. Dia akan mempunyai *bearing* dengan izin, kepada banyak perkara-perkara yang disebut yang ada berkaitan dengan sisa pepejal...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Jikalau tak ada jawapan muktamad saya akan tanya lagi di masa depan... [Ketawa]

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya-ya, saya kata selepas mesyuarat 28 lebih apabila ada satu hala tuju lebih jelas ya, apa kita buat dengan RDF seperti mana disokong oleh Seputeh, apa kita akan buat tentang *incinerator* semuanya dah ada satu hala tuju, baru dapat saya jawab. Kalau saya jawab hari ini, nanti 28 keputusan dia ada satu pendekatan yang lebih baru maka mungkin ia kena ubah suai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Hulu Langat Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Hulu Selangor!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hulu Langat... [Ketawa].

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Hulu Langat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat maklumat berkenaan dengan pembinaan *incinerator* di Bogra dalam kawasan saya.

**Seorang Ahli:** Dia sokong, sokong!

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Seputeh sokong ya,...

**Seorang Ahli:** Okey rekod, Seputeh sokong.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Soalan pertama apakah status pembinaan itu sekarang. Saya ingin tahu juga apakah tindakan *injunction* yang diambil oleh beberapa badan NGO telah dapat diketepikan melalui tindakan undang-undang..., hah Kepong, tolong diam sikitlah, itu yang pertama. Yang kedua, apabila *incinerator* ini beroperasi sepenuhnya saya amat *concern*, amat prihatin berkenaan dengan sisa, berkenaan dengan sampah yang akan diangkut daripada kawasan Kuala Lumpur ke pusat *incinerator* ini. Sama ada dia akan menggunakan jalan yang sama, jalan sedia ada atau mempunyai laluan yang berbeza dan kalau menggunakan laluan yang sama, Jalan Persekutuan yang sedia ada, adakah pihak kementerian atau pihak kerajaan akan berusaha untuk melebarkan Jalan Persekutuan Kuala Lumpur Semenyih dan Semenyih ke Broga.

Saya ingin penjelasan sepenuhnya. Kalau ada pelepasan saya ingin tahu bilakah pelepasan itu akan dibuat dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, ia juga macam seperti saya jelaskan tadi termasuk *incinerator*, ini satu projek besar telah diluluskan oleh kerajaan dan yang kes-kes mahkamah telah pun dibicarakan, ada *injunction* yang telah diketepikan, ada juga beberapa perkara sedang berlaku tetapi apa yang lebih tepat, lebih pasti ialah selepas mesyuarat 28 itu bila hala tuju keseluruhan itu lebih tepat baru dapat saya jawab semua yang terperinci ini, tak lama lagi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan mempengerusikan satu mesyuarat, ia yang mesyuarat itu mengenai dasar kebangsaan tentang pelan pengurusan sisa pepejal termasuk *landfill*, termasuk pencemaran alam sekitar dan semuanya berkaitan.

Walaupun banyak projek telah diluluskan tetapi, memandangkan ada banyak pandangan sekarang termasuk RDF dan pencemaran alam sekitar, maka kita kalau dapat sabar sikit selepas 28, kerajaan akan secara bersepadu bagi satu kepastian yang lebih lanjut ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Hulu Langat.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan *incinerator* ini, Yang Berhormat Menteri semasa ura-ura untuk membina *incinerator* di Broga ini, satu Jawatankuasa Penerangan bagi menjelaskan serta menjawab penentangan terhadap pembinaan *incinerator* ini telah ditubuhkan di peringkat daerah. Dan saya dapati bahawa jawatankuasa ini tidak berfungsi, kadang-kadang badan NGO lebih proaktif, lebih aktif menceritakan perkara-perkara keburukan *incinerator* berbanding dengan tindakan serta agenda yang sepatutnya dilakukan oleh Jawatankuasa Penerangan ini. Adakah Yang Berhormat Menteri ataupun kementerian setuju dengan saya supaya jawatankuasa ini diaktifkan semula dan memberi penerangan menyeluruh terutama sekali berkenaan dengan gejala, bencana yang boleh didatangkan oleh *incinerator* ini. Untuk perhatian Yang Berhormat rumah saya dengan *incinerator* ini tidak jauh, lebih kurang dua kilometer sahaja. Saya mohon penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat kalau *incinerator* itu ia akan dijalankan seperti dijadual dan kalau masih terdapat bantahan kerana sesetengah pihak masih tidak berapa yakin, maka tentulah jawatankuasa ini akan banyak membantu. Dan apabila selepas 28 hari bulan nanti semuanya telah dapat satu kepastian barulah kita mengatur strategi mengikut keputusan yang akan dibuat nanti. Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah beri pandangan itu...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya tadi baru saya terima panggilan daripada penduduk dari Semenyihlah kawasan Yang Berhormat Hulu Langat yang mereka masih minta saya menyuarakan kebimbangan mereka terhadap *incinerator* di kawasan Semenyih, dan minta kerajaan boleh menimbang permintaan mereka untuk memindahkan *incinerator* itu jauh dari Semenyih, kerana itu merupakan satu kawasan yang sedang mengalami pembangunan yang pesat dan juga yang penting sekali adalah tempat simpanan air untuk kawasan Lembah Klang.

Kita tengok yang sungai Semenyih itu telah pun dikotorkan oleh kerana sampah sarap, jadi mereka bimbang selepas sampah itu dibakar bukan sahaja toksin yang keluar dari udara, tetapi kalau ada apa-apa kemalangan berlaku ia mungkin juga masuk dalam kawasan simpanan air dan mengotorkan serta menjadikan semua air minuman kita itu berunsur *dioxin*. Jadi mereka mintalah saya panjangkan pandangan ini, cadangan ini. Walaupun Hulu Langat tidak bangkitkan, jadi saya minta kerajaan pada 28 April dalam mesyuarat itu boleh mempertimbangkan rayuan daripada penduduk kawasan Semenyih. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang Berhormat Seputeh, bila kita hendak buat *incinerator* di Kampung Bohol beliau bantah sekeras-kerasnya. Tiap-tiap hari dia pergi kutip *signature* tidak mahu buat *incinerator*, tidak mahu buat *incinerator*. Masa itu ada wakil kata, "Pindahlah pergi tempat macam Semenyih", saya masih ingat. Bila kita pindah pergi Semenyih dia kata, "Jangan buat di Semenyih, jangan buat di Semenyih". Bila sampah tidak ada tempat, hantar ke *landfill*, bila *landfill* bocor dia kata, "Jangan ada *landfill*, jangan, pencemar...." Jadi apa pun tidak boleh buat itu sampah hendak letak di mana? Dia kata.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kami cadangkan Putrajaya.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Dia kata *recycling*. Ini tidak adil itu sampah dari luar dan sampah dari Puchong, dari Seputeh. Takkan sampah Seputeh hantar pergi Putrajaya. Mengapa tidak kata sampah Seputeh itu simpan di rumah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya cadang buat *incinerator* di Seputeh Dato'.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya, ya. Walau apa pun yang saya hendak sebut ini ialah sampah adalah satu masalah yang besar, ia adalah satu masalah yang kita perlu menangani secara bersama. Janganlah salahkan satu pihak sahaja kita kena sama-sama mengatasi masalah ini di mana ada bandar besar, di mana ada penempatan manusia yang padat di situlah ada banyak masalah sampah. Jadi ini satu cabaran, iaitu satu perkara yang harus ditangani oleh kerajaan dan saya telah kata hala tujuanya akan diketahui dengan lebih pasti tidak lama lagi. Kita sabar sedikitlah.

Peruntukan pembangunan bagi kampung-kampung baru disenaraikan di bawah butiran projek atau BP31 dan BP1. Di dalam Rancangan Malaysia Kelapan jumlah siling peruntukan di bawah BP31 dan sebahagian BP1 dan juga di bawah butiran lain yang disalurkan kepada kampung-kampung baru daripada kementerian saya ialah sejumlah RM291.18 juta. Dan oleh sebab kampung-kampung baru juga dapat peruntukan dari butiran projek yang lain seperti BP1, maka jumlah peruntukan yang disalur pada kampung-kampung baru dari tahun 2000 hingga 2005 ialah memang betul sebanyak RM326 juta seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Timor. Dan ini adalah di bawah enam tahun yang dahulu. Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat boleh minta sedikit penjelasan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanya tentang peruntukan di bawah kementerian Yang Berhormat, apakah setengah-setengah kampung tersusun sebagai contoh di dalam kawasan kebanyakannya kawasan bandar, di mana mereka juga mengalami masalah kekurangan infrastruktur, kemudahan asas. Dan apakah kementerian Yang Berhormat boleh menyalurkan juga selain daripada kampung baru ke atas kekurangan kemudahan-kemudahan yang dialami oleh sesetengah kampung tersusun ini dalam kawasan-kawasan bandar. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya, Yang Berhormat Larut memang boleh. Sebenarnya kementerian saya sudah menyalurkan banyak peruntukan ini melalui Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, melalui Butiran BP6 iaitu khas untuk kampung-kampung tersusun, penempatan kampung tradisional yang di dalam PBT. Sebenarnya banyak wang telah disalurkan di situ, tetapi kita tidak *highlight* dan Pihak Berkuasa Tempatan memang menjadi agensi yang menjaga dan melaksanakannya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Sebenarnya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan satu pelan induk juga akan disediakan untuk semua kampung ini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya timbulkan perkara ini Yang Berhormat oleh kerana apabila dirujuk kepada setengah PBT sama ada bandar raya ataupun Majlis Perbandaran, mereka mengatakan tidak boleh hanya bergantung segala pembiayaan ke atas kemudahan-kemudahan asas ini, tetapi bergantung kepada kutipan cukai yang dibayar oleh penduduk-penduduk berkenaan. Bermakna kalau mereka membayar kurang, bererti mereka akan dapat kurang kemudahan. Jadi, apakah ini benar, kalau tidak, boleh Yang Berhormat perelaskan supaya tidak timbul masalah terutama di kawasan-kawasan yang terlibat dengan kawasan-kawasan PBT terutama dalam kawasan bandar raya. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya, saya ingat dari segi bandar raya ataupun Majlis Perbandaran apabila mereka kekurangan sumber kewangan mereka tentu akan beri jawapan macam itu. Kalau sekiranya mereka minta bantuan daripada kementerian dengan ada cadangan projek yang konkrit, di mana yang masih ketinggalan dari segi infrastruktur dan sebagainya kementerian boleh bantu. Kalau Yang Berhormat sendiri ada masalah ini boleh tulis pada saya, kementerian memang boleh bantu. Itu yang saya kata lebih bersepadu, kementerian sedang mengadakan satu pelan induk di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan perancangan telah pun dimulakan. Sebenarnya di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di bawah kementerian saya telah pun ada butiran terhadap kebanyakan kampung-kampung yang sebegini, yang dikatakan kurang upaya dari segi dia punya keadaan jadi akan diberi perhatian yang serius. Jadi di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan...

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Mohon laluan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Lipis.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini mengenai dengan kedudukan kampung-kampung baru yang ditubuhkan semasa zaman darurat dahulu. Jadi adakah kampung-kampung baru ini masih relevan sampai sekarang dan adakah ia terletak di bawah pengawasan kerajaan negeri atau di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan baru-baru ini ada diumumkan tentang elaun ketua kampung yang diberi sebanyak RM450, bagaimana pula dengan ketua-ketua kampung baru ini. Mohon penjelasan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Boleh sambung sedikit tidak? Sambung soalan yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang ketua kampung tadi selain daripada ketua masyarakat kebanyakan kampung-kampung dalam negara Malaysia ini ada ketua kampung dan kebanyakan kampung-kampung ada taman-taman. Apakah pendirian kementerian ke atas pentadbiran ketua kampung sama ada ketua kampung pada pendapat kementerian boleh masuk dalam kawasan taman-taman yang di bawah pentadbiran PBT ataupun sebaliknya. Apakah pandangan kementerian? Sekian terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya, mengenai kampung-kampung memang diletakkan di bawah jagaan kerajaan negeri. Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri selalunya akan beri cadangan kalau dia hendak dapatkan bantuan dan sebagainya. Kalau taman-taman dia memang di pinggir atau kebetulan di tepi kampung-kampung. Selalunya JKKK yang berkenaan dia akan cuba juga membantu. Saya memang setuju kalau kerajaan negeri boleh mengadakan satu strategi untuk jangan terbiar mana-mana satu tempat yang tidak mempunyai JKKK. Biasanya taman-taman baru di bawah kerajaan negeri atau di satu perbandaran di bawah PBT kalau ia tidak ada JKKK dan JKKK ini memang satu tradisi yang lama.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Taman baru selalunya PBT menggalakkan mereka menubuhkan persatuan penduduk ataupun persatuan kejuruan untuk menjaga kepentingan mereka. Kalau tempat itu merupakan *extension* atau satu kembangan dari kampung sama ada kampung baru atau kampung tradisional. Saya ingat tidak salahnya JKKK itu juga cuba beri perkhidmatan padanya...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** ...Walau bagaimanapun, kerajaan negeri lebih tahu mereka yang *direct* secara terus mengawasi perkara ini dan Yang Berhormat Lipis....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Larut bangun.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh saya?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Biar saya lengkapkan ini. Yang Berhormat Lipis telah sebut fasal kampung-kampung baru. Yang telah saya terangkan tadi saya tengah dalam jawapan kampung baru yang terdapat 450 buah kampung-kampung baru yang walaupun telah ditubuhkan masa darurat lagi. Hari ini mereka masih relevan kerana di situ masih terdapat kira-kira 1.25 juta penduduk dan mereka inilah orang yang merupakan petani, pekebun kecil, orang yang telah bergenerasi di situ. Dia sebenarnya ada juga kampung-kampung yang pelbagai kaum juga ada. Kerajaan tetap beri perhatian yang serius kepada mereka.

Mengenai satu pengumuman baru-baru ini kata elaun ketua kampung JKKK diumumkan. Sebenarnya keputusan ini dibuat oleh jemaah menteri dan keputusan itu juga bukan sahaja untuk kampung-kampung di luar bandar juga kampung-kampung baru sekali gus diputus bersama. Cuma sekarang kementerian saya tengah berbincang dengan agensi lain sepatutnya siapa yang perlu membayar elaun itu. Cuma bahagian ini tengah diurus di peringkat kerajaan. Mungkin ada sedikit masalah komunikasi yang kampung baru ini belum tahu.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat sebut fasal taman-taman baru tadi. Saya teringat tentang masalah apabila Yang Berhormat menyebut tentang penubuhan jawatankuasa penduduk, sering kali jawatankuasa ini ditubuhkan adalah kerana masalah kebajikan penduduk dan masyarakat setempat.

Apakah Yang Berhormat boleh melihat di mana satu akta supaya semua kawasan-kawasan skim perumahan yang diwujudkan dalam negara kita ini diwajibkan mendirikan masjid bagi kemudahan penduduk-penduduk yang bilangannya menjangkau umpamanya 1,000 atau 500 ke atas diwajibkan bukan hanya setapak tapi ditetapkan supaya didirikan terus sebuah masjid kerana kita tahu ini amat penting. Kalau tidak akan menimbulkan masalah kepada penduduk-penduduk yang terpaksa meninggalkan kawasan, tempat kerja dan sebagainya. Kerana hari ini kita tahu bahawa ada akta di mana mewajibkan semua pemaju perumahan menyediakan tapak untuk kemudahan aktiviti penduduk setempat.

Jadi apakah Yang Berhormat melihat supaya dapat diwajibkan setiap pemaju perumahan yang hendak mendirikan kawasan perumahan bergantung kepada keadaan penduduk itu mungkin 500 atau 1,000 orang wajib mendirikan sebuah masjid sebagai satu pulangan balik segala hasil keuntungan yang mereka peroleh untuk kebajikan kepada penduduk-penduduk terutama orang Islam terutama orang Islam di sesebuah tempat. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Sebenarnya pada masa kini pemaju telah diwajibkan untuk membina banyak infrastruktur, banyak kemudahan asas dan kemudahan sosial. Sampai satu tahap kerajaan kena berhati-hati supaya kos itu tidak meningkatkan lagi kos rumah terutamanya bagi rumah yang mampu dimiliki yang kita hendak nampak lebih banyak. Sebenarnya tapak-tapak yang telah dirizab untuk masjid, untuk sekolah, untuk kemudahan yang lain adalah juga merupakan kos yang agak tinggi. Setakat mana yang dapat kerajaan mewajibkan pemaju, saya rasa kerajaan telah pun cuba sedaya upaya dan apa-apa usaha yang tambahan itu mungkin kerajaan negeri sama-sama dengan pihak berkuasa tempatan akan terus memikirkan apa yang masih boleh diusahakan lagi bagi memastikan organisasi-organisasi yang sesuai itu dilantik.

Saya rasa pihak kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan tidak akan terlepas mana-mana satu peluang untuk kepentingan penduduk setempat dan cadangan Yang Berhormat itu kita akan ambil perhatian...

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya belum siap mengenai kampung baru.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Sedikit, sedikit.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Puchong tidak ada kampung baru.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Ada... *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya mengenai kriteria untuk menubuhkan JKKK ini. Sebagai contoh di kawasan saya ada beberapa kampung. Biasanya dia menubuhkan JKKK dengan kombinasi empat atau lima kampung-kampung kecil dan kampung-kampung kecil ini terdiri daripada kampung tradisi dan juga kampung-kampung tersusun. Baru-baru ini mereka ada cadangan bahawa kampung-kampung tersusun ini boleh menubuhkan jawatankuasa ataupun JKKK sendiri.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri kalau untuk menubuhkan JKKK itu sendiri, apakah kriteria iaitu dari segi jumlah rumah, penduduk ataupun infrastrukturnya. Saya hendak tahu sedikit apakah *one-to-one* yang boleh diberikan kepada kampung-kampung ini kerana kalau kita tidak memberikan satu kebebasan kepada mereka mungkin segala peruntukan ataupun jagaan daripada PBT ini tidak diberikan tumpuan kepada satu-satu kampung itu dan inilah sebabnya mereka ini bercadang untuk bukan mengasingkan tetapi untuk menubuhkan JKKK sendiri. Saya hendak tahu apakah garis panduan dan kriteria...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Puchong, berapa kampung baru di kawasan Yang Berhormat?

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Banyak itu. Saya boleh bagi tahu ada dua tiga kampung.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang saya sebut tadi JKKK ini adalah di bawah jagaan kerajaan negeri dan kriteria yang *detail* itu memang ada pada kerajaan negeri dan saya tidak dapat memberi butiran *detail* hari ini. Lagipun saya ingin jelaskan lagi kampung baru ialah bukan Kampung Baru Kuala Lumpur, itu lain ya. Kampung baru yang disebut di sini adalah kampung-kampung yang telah digazet semasa zaman darurat. Kalau kampung sekarang didirikan bukan dikategorikan sebagai kampung baru. Sebenarnya perkataan "kampung baru" itu pun jarang dipakai lagi cuma untuk senang difahami apa kampung itu kita sebut kampung baru, cuma ada 450 buah tidak ada tambahan lagi.

Yang saya tahu di Puchong ada penempatan-penempatan, dia bukan Kampung Baru dia mungkin kampung tersusun atau kampung tradisional. Jadi itu semua di bawah bidang kerajaan negeri, itu saya kena semak, saya tidak dapat bagi butiran hari ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan peruntukan yang diluluskan untuk pembangunan kampung-kampung baru daripada kementerian di bawah BP(31) sahaja telah ditambah...

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** [Bangun]

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Maran bangun, Puchong.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Bagi saya siapkan perenggan ini, ditambah hampir sekali ganda iaitu sejumlah RM200 juta di bawah BP(31) dan ada lagi peruntukan yang daripada BP(1) dan agensi-agensi lain juga akan ada peruntukan bersama dan akan dijangka kira-kira RM400 juta dalam lima tahun yang akan datang ini akan disalurkan kepada kampung-kampung baru terutamanya melalui Kementerian Perumahan dan juga ada tiga buah kampung di bawah DBKL. Maka saya rasa tidaklah sesuai untuk kita banding kampung-kampung baru dengan kampung-kampung luar bandar kerana bilangan kampung di luar bandar adalah mempunyai bilangan amat besar, kira-kira 21 ribu kampung dan kawasan di luar bandar pun amat luas kalau banding dengan kampung-kampung baru. Jadi susah untuk kita banding dengan izin epal dengan oren. Walau apa pun kerajaan hari ini memang amat prihatin tentang semua kampung. Kita jaga semua kampung dengan baik.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, sekarang ini kita ada dua, yang pertama kampung tradisional dan kampung baru.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan perpaduan adalah menjadi teras utama bagi kita hendak mencapai kejayaan atau kemajuan Rancangan Malaysia Kesembilan. Apakah kementerian Yang Berhormat bercadang supaya hendak menghilangkan pengenalan bila sebut kampung tradisional kita tahu di sana orang Melayu ataupun orang asli, orang bumiputera dan sebagainya tetapi, bila disebut kampung baru, kita kenal pasti bahawa di situ adalah orang Cina. Apakah ada cadangan kerajaan atau kementerian untuk menghilangkan pengenalan antara ini, kerana dulu kampung baru ini wujud adalah kerana zaman darurat. Jadi dalam kita hendak mencapai Rancangan Malaysia Kesembilan ini apakah ada cadangan kerajaan atau kementerian bagi kita menghilangkan pengenalan kedua-dua kampung ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya telah sebut tadi kampung baru sebenarnya sudah kurang kita pakai istilah kampung baru kecuali oleh sebab orang yang duduk kampung baru itu dia sudah biasa, bila kita hilangkan perkataan kampung baru dia macam sudah tidak berapa senang hati tempat yang dia duduk itu. Kalau kita tengok sebagai contoh di Selangor, kampung-kampung baru namanya sudah jadi macam Seri Setia, Seri Kembangan, dia tidak ada nama lagi kampung baru dan usaha memang ada mungkin dia ambil masa sedikit. Kampung-kampung baru yang dikatakan sejak dulu dia bukan semuanya orang Cina. Sebenarnya mengikut satu bancian yang amat menyeluruh baru-baru ini terdapat kira-kira 15% daripada penduduk kampung-kampung baru ini dia bukan dari kaum Cina. Ada kira-kira 10% kaum Melayu, ada 5% kaum India dan juga yang lain-lain.

Dalam pada itu apa yang saya sebut tadi ialah semua kampung tidak kira dia di mana, kerajaan sama ada melalui Kementerian Luar Bandar atau melalui kementerian saya ataupun melalui agensi lain semuanya akan dijaga dengan baik dan kalau kita tengok apa berlaku di kampung-kampung baru sekarang ini mereka ada banyak bergaul dengan kampung-kampung sekelilingnya dia tidak ada terlalu katakan perkauman dan apa. Saya seorang anak kampung, saya dilahirkan di kampung baru dan apabila bercampur-gaul dengan *estate* dan kampung sekeliling tidak ada masalah, tidak ada sebut itu kawasan siapa dan setahu saya ini telah pun beberapa generasi ia tidak jadi masalah lagi...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ledang, banyak lagi?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sedikit lagi, di Tangkak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Di Ledang, di Tangkak ada kampung baru. Jadi saya mengucapkan terima kasihlah sebab mudah kerja saya. Cuma Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya bagaimanakah cara agihan adakah mengikut bilangan kepala dan sebagainya? Cara agih peruntukan yang begitu banyak supaya sekurang-kurangnya Tangkak sekarang ini tidak tertinggal. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Terima kasih. Dia bukan agih sahaja macam itu, dia tengok keadaan kalau katakan sesebuah kampung itu dia masih ketinggalan dari segi taraf jalan, longkang dan kemudahan sosial lain masih kekurangan dan selalunya JKKK itu akan buat permohonan dan di kementerian ada pegawai perkampungan untuk membantu untuk menyemak.

Kita akan ikut kedudukan kalau kampung itu masih ketinggalan maka peruntukan yang diperlukan itu akan disalurkan dengan sewajarnya dan kalau kampung itu sudah banyak maju, mungkin mereka kena janganlah ambil banyak lagi peruntukan untuk perkara yang jauh lebih maju. Kita tengok dia punya taraf kemajuan setakat ini dan di Ledang saya ingat tidak pernah kita abai. Saya masih ingat Ledang merupakan satu kawasan yang aktif memohon peruntukan ini.

Mengenai saranan Yang Berhormat dari Bukit Mertajam supaya rakyat miskin di kampung-kampung baru diberi pembelaan, sukacita saya maklumkan bahawa pembangunan kampung-kampung baru sentiasa diberi perhatian dan pelan induk pembangunan kampung-kampung baru telah disediakan oleh kementerian dan dijadikan rujukan untuk pelaksanaan projek-projek bagi kampung baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Program pembasmian kemiskinan bandar yang akan dilaksanakan oleh kementerian di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan juga akan merangkumi rakyat miskin dari pelbagai kaum termasuk penduduk di kampung-kampung baru. Pada masa ini terdapat kira-kira 2,983 kampung-kampung tradisional yang terletak di kawasan PBT. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tebrau, pihak kementerian dan kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan turut memberi tumpuan kepada kampung-kampung tradisional dalam merancang projek pembangunan agar kampung-kampung tradisional tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara. Sehubungan dengan itu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Jerai, kalau batuk, sakit doktor ada. tidak payah tanya.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Biar saya siap ini ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Perjuangan, perjuangan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya lengkapkan ayat ini ya. Kerajaan telah peruntukkan sejumlah RM120.5 juta bagi menyediakan kemudahan-kemudahan asas kampung-kampung tradisional dalam kawasan PBT di seluruh negara dan sejumlah RM40 juta telah lulus pada tahun ini sebagai sebahagian daripada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang berjumlah RM200 juta. Pada masa ini pihak kementerian sedang dalam peringkat awal untuk menyediakan pelan induk pembangunan kampung-kampung tradisional bagi merangka dasar, strategi dan pelan tindakan jangka panjang agar kampung-kampung tradisional dalam kawasan PBT tidak ketinggalan dalam arus pembangunan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, ini masalah kampung tradisional dan juga kampung baru, di gurun dan juga di padang lembu dalam kawasan Parlimen saya tetapi yang ada pada lembu tidak apa dia tidak masuk dalam kawasan PBT tetapi di gurun dia termasuk dalam kawasan PBT dan juga kampung-kampung tradisional. Jadi PBT telah mengeluarkan kena bayar cukai pintu dan sebagainya sedangkan perkhidmatan tidak diberi. Jadi ini menimbulkan masalah kemudian dihantar notis dan sebagainya.

Jadi orang kampung dalam kampung tradisional dan kampung baru ini dia merayu supaya kerana tidak ada perkhidmatan dan kawasan itu digazet dalam PBT. Jadi boleh tidak pihak menteri mengeluarkan arahan ataupun memberi maklumat kepada PBT bahawa kawasan yang digazetkan dalam kawasan PBT tetapi tidak mendapat perkhidmatan dalam PBT tidak harus dikenakan cukai pintu dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya kena semak apa sebenarnya berlaku di Gurun yang dikatakan tidak beri perkhidmatan. Kalau kampung itu telah dirangkumi dalam kawasan PBT, PBT sepatutnya beri perkhidmatan. Sekurang-kurangnya dia kena kawal selia segala kegiatan di situ dari segi pembangunan, dari segi alam sekitar, kekotoran dan sebagainya.

Yang setahu saya, satu kebaikan ialah apabila mereka dirangkumi dalam PBT, PBT boleh memohon peruntukan dari kerajaan persekutuan untuk membantu mereka. Walaupun cukai yang dikutip itu tak banyak, saya akan semak apa sebenarnya berlaku di Gurun.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mana satu Yang Berhormat, Hulu Langat kah, Tangga Batu?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tangga Batu ya.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Hulu Langat.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan kampung baru. Oleh kerana kampung baru ini adalah satu fenomena yang sudah cukup lama sebelum merdeka, zaman darurat, ada yang selepas merdeka. Dan kebanyakan tanah lot ini di kampung baru adalah tanah-tanah pajakan, tanah *lease*, dan sebahagiannya telah luput atau hampir luput tempoh pajakan. Dan biasanya permohonan akan dibuat kepada pihak berkuasa kerajaan negeri untuk mendapat lanjutan pajakan ini.

Dan oleh kerana kawasan kampung baru ini, kemudiannya telah dikepong oleh pembangunan tidak kira dalam zon industri kah, atau zon penempatan, kediaman, premium ini seperti contoh Seri Kembangan, Sungai Chua di Kajang. Kebanyakannya premium yang dikenakan oleh kerajaan negeri agak tinggi. Dan akibatnya orang-orang miskin, orang-orang tua, orang-orang yang tidak mempunyai pendapatan tetap dalam kampung-kampung baru ini tidak berupaya membayar premium yang begitu tinggi, ada yang kena sampai RM40 ribu, RM50 ribu terutama sekali apabila tempoh pajakan ini diberi sehingga 90 tahun, 99 tahun. Dan akibatnya ada setengah yang terpaksa memohon untuk mengurangkan tempoh pajakan daripada 90 kepada 60 untuk mendapatkan premium mereka...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini masalah tanah, kuasa siapa?

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Kuasa kerajaan negeri. Saya ingin tahu, apakah usaha daripada kementerian yang memberi perhatian kepada kepentingan orang-orang di kampung baru. Dan adakah usaha kementerian untuk membantu penduduk-penduduk di kawasan kampung baru ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya sama pendirian dengan Yang Berhormat Hulu Langat mengenai premium ini, kerana banyak kali saya ingatkan Exco-Exco kerajaan negeri yang menjaga kampung baru untuk membangkitkan perkara ini di mesyuarat kerajaan negeri supaya jangan membebankan banyak sangat orang-orang kampung ini. Dari pendirian kementerian memang kementerian nak bantu kampung-kampung baru. Dan banyak juga kali ingatkan kerajaan-kerajaan negeri supaya jangan anggap mereka macam tanah komersial biasa. Dan ada kalanya kerajaan-kerajaan negeri memberi pemotongan ataupun dia menurunkan dia punya premium. Saya tahu di Selangor ada pernah bangkit beberapa kali perkara ini, walaupun ada penurunan tapi orang kampung masih *complaint*.

Ini memang satu perkara yang masih dibincangkan - Yang Berhormat memang tepat, bila premium itu dah tinggi walaupun ditawarkan 90 tahun dia punya *lease* tapi mereka kata tak mampu, dia tak mahu 90 tahun, dia nak 60 tahun. Ini saya faham, telah saya ingatkan Exco kerajaan negeri yang menjaga ini, bawa balik untuk ditimbang oleh kerajaan negeri melalui mesyuarat Exco. Terima kasih kerana prihatin dan memang kita sama pandangan mengenai perkara ini. Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya tak tahu nak macam mana saya nak meletakkan ini, saya memuji sebenarnya pihak berkuasa tempatan Petaling dan Hulu Langat. Apabila Serdang umpamanya dahulunya Kampung Baru Sri Aman, Seri Kembangan dan sebagainya dikenali sebagai kampung baru bercampur dengan industri, *backyard* industri. Sebagai contoh kasut-kasut berjenama, *Obermain*, *Charlie* dan sebagainya dibuat di kawasan ini. Dan hari ini pihak berkuasa tempatan telah mengambil satu tindakan yang tegas yang mana industri-industri ini yang kecil dan sederhana ini telah dipindahkan ke satu pusat yang lebih sistematik dan teratur.

Yang Berhormat Menteri, saya yakin banyak lagi kampung-kampung baru dan sikap *enterprising* begini adalah amat kita puji dan kita galakkan di kalangan penghuni-penghuni kampung baru. Jadi apakah usaha kementerian untuk menyelaraskan tindakan ini sampai ke kawasan-kawasan kampung baru di Melaka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Terima kasih Yang Berhormat dari Tangga Batu. Ini juga merupakan satu strategi di bawah pelan induk pembangunan kampung baru. Dalam pelan induk pembangunan kampung baru, bukan setakat buat jalan, longkang sahaja, dia ada kategorikan kampung-kampung baru pada tiga kategori. Kategori 'A', 'B', 'C', yang 'A' itu dia berdaya maju, dia ada potensi ekonomi sebagai contoh SME dan sebagainya. Bagi mereka yang ada potensi bagaimana kerajaan cuba bantu, cuba dapatkan segala kemudahan supaya orang kampung boleh melibatkan diri dalam SME. Ini memang adalah salah satu strategi. Ianya memerlukan banyak pertolongan dan juga kerjasama agensi-agensi kerajaan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, pelan strategi ini akan diamalkan dengan lebih bersungguh-sungguh. Yang di bawah RMK-8, banyak usaha dibuat untuk menaikkan taraf infrastruktur dan juga dapatkan data banci dan sebagainya. Jadi RMK-9 kita cuba nak naikkan taraf lagi dari segi aspek-aspek yang lain, ini memang adalah dalam perhatian kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Mertajam.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya ingat ini soalan *last* sekali bagi kampung, terlalu banyak, masa tak panjang sangat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih ya. Saya pun datang dari kampung baru juga. Pada saya kecil, di kampung saya itu ada sebuah gelanggang bola keranjang. Sekarang sudah hampir 50 tahun, ia masih sebuah gelanggang bola keranjang lagi. Jadi saya rasa adakah rancangan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, adakah kerajaan atau kementerian Yang Berhormat berhasrat untuk menambah kemudahan sukan di kampung-kampung baru Cina. Kerana kalau tidak, jadi kita kekurangan gelanggang-gelanggang bola. Hanya gelanggang bola keranjang sahaja, tak ada *volley ball court* tak ada, *football court* pun tak ada.

Jadi saya lihat di sesetengah kampung baru, gelanggang bola keranjang sudah ada bumbung tetapi itu hanya satu, dua, tiga sahaja, bukan semua, jadi adakah ada rancangan supaya di tempat-tempat ini, kampung baru dan juga di kampung-kampung tradisional, saya rasa kemudahan sukan amatlah penting. Ia perlu diperbanyakkan dan di *upgrade*. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya, di bawah pelan induk pembangunan kampung, sama ada kampung baru atau kampung tradisional yang akan datang. Semuanya akan memberi penekanan kepada semua aspek, bukan sahaja infrastruktur, kemudahan sukan, kemudahan sosial dan juga dari segi peningkatan kualiti hidup, semuanya akan diberi perhatian. Dan di bawah RMK-9, saya jangka lebih banyak kampung baru akan dapat dewan serba guna yang memang serba guna. Ia boleh jadi dalam *indoor* gelanggang dan dewan yang sama akan digunakan untuk aktiviti masyarakat, untuk juga buat jamuan. Ini memang adalah menghala ke peningkatan ke hala itu. Saya yakin di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kita akan lebih banyak berhasil.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Rasah, pelantikan ahli majlis sesebuah PBT adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana telah diperuntukkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan iaitu ianya tidak kurang daripada lapan dan tidak lebih daripada 24 orang. Pada masa ini pihak kementerian sedang mengkaji untuk menambah bilangan maksimum ahli majlis di PBT agar lebih ramai golongan profesional dapat dilantik menjadi ahli majlis.

Sehingga kini pihak kementerian tidak bercadang untuk membenarkan pegawai-pegawai kerajaan dilantik sebagai ahli majlis memandangkan pegawai-pegawai kerajaan sering dijemput sama menghadiri mesyuarat penuh majlis bagai *resource person*, dengan izin. Perlantikan mereka sebagai ahli majlis boleh menimbulkan percanggahan kepentingan antara peranan jabatan dan peranan sebagai ahli majlis yang mewakili masyarakat setempat.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Tebrau...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, boleh minta penjelasan sedikit? Terima kasih Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat, pada masa ini kebanyakan Yang Dipertua Majlis-majlis Daerah adalah terdiri daripada pegawai-pegawai daerah kecuali Setiausaha Majlis yang merupakan pegawai tetap yang berkhidmat dengan majlis berkenaan. Apakah oleh kerana pada masa ini, timbul masalah di mana kalau dilantik juga di kalangan pegawai daerah ataupun pentadbir awam yang lain penolong pegawai daerah, menimbulkan banyak masalah oleh kerana mereka juga bertanggungjawab ke atas tugas-tugas lain seperti tugas-tugas pentadbiran tanah dan yang lain.

Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengkaji semula supaya perlantikan Yang Dipertua Majlis Daerah ini adalah juga terdiri daripada pegawai tetap yang hanya ditugaskan untuk menjaga majlis daerah daripada kalangan amalan seperti mana yang ada pada masa ini. Oleh kerana pada masa ini Setiausaha Majlis telah pun dilantik daripada kalangan mereka yang bekerja tetap dalaman dalam majlis daerah tersebut. Jadi kedudukan Yang di-Pertua pula bagaimana, apa pandangan Yang terhormat?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang dalam proses untuk mencadangkan satu penyusunan semula tentang struktur perkhidmatan BPT dan semua pandangan ini akan diambil kira dan memang kerajaan telah pun menetapkan supaya PBT yang agak sibuk, maknanya dari segi dia punya hasil tahunan itu kalau tinggi, sepatutnya Yang di-Pertua kena adalah orang yang sepenuh masa dia tidak lagi dijawab oleh seorang pegawai daerah dan sebagainya. Dia ada banyak lagi yang lain di mana...

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Hulu Langat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya, di mana semasa kerajaan menimbang penyusunan semula ini, banyak pandangan ini akan diambil kira pada masa akan datang.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menyatakan bahawa bilangan ahli majlis dalam setiap pihak berkuasa tempatan adalah sama bilangannya dan undang-undang yang terpakai adalah sama tidak kira PBT itu dikategorikan sebagai majlis perbandaran, majlis daerah, bandar raya dan sebagainya. Soalan saya, sesetengah pihak berkuasa tempatan yang di bawah kategori majlis perbandaran yang terpaksa mengawai atau menguruskan hal-hal dalam kawasan yang cukup besar. Bilangan ahli majlis yang kecil 24 orang ini, biasanya tidak memadai untuk memantau serta menerima apa jua masalah yang dibangkitkan oleh pembayar cukai. Misalnya dalam negeri Selangor, semua ahli majlis telah dilantik untuk mengetuai satu badan yang dipanggil Majlis Perwakilan Penduduk yang dilantik daripada beberapa buah taman.

Oleh kerana bilangan taman di majlis-majlis perbandaran dalam kawasan negeri Selangor adalah cukup banyak, ianya tidak dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada keseluruhan penduduk dalam kawasan majlis itu. Boleh tidak Yang Berhormat kita ingin mencadangkan supaya bilangan ahli-ahli majlis di kawasan-kawasan majlis perbandaran yang besar, Majlis Perbandaran Petaling Jaya misalnya, Majlis Perbandaran Subang Jaya misalnya dan majlis yang di bawah kategori Majlis Perbandaran ini, bilangan ahli majlisnya dipertingkatkan, bilangannya diramaikan bagi menunjukkan kita ini serius bagi memberi perkhidmatan yang terbaik di seluruh kawasan majlis perbandaran itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Pandangan Yang Berhormat itu akan saya ambil kira semasa kerajaan menimbang untuk penyusunan semula dan juga penambahan ahli majlis. Memang ada faktor-faktor boleh kita ambil kira...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Penjelasan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita tahu orang ramai memang kebanyakan tidak puas hati dengan perkhidmatan banyak majlis. Jadi, apakah Yang Berhormat akan memastikan bahawa perlantikan ahli-ahli majlis tidak lagi berdasarkan kepada latar belakang politik mereka. Sekarang kita semua tahu kenyataan umum, kalau Majlis MBI, berapa orang adalah untuk lantikan oleh MCA, MIC, UMNO, GERAKAN. Bolehkah hentikan ini agar ia selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan yang memperuntukkan ia mestilah mereka dari komuniti sana yang bersedia untuk berkhidmat dan bukan menjadi satu *stepping stone* untuk mereka jadi wakil rakyat pada satu hari. Jadi boleh tidak ketepikan latar belakang politik, lantik mereka yang benar-benar profesional dan memang berminat untuk berkhidmat untuk komuniti di kawasan tersebut.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya, memang kerajaan berusaha ke arah untuk melantik lebih ramai ahli-ahli majlis yang mempunyai latar belakang profesional, mempunyai pengetahuan yang boleh menghadapi cabaran baru. Ke arah itulah saya ingat kerajaan-kerajaan negeri akan menambah baik lagi kualiti ahli-ahli majlis tidak kira dia siapa, kita akan terima ambil kira...

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Penjelasan, penjelasan!

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat, tadi saya bangkitkan latar belakang politik. Mengapakah buat masa ini menjadi *that is the main criteria*, kuota? Yang Berhormat Menteri, pohonlah. Dalam aspek ini bolehkah bagi janji jaminan. Itu bukan jadi kriteria yang utama.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin membangkitkan, mendapat penjelasan mengenai soal kakitangan majlis. Sekarang ini kebanyakan kakitangan majlis adalah terdiri daripada kakitangan yang diambil secara tertutup. Maknanya mereka tidak boleh ditukarkan ke mana-mana. Maknanya kalau seorang itu bekerja sebagai kerani, dia akan tinggal di situ sampai umurnya 55. Jadi pada jangka panjangnya saya rasa ini tidak akan memberi peluang kepada kakitangan itu untuk membangunkan kerjayanya. Jadi adakah kementerian bercadang supaya menjadikan kakitangan majlis PBT ini sebagai kakitangan terbuka di mana kakitangannya boleh dipindahkan bukan sahaja dalam negeri, tetapi mungkin di seluruh negara. Supaya dengan itu akan sebagai satu insentif atau galakan kepada kakitangan PBT berkenaan untuk bekerja dengan lebih kuat lagi.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Memang itulah....

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Berkaitan. Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya kalau saya hendak ambil contoh di Majlis Daerah Tangkak, Majlis Perbandaran Muar, ada engineer, ada lawyer, ada arkitek dan sebagainya. Jadi tidak timbul soal profesional. Cuma satu Tuan Yang di-Pertua, elaun Ketua Kampung telah naik daripada RM100, RM200 sebulan sekarang RM450. Sedangkan elaun ahli majlis nampaknya masih bawah lagi daripada paras elaun Ketua Kampung sekarang. Sedangkan ahli-ahli majlis ini adalah anggota kerajaan peringkat ketiga yang semestinya mendapat pengiktirafan, mendapat suatu status yang lebih baik di kawasan masing-masing. Adakah kementerian bercadang untuk mengarahkan negeri-negeri supaya menaikkan taraf mereka dari segi elaun berbanding dengan Ketua Kampung, sekian terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Terima kasih. Kita akan sampaikan pandangan itu kepada Kerajaan Negeri.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Penjelasan juga?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *Last, last.*, sebelum saya balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat jangan lepas soalan terus balik. Janganlah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak, tidak ada balik punya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Semalam saya tunggu sampai 8.30 malam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okey, baik, baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Cukup taat. Malam ini saya mahu balik jauh. Mahu tengok anak-anak, cucu semua. Dato', rata-rata Dato' kita lihat kadang-kadang masyarakat pembayar cukai dan sebagainya di *complain* pasal perkhidmatan di bawah pihak PBT dan saya nampak *enforcement* daripada PBT pun berkurangan dan tidak cekap dari segi menjalankan tugas *enforcement*.

Di samping itu juga, kita dapat lihat di kaca TV dan sebagainya, PBT-PBT tidak menjalankan tanggungjawab yang sewajarnya. Jadi bolehkah tidak boleh Yang Berhormat sebagai Menteri yang bertanggungjawab dengan PBT ini supaya kita melihat, supaya depa ini betul-betul menjalankan tugas perkhidmatan untuk rakyat. Kadang-kadang kita buat kompelin pun tidak dapat. Kadang-kadang bandar raya, ini saya difahamkan Bandar Raya Kuala Lumpur, pejabat dia kena *seal* kalau tidak silap saya.

Ini satu benda yang saya nampak Datuk Bandar dia buat apa, kalau macam itu? Jadi ini satu imej Yang Berhormat Dato'. Maknanya depa buat endah tidak endah sedangkan teriakan rakyat begitu bergema sekali kerana melihat PBT yang tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Boleh tidak boleh Yang Berhormat Menteri, kalau dia orang tidak berjaya, PBT itu, ketua PBT ataupun Yang di-Pertua itu harus ditukarkan, harus diganti dengan orang yang lebih agresif. Saya mintalah untuk negeri Kedah Yang Berhormat Datuk, bandar raya. Kedah kita hendak buat Sukan SUKMA. Kalau boleh, kerajaan bagi duit lebih sikit. Kita orang miskinlah Yang Berhormat Dato', dengan izin... [*Bercakap dalam dialek Kantonis*] [*Ketawa*] [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, dengan izin. Orang Kedah pun tidak ada duit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kita pun tidak faham apa Yang Berhormat cerita itu. Saya tidak faham. Mungkin Menteri pun tidak faham. Cakap sesuatu yang semua faham.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya faham tidak apalah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah, tolonglah... [*Ketawa*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jawab sekali. Saya pun hendak balik ke Kota Kinabalu ambil duit. Terima kasih. Ini berhubung dengan pejabat Dewan Bandar Raya kena *seal*. Kita hairan, rakyat pun hairan.

Tugas Dewan Bandaraya ini, dia ada yang men *seal* rumah orang, kedai orang yang tidak membayar cukai, yang tidak membayar *instalment* dan sebagainya tetapi, hari ini, saya cukup keliru kenapa pejabat Dewan Bandaraya pula di *seal*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu di bawah bidang kuasa kementerian mana?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kerajaan tempatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kerajaan tempatan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri, kalau boleh Presiden MAYA ini, kalau boleh gantilah. Dia tidak layak duduk situ. Dia tidak tahu apa dia hendak buat dengan tugas dia sehingga dia sendiri terperangkap dengan kerja-kerja kebodohan dia sendiri. Minta Yang Berhormat ambil tindakan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Kuala Lumpur di bawah Menteri Wilayah Persekutuan. Ia di bawah Akta Wilayah Persekutuan. Harap kementerian yang berkenaan ambil perhatian. Perkhidmatan PBT memang adalah satu tumpuan, satu perkara yang amat dipandang berat oleh Kerajaan Persekutuan. Jemaah Menteri ataupun kementerian-kementerian di Persekutuan hendak tengok ada penambahbaikan. Telah saya sebut di sini, kementerian saya dan juga Jabatan Perdana Menteri sedang memantau sejauh mana PBT ini dapat menambah baik dia punya perkhidmatan dari semua segi tidak kira dari penguatkuasaankah apa.

Negeri Kedah memang sebuah negeri yang saya amat prihatin. Bila PBT-PBTnya memohon projek-projek kecil yang munasabah, selalunya saya minta kementerian saya tolong. Jadi Yang Berhormat jangan bimbang.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, saya sambung sikit Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat. Dalam kita kempen berbudi bahasa ini Yang Berhormat, apakah pihak PBT penguat kuasa boleh melihat tentang tindakan penguat kuasa yang diambil? Kadang-kadang tidak ada simpati langsung ke atas mereka yang cuba baru hendak menjaja, hendak berniaga kecil-kecilan untuk menyahut seruan kerajaan untuk dia boleh belajar berniaga sampai kadang-kadang mereka rampas begitu sahaja, sampai tidak ada pertimbangan langsung.

Apakah dalam kempen berbudi bahasa ini boleh Yang Berhormat lihat, selain Yang Berhormat sebut pemantauan tadi. Mesti ada satu garis panduan yang dikeluarkan. Kadang-kadang kasihan Yang Berhormat. Apabila segala harta benda mereka dirampas, bukan sahaja mereka kena dihadapkan ke mahkamah, denda dan sebagainya tetapi barang-barang mereka ini, harta benda mereka ini tidak tahu apa akan jadi dan berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Kedua Yang Berhormat, saya tadi bila Yang Berhormat sebut bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah kita tidak boleh menyeragamkan?

Ada sesetengah bandar raya dipanggil “Dewan Bandaraya”, ada setengah bandar raya dipanggil “Majlis Bandaraya”. Jadi yang mana satu ini Yang Berhormat? Apakah kategori mereka ini ada perbezaan di antara “Dewan Bandaraya” dengan “Majlis Bandaraya”? Contohnya, di Kuala Lumpur dipanggil “Dewan Bandaraya”, di Ipoh dipanggil “Majlis Bandaraya”, apa penjelasan daripada Yang Berhormat?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ada perbezaannya. “Dewan Bandaraya” merupakan *capital* ataupun ibu pejabat di sesuatu wilayah. Jadi DBKL adalah ibu kota pada seluruh Malaysia, terutamanya bagi Semenanjung, ini adalah satu ibu kota, ia “dewan”. Di Semenanjung, tidak ada Dewan Bandaraya lain. Bagi Kuching dan Kota Kinabalu, Sabah, ia juga merupakan ibu kota pada zon atau wilayah itu. Jadi yang lain-lain dia dipanggil “Majlis Bandaraya”. Ia ada perbezaan. Kalau “Dewan Bandaraya”, ia di bawah satu Akta Dewan Bandaraya dan bagi “majlis”, ia punya taraf lain sikit. Jadi ia ada perbezaan, dan Jemaah Menteri....

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri. Sikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum ini kita ada lagi 14 minit.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya panjang lagi. Saya harap kalau dapat, saya siapkan hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yalah. Jadi saya cadangkan supaya Yang Berhormat Menteri teruskan jawapan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Selepas ini saya tidak boleh layan. Kalau tidak, tidak boleh habis.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Selepas Tangga Batulah.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Okey, *last* sekali.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Lepas naik Tangga Batu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Apakah bentuk kawalan ataupun pemantauan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terhadap Majlis-majlis Bandaraya yang menggunakan slogan-slogan tertentu bagi menyemarakkan Majlis Bandaraya mereka. Umpamanya Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah; Majlis Perbandaran Langkawi Bandar Pelancongan; dan Kota Bharu, Majlis Bandaraya Islam. Ini yang saya hendak kata. Apakah kawalan oleh pihak kementerian terhadap penggunaan jenama ataupun *brand* ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Nama itu memang dikemukakan oleh kerajaan negeri. Kalau yang ada memohon kebenaran, selalunya Jemaah Menteri akan buat keputusan, kemudian di *endorse* oleh Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT). Kalau ada kerajaan negeri dia buat keputusan sendiri tanpa merujuk kepada MNKT, maka itu adalah satu perkara yang susah untuk kita kawal. Biasanya kalau kita sebut mengenai sesuatu gelaran, macam sebagai contoh Langkawi, Melaka, ada di *endorse* oleh Jemaah Menteri dan juga diputuskan oleh MNKT. Yang lain-lain mungkin ada sesetengah tempat dia tidak rujuk kepada Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kalau ada masalah, kita sentiasa bincang di MNKT yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kekurangan tanah untuk rumah ibadat, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, tanah adalah perkara di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri dan Jawatankuasa Perancang Negeri yang di tubuh bagi setiap negeri dipengerusikan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri. Tanggungjawab untuk mengatur, mengawal, merancang dan menyelaras semua aktiviti pemajuan di dalam negeri melalui pentadbiran PBT.

Oleh yang demikian, pemberian tanah untuk ganti rumah-rumah ibadat yang dirobuhkan oleh PBT adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Untuk Yang Berhormat Kuala Krau dan Jerlun, kerajaan sedar bahawa skim perkhidmatan pegawai dan kakitangan PBT yang tertutup seperti yang diamalkan sekarang boleh menimbulkan implikasi yang negatif. Oleh yang demikian, satu kajian mengenai perkara tersebut telah diadakan dan cadangan untuk mewujudkan skim perkhidmatan PBT yang lebih terbuka akan dikemukakan untuk dipertimbangkan oleh Jemaah Menteri.

Untuk Ahli Yang Berhormat Batu Pahat, pada masa ini kerajaan belum bercadang untuk mewujudkan Suruhanjaya Pemantau Pengurusan PBT bagi menangani permasalahan yang berlaku di peringkat PBT dan peningkatan peranan PBT. Walau bagaimanapun, kementerian telah mewujudkan bahagian pemantauan pengurusan PBT di jabatan kerajaan tempatan bagi memantau pelaksanaan dasar-dasar dan arahan-arahan kerajaan.

Kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti dan isu-isu semasa yang sering berbangkit akan dimaklumkan kepada semua pihak berkuasa tempatan melalui mesyuarat-mesyuarat berkala yang diadakan dengan kementerian. Di samping itu, sebarang kelemahan dan cadangan penambahbaikan yang melibatkan perkara-perkara dasar akan di bentang melalui mesyuarat negara bagi kerajaan tempatan untuk berbincang dan diterima pakai oleh semua pihak berkuasa.

Mengenai projek pelupusan tapak pelupusan di Bukit Tagar yang dilaksanakan setelah mendapat persetujuan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Projek tersebut di laksana bagi menggantikan tapak-tapak pelupusan sampah yang akan ditutup di Lembah Klang seperti mana di Taman Beringin, Jinjang dan juga beberapa tapak pelupusan yang tidak *sanitary* sekarang.

Kekurangan tapak pelupusan bagi menampung sisa pepejal bagi kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Klang pada masa ini adalah amat kritikal. Dari segi operasi, tapak ini telah direka bentuk dengan mengambil kira ciri-ciri fizikal tapak dan amalan teknikal terkini yang diamalkan di negara-negara maju dan disesuaikan dengan keadaan negara ini. Operasi tapak juga telah mematuhi syarat-syarat yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar terutama dari segi aspek kawalan pencemaran.

Mengenai kesesuaian tapak *transfer station* saya telah pun jawab tadi dan juga bagi perkara lain yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Jerlun, Kota Melaka dan Batu Gajah, pihak kementerian sedia maklum bahawa terdapat banyak undang-undang kecil yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan kepada kuasa yang diberi seksyen 102, Akta Kerajaan Tempatan walau bagaimanapun masalah ialah undang-undang kecil yang diguna pakai didapati tidak seragam antara Pihak Berkuasa Tempatan dan dilaksanakan mengikut tafsiran sendiri ke atas sesuatu perkara yang digantung dalam undang-undang kecil tersebut seperti penguat kuasa ke atas salah laku di bawah Undang-undang Kecil Taman yang menimbulkan kontroversi baru-baru ini.

Bagi mengatasi masalah tersebut Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyelaras penyediaan draf bagi definisi berkelakuan lucah dan sumbang yang terdapat dalam Undang-undang Kecil Taman atau mana-mana undang-undang lain yang diguna pakai oleh peringkat Pihak Berkuasa Tempatan sekarang.

Draf yang akan sediakan itu dibincang bersama dengan beberapa kementerian yang berkaitan sebelum dibentang untuk diputuskan oleh Jemaah Menteri dan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan dan akan diguna pakai secara seragam. Sebelum perkara diputus dan dapat keputusan muktamad Jemaah Menteri mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan supaya jangan guna budi bicara sendiri membuat interpretasi mengenai perkara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tuaran berdasarkan bancian yang dijalankan oleh EPU, EPF....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan, minta penjelasan Yang Berhormat, ini perkara penting.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Siapa yang minta ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, siapa yang minta Yang Berhormat?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ini suara saya dengar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** *[Menyampuk]*

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jadi Menteri bagi siapa?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Mengapa yang...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya tanya Menteri, bagi siapa?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Bagi saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebenarnya sebelum Yang Berhormat Menteri membenarkan sesiapa, Batu Gajah sudah duduk.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya bukan duduk, saya mahu ambil kertas... *[Dewan riuh dengan ketawa]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tidak apa, tidak apa..., saya tidak marah, saya tanya juga.

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua, DAP memang begitu, dia suka berebut.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Sila.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Adakah Yang Berhormat Menteri. Apakah pendiriannya mengenai iaitu tugas kerajaan tempatan sebenarnya adalah untuk kutip sampah sarap, *road maintenance*, kerja-kerja sebegitu dan bukannya untuk moral policing dan dengan akta-akta yang akan dibincang di bawah Kabinet meeting yang ada, itu di bawah bidang menteri ia akan menambah lagi tugas kerajaan tempatan sedangkan sekarang kebanyakan kerajaan tempatan tidak berdaya menjalankan tugas mereka dengan memuaskan.

Dan ada juga di bawah *Penal Code* ada satu seksyen 377D mengenai *outrageous modesty*. "377D. Any person who, in public or private commits, or abets the commission of, or procures or attempts to procure the commission by any person of, any act of gross indecency with another person, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years." Sekarang kita sudah ada, undang-undang untuk menyekat pelanggan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apakah soalan, soalan?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini biarlah..., tugas ini biarlah *morale policing or whatever*, biarlah polis untuk menjalankan tugasnya dan apa pendirian Mnteri.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Semua undang-undang yang sedia ada di bawah bidang kuasa yang lain tidak akan terjejas. Apa yang saya sebut di sini ialah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan maka segala definisi yang dibincangkan itu adalah khusus untuk Pihak Berkuasa Tempatan dan saya tidak ada apa-apa pandangan yang membawa undang-undang lain di bawah jagaan agensi yang lain. Jadi bagi saya...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** ...Saya tunggukan di sini ialah Pihak Berkuasa Tempatan sahaja. Sila.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya menyambut baik kenyataan Yang Berhormat Menteri. Di mana Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa dengan tegas tindakan tidak boleh diambil terhadap pasangan yang hanya berpegangan tangan tetapi semalam laporan akhbar menyatakan Mufti Perak dan juga JAKIM menyatakan mereka akan meneruskan tindakan untuk mencari pasangan yang didapati berkelakuan tidak sopan atau lucah atau sumbang termasuk bercium, berpegang tangan, duduk berdekatan-dekatan meliputi juga pasangan bukan Islam. Ini memang bercanggah dengan kenyataan...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang ini memang bercanggah dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa ia tidak akan menguatkuasakan undang-undang...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang ini untuk orang Islam sahaja Batu Gajah..., jangan usik. Ini JAKIM

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat Batu Gajah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** JAKIM dia jaga Islam sahaja, tidak akanlah tidak faham?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Kenyataan amat jelas dalam laporan itu menyatakan bahawa yang didapati bukti, Islam dengan yang bukan Islam itu...

**Seorang Ahli:** Jangan cakap bohonglah Batu Gajah!

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang bukan Islam itu akan dibawa ke balai polis.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya bawalah, sebab dia masuk ke situ buat apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jadi saya ingin Yang Berhormat Menteri buat satu kenyataan kerana tindakan JAKIM ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, masa pun sudah cukup sudah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Walaupun Kabinet telah mengarahkan Yang Berhormat Menteri untuk menangguk penguatkuasaan dan memberi definisi kepada kelakuan lucah dan sumbang ini. Jadi saya pohon penjelasan di mana JAKIM tidak mendengar dan berterusan untuk merangkumi juga kelakuan bukan Islam, terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya baru sebut apa yang kementerian saya mempunyai bidang kuasa ialah penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan. Agensi-agensi lain yang saya tidak berdaya tidak dapat menyentuh kerana dia bidang kuasa lain jadi itu ialah setakat yang telah saya jawab.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Pohon penjelasan. Yang Berhormat Menteri saya harap Yang Berhormat Menteri dengan sokongan kami di sini boleh bagi lebih bantuan di mana Yang Berhormat Menteri JAKIM, Mufti Perak dengan jelas menyatakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jawapan itu nanti...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat ini JAKIM dia jaga orang Islam...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Kalau hanya sampai takrifan kurang sopan, hingga sampai...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hoi, mana you boleh mahu *control* benda itu siapa, Batu Gajah tidak fahamkah?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ini sangat teruk, negara!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua, ini JAKIM Yang Berhormat hanya Islam sahaja.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ya, ini ialah menjawab kenyataan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Mana boleh, *no way!*

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Kalau Yang Berhormat Menteri boleh rujuk kepada *Harian Metro* semalam, jelas menyatakan bahawa dia ini membalas kenyataan Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Sudah berucap, sudah berucap ini!

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat, bahawa berbogel itu ialah terlampau tetapi pihak Mufti kata... [Dewan riuh] Pihak JAKIM hendak tangkap... [Dewan riuh] Jangan lupa, ini bukan negara Islam...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** ....Ini bukan negara Islam!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat baiklah, Yang Berhormat bukan ambil masa dan peluang untuk berucap. Duduk, duduk!... [Dewan riuh]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak boleh sentuh! Heii, jaga Islam...!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Jerai, Jerai, cukuplah!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [Menyampuk]

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Heii, Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Jerai, *you* tahu atau tidak bahawa... [Disampuk] Ini hal JAKIM...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Itu untuk orang Islam dan undang-undang Islam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sudahlah itu! Cukuplah!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Undang-undang Islam untuk orang Islam sahaja. *You* tidak payah....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ini hal JAKIM, ini hal JAKIM...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Dalam hal ini bukan negara Islam... [Disampuk]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [Menyampuk]

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ini bukan negara Islam, saya tidak...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Negara Islam, *you* tidak fahamkah?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Menyampuk]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *You* tudung pun bising, semua *you* bising kah? Tudung pun bising, semua pun bising kah? Haiya, banyak susahlah ini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Jerai...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Islam *you* jangan usik, yang lain tidak apa. Islam jangan usik...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Menyampuk]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia mesti bawa dua-dua ke balai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sudah menteri jawab, cukup, cukup.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jerai, ini berbilang bangsa dan berbilang agama.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak faham undang-undang, ini negara Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ah tidak, ini saya tahu tetapi ini negara Islam, *you* jangan tunjuk samseng.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ini menunjukkan berbilang bangsa, berbilang kaum dan berbilang agama.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *You* ingat apa? *You* tidak suka, jangan terima, ini dia tangkap orang Islam, Yang Berhormat susah hati apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri boleh sambung esok kah, kalau tidak pun hari Isnin.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Okey, okey sudah, dengan apa yang kita bincang...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya harap, ya..., aspek ini boleh dipertimbangkan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak boleh timbang, Islam..., ini adalah negara Islam.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Okeylah, kita cuba...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Negara ini adalah berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang agama, harapan ke atas Yang Berhormat Menteri dalam aspek ini, *do not compromise, do not compromise the rights of the non-Muslim.*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Untuk orang Islam no compromise, mesti undang-undang Islam kena jalankan untuk orang Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** *[Bercakap dengan Yang Berhormat Menteri]* Baik, baik. Sila, sila!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Okey, hujah-hujah sudah dengar, jawapan pun saya sudah bagi tidak payah kita panjangkan perkara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tuaran berdasarkan bancian yang dijalankan oleh EPU, Jabatan Perdana Menteri, 13,800 isi rumah keluarga miskin di kawasan bandar negeri Sabah dalam tahun 2002, kadar kemiskinan Sabah didapati berkurangan dari 10.3% pada tahun 1995 kepada 8.5% pada tahun 2002.

Kementerian masih lagi menunggu maklumat hasil bancian profil isi rumah berpendapatan rendah di bandar yang telah dijalankan di 58 bandar terpilih di Malaysia pada tahun 2005 dari pihak Unit Perancang Ekonomi, dijangka dapat dikeluarkan tidak lama lagi. Jadi bagi lain-lain bandar bancian akan dijalankan kemudian dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Mengenai pelaksanaan program kemiskinan bandar memang usaha sedang dijalankan. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar di Rancangan Malaysia Kesembilan. Buat permulaan peruntukan ini akan disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan melalui kerajaan-kerajaan negeri, disampaikan kepada golongan miskin yang layak dalam bentuk bantuan dan pelaksanaan projek. Satu pelan strategik untuk membasmi kemiskinan telah dirangka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian saya akan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan NGO yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Yayasan Strategik Sosial merupakan contoh NGO yang telah memainkan peranan yang penting dalam membantu isi rumah miskin dan golongan berpendapatan rendah.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, NGO kebajikan seperti Yayasan Strategik Sosial akan terus diberi peranan bagi membantu isi rumah miskin di kawasan bandar. Pihak kementerian akan menyelaras dan memantau pelaksanaan program bagi memastikan keberkesanan sistem penyampaian pada golongan sasaran.

Untuk makluman Yang Berhormat Bera, kawasan sekitar Tasik Bera, Pahang telah diisytiharkan di dalam konvensyen ke atas tanah lembah yang diadakan di 'Lamsal', Iran pada tahun 1971 sebagai kawasan sensitif alam sekitar dan berkepentingan antarabangsa. Oleh yang demikian kawasan tersebut tidak dijadikan sebagai kawasan jelapang padi.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara lain yang telah dibangkitkan, telah saya jawab semasa menjawab soalan tambahan tadi mengenai isu masalah sampah, masalah penguatkuasaan PBT dan perkara mengenai peranan Ahli Majlis dan saya tidak akan ulang lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jerlun, garis panduan papan iklan premis perniagaan telah pun dipersetujui dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi Kerajaan Tempatan pada Oktober 2004, dan dimaklumkan kepada semua PBT melalui surat Pekeliling Kementerian pada 11 Januari 2005 yang lalu. Garis panduan tersebut bertujuan untuk menyeragamkan pemasangan papan iklan premis perniagaan di kawasan pentadbiran PBT dan pelesenan papan iklan tersebut adalah tertakluk pada Undang-undang Kecil Iklan yang diguna pakai oleh PBT.

Perluasan kawasan dan keupayaan perkhidmatan PBT untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lipis, perluasan sesuatu kawasan PBT dibuat bertujuan supaya kawasan-kawasan pinggir bandar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan bandar. Kelulusan perluasan kawasan PBT adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu seperti kependudukan kewangan yang kukuh dan mempunyai keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan pada seluruh kawasan PBT serta yang telah mendapat kelulusan kerajaan negeri.

Dari segi pengenalan cukai, kawasan pentadbiran PBT dibahagi kepada dua kawasan iaitu operasi di mana PBT menyediakan perkhidmatan dan mengenakan cukai dan kawasan kawalan di mana PBT hanya mengawal aspek pembangunan di kawasan tersebut tanpa mengenakan cukai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jerlun juga cadangan supaya jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah diasingkan daripada jawatan pegawai daerah, adalah tergantung dalam 64 perakuan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan PBT yang sedang dipantau pelaksanaannya oleh Kementerian. Kerajaan sentiasa mengingatkan PBT tentang pembayaran balik hutang-hutang daripada Kerajaan Persekutuan melalui mesyuarat yang diadakan bersama PBT, iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Perbadanan Perbandaran Bandar Malaysia dan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Majlis Daerah Seluruh Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bera, Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kuasa autonomi ke atas kewangan masing-masing. Jumlah simpanan tetap oleh PBT ditentukan oleh PBT itu sendiri. Namun begitu cadangan dari Yang Berhormat akan dimaklumkan kepada kerajaan negeri supaya menasihati PBT agar tidak mengutamakan simpanan tetap berbanding penyediaan peruntukan untuk projek-projek pembangunan atau pembayaran hutang kepada Kerajaan Persekutuan atau agensi yang lain

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Langkawi, dalam menjaga kebersihan PBT berkenaan iaitu Majlis Perbandaran Langkawi bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kutipan sampah, manakala orang awam perlu bekerjasama dengan pihak PBT supaya tidak membuang sampah merata-rata. Pihak Majlis sentiasa membuat pemantauan secara berkala dan memastikan sampah sarap tidak bertaburan dan perkhidmatan kutip sampah dilaksanakan mengikut jadual.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Padang Serai, bilangan Ahli Majlis Wanita pada masa ini ialah seramai 361 orang kira-kira 12% daripada jumlah keseluruhan Ahli Majlis PBT. Pihak kementerian tiada halangan jika lebih ramai kaum wanita dilantik menjadi Ahli Majlis dengan syarat mereka mempunyai kelayakan serta memenuhi syarat yang ditetapkan. Sebenarnya kementerian saya menggalakkan kalau sekiranya dapat menambahkan bilangan wanita dengan cepat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Parti Sulong, sehingga kini kerajaan tidak bercadang utama meminda peruntukan kuota 30% rumah kos rendah kepada bumiputera seperti yang telah dinyatakan dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Gelang Patah, terdapat dua jenis rumah pangsa, iaitu rumah yang dimiliki oleh pihak kerajaan negeri atau PBT dan rumah pangsa yang dimiliki oleh pihak swasta ataupun telah dijual kepada individu. Bagi rumah pangsa yang dimiliki oleh kerajaan pengurusan dan penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab kerajaan. Bagi rumah pangsa PPR disewa, penyelenggaraan di bawah pihak PBT di mana sewa RM124 diberi kepada PBT untuk urusan penyelenggaraan dan kebersihan di kawasan. Bagi rumah pangsa swasta yang telah dijual kepada individu adalah menjadi tanggungjawab pihak yang berkenaan di bawah perbadanan pengurusan masing-masing.

Pada kebiasaannya rumah pangsa yang menunggu hak milik strata kutipan caj penyelenggaraan dikenakan oleh pemaju perumahan antara RM30 ke RM100 mengikut projek-projek berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, sememangnya matlamat kerajaan adalah bagi menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan selesa serta mampu disewa atau dibeli bagi memenuhi keperluan tempat kediaman khususnya golongan berpendapatan rendah termasuk golongan setinggan. Bagi mencapai matlamat berkenaan KPKT akan meneruskan agenda pelaksanaan PPR di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan seperti yang diluluskan oleh kerajaan. Selaras dengan dasar pelaksanaan PPR Kementerian Perumahan akan memberi tumpuan bagi pelaksanaan PPR di kawasan-kawasan bandar besar yang masih mempunyai masalah setinggan serta permintaan dari golongan sasaran yang tinggi untuk perumahan sedemikian.

Projek-projek PPR yang telah siap akan diserahkan kepada pihak kerajaan negeri dan juga Dewan Bandaraya membuat pengisian penghuninya serta pengendalian urusan kerja-kerja penyelenggaraan. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kebiasaannya DBKL akan membuat penempatan penduduk setinggan ke kawasan-kawasan PPR, di kawasan yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Pada dasarnya penduduk setinggan di kawasan DBKL telah dibanci dan pihak DBKL telah mempunyai perancangan untuk membuat penempatan penduduk-penduduk setinggan berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Gelang Patah juga, pembinaan rumah teres kos rendah bagi menggantikan rumah pangsa adalah bergantung kepada kesesuaian lokasi. Di kawasan bandar di mana tanah terhad dan mahal pembinaan rumah pangsa kos rendah tidak dapat dielakkan bagi memenuhi permintaan yang tinggi dari penduduk bandar. Bagi kawasan pinggir bandar dan luar bandar, pembinaan rumah teres diberi keutamaan oleh agensi kerajaan dan pemaju swasta sesuai dengan permintaan.

Banyak perkara telah disentuh yang berulang ataupun ada berkaitan dengan jawapan yang saya beri. Bagi jawapan yang tidak sempat saya beri dengan cara spesifik, saya tetap akan meneliti apa yang telah dibincangkan di sini dan rekod *Hansard* juga dapat perhatian yang serius dari kementerian saya. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, minggu depan.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.40 petang.***